

Jilid III
Bil. 20



Hari Selasa
10hb Disember, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4021]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 4080]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

„ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

„ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

„ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).

„ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).

„ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

„ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

„ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).

„ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

„ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAKTEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., *P.J.B.* (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.H.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ TAN SRI C. SELVARAJ, P.S.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).

„ TUAN STEPHEN TIMORTHY WAN ULLOK (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEEKING, K.M.N., B.S.I. P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„, TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 10hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-
pengerusikan Mesyuarat*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RUMAH PEMULIHAN AKHLAK

1. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa ramai wanita menyatakan berapa ramai wanita Islam yang berada di Rumah Pemulihan Akhlak yang telah berumah tangga dan betul-betul telah pulih. Adakah pihak Kerajaan mengikuti perkembangan mereka-mereka yang telah berumah tangga supaya mereka tidak berbalik semula ke jalan yang salah.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Wanita dan Gadis 1973, seseorang yang telah berkahwin tidak boleh ditahan atau ditempatkan di Pusat Pemulihan Taman Seri Putri. Namun demikian, setakat 30hb November, 1985 terdapat seramai 12 orang wanita Islam semasa di dalam tahanan berjaya mendirikan rumahtangga dan sebaik-baik sahaja mereka berkahwin mereka dibebaskan di bawah peraturan undang-undang tanpa dikenakan seliaan lanjutan. Walaupun pada dasarnya setelah mereka berkahwin mereka tidak perlu lagi diletakkan di bawah seliaan Pegawai

Kebajikan Masyarakat, namun demikian mereka adalah dinasihatkan supaya mendapatkan pertolongan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sekiranya mereka mengalami sebarang kesulitan mengenai perkahwinan mereka.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk memberi segala pertolongan dan apa jua bantuan untuk mengatasi masalah kekeluargaan yang dihadapi oleh seseorang wanita itu supaya pemulihan mereka berhasil dan mereka tidak berbalik semula ke jalan yang salah.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa ramai wanita-wanita bukan Islam yang berada di Rumah Pemulihan Akhlak sekarang?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada seramai 290 orang wanita-wanita yang ditahan di Taman-taman Seri Putri di seluruh negara dan hampir 50% daripada mereka yang terdiri daripada orang Cina, setakat 12% orang India. Jadi, bermakna di antara 290 orang, lebih kurang 62% adalah terdiri daripada orang bukan Islam.

CARUMAN KWSP—POTONGAN
GAJI PEKERJA

2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar terdapat

ada beberapa Syarikat Swasta memotong gaji pekerja-pekerja bagi tujuan potongan Wang Tabung Simpanan Pekerja-pekerja (EPF) tetapi potongan dan sumbangan majikan tidak dihantar ke EPF. Jika benar:

- (a) berapa banyakkah majikan yang tidak menghantar sumbangan tersebut kepada EPF dalam tahun 1983, 1984 dan 1985;
- (b) apakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan ke atas mereka; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan memastikan supaya semua majikan membuat bayaran kepada EPF.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabaruddin Chik); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar terdapat beberapa syarikat swasta di golongan majikan yang memotong gaji pekerja-pekerjanya bagi tujuan caruman KWSP tetapi tidak menyerahkan kepada pejabat KWSP. Walau bagaimanapun, bilangan majikan yang begini adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah majikan yang mendaftar dengan KWSP. Sebagai misalannya, bilangan majikan-majikan yang tidak menyerahkan sumbangan caruman kepada KWSP bagi tahun 1983, 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1983, majikan yang tidak membayar caruman ialah 782 dibandingkan dengan jumlah majikan berdaftar sebanyak 124,104. Ini merupakan kira-kira 0.63%.

Bagi tahun 1984, majikan yang tidak membayar caruman ialah 955 daripada jumlah majikan yang berdaftar sebanyak 133,251. Ini bererti 0.71% daripada majikan yang tidak membayar caruman.

Bagi bulan Januari hingga September, 1985 majikan yang tidak membayar caruman ialah 1,103 daripada jumlah majikan berdaftar sebanyak 138,883 yang bererti bahawa 0.79% daripada jumlah majikan yang telah tidak membayar caruman.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini majikan-majikan yang tidak menyerahkan caruman pekerja dalam tempoh 3 bulan selepas peringatan dikeluarkan oleh KWSP akan dikunjungi oleh pemeriksa KWSP yang akan membuat taksiran tunggakan yang mesti dijelaskan oleh majikan dalam tempoh 14 hari. Tindakan mahkamah akan diambil jika majikan gagal membayar caruman dalam tempoh masa yang tersebut. Jika majikan tidak dapat membayar caruman tunggakan sekali gus, KWSP membenarkan majikan menjelaskan caruman-caruman tunggakan itu secara beransur-ansur. Jika sesuatu syarikat itu telah digulung atau seseorang majikan menjadi bankrap, pihak KWSP akan membuat tuntutan melalui pemegang harta.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan pada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak KWSP sentiasa mengawasi majikan-majikan yang tidak membuat bayaran kepada KWSP.

Langkah-langkah yang diambil oleh KWSP seperti yang telah saya jelaskan tadi adalah dikaji dari masa ke semasa demi keberkesanan kerja-kerja penguatkuasaan KWSP.

LATIHAN KEMAHIRAN

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang beliau masih ambil untuk meramai serta meningkatkan latihan kemahiran di negara ini

memandangkan perubahan-perubahan teknologi adalah diperlukan dalam usaha Kerajaan melaksanakan program-program perindustrian; dan

- (b) berapa banyak lagikah pusat-pusat latihan kemahiran akan didirikan untuk memenuhi keperluan ini menjelang tahun 1990.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):
Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Sesuai dengan matlamat negara menuju ke arah perindustrian, Kementerian saya dengan kerjasama lain-lain agensi berusaha dengan giatnya untuk meramaikan pekerja-pekerja mahir dan meningkatkan mutu latihan kemahiran negara dengan melalui usaha-usaha seperti berikut:

- (i) menambah bilangan institusi-institusi latihan perindustrian sejajar dengan rancangan induk perindustrian dan lain-lain dasar Kerajaan;
- (ii) sentiasa bekerjasama dengan pihak swasta dalam perancangan dan pelaksanaan program-program latihan kemahiran sama ada di peringkat industri ataupun di peringkat institusi latihan. Kementerian saya juga sentiasa menggalakkan pihak swasta mengadakan program sendiri untuk melatih pekerja-pekerja mereka sesuai dengan perubahan teknologi;

- (iii) mempelbagaikan bidang ketukangan yang diajar di institusi-institusi latihan perindustrian supaya dapat menampung keperluan dan perubahan teknologi pengeluaran dari pihak industri sejajar dengan rancangan-rancangan Kerajaan; dan

- (iv) melaksanakan program-program latihan peringkat tinggi kepada para pengajar dan penyelia dari firma-firma perusahaan di seluruh negara dengan matlamat apabila mereka kembali ke firma masing-masing, lebih ramai lagi pekerja-pekerja dari firma tersebut dapat diajar. Kemudahan ini dibekalkan oleh pusat latihan pengajar dan kemahiran lanjutan di Shah Alam, Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (b) Untuk memenuhi keperluan latihan perindustrian menjelang tahun 1990, Kementerian saya akan membangunkan 5 buah lagi institut latihan perindustrian menjadikan jumlahnya 10 buah. Lima buah institut baru itu akan dibina di Melaka, Alor Setar, Ipoh, Kuantan dan Kota Baru dan dijangka akan beroperasi pada tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk mengambil sedikit masa untuk mengambil peluang ini meminta pemberita-pemberita terutama sekali pemberita RTM jika ingin melaporkan fakta dan butir-butir yang dikemukakan di Dewan ini supaya seboleh-bolehnya mengelak daripada sebarang kesilapan

yang boleh mengelirukan orang ramai. Malam tadi, saya mengikuti Laporan Parlimen yang disiarkan melalui rangkaian pertama Televisyen Malaysia dan saya mendengar laporan itu menyebut Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahmah iaitu nama saya ada bertanya sesuatu kepada Menteri Kewangan dan saya sebenarnya tidak mengambil kisah kerana saya berpendapat mungkin juruhebah yang berkenaan tersilap atau mungkin telinga saya tersilap dengar. Tetapi beberapa minit kemudian, saya menerima beberapa panggilan telefon dan bertanya saya bila saya ini dilantik menjadi Senator dan bila saya ini dipecat daripada Timbalan Menteri, dengan secara menyindir. Saya kata ini mungkin barangkali juruhebah bermaksud Senator Datuk Haji Zakaria bin Haji Yahya. Tetapi pada pagi ini saya menerima beberapa panggilan telefon lagi dan pandangan yang agak kritikal yang mengatakan bagaimana pendapat seorang Timbalan Menteri dinafikan oleh Timbalan Menteri yang lain dalam Kerajaan yang sama kerana dalam laporan itu disebut Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Dato Sabbaruddin Chik menafikan pendapat Dato' Haji Zakaria itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan perkara ini kerana mungkin ianya boleh mengelirukan orang ramai ataupun boleh dianggap satu usaha untuk menjatuhkan maruah seseorang. Tetapi walau bagaimanapun, saya berpendapat ia merupakan satu kesilapan dan mungkin dapat diperbetulkan. Terpulanglah kepada RTM. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan pada Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Abdul Rahman, Timbalan Menteri Buruh. Soalan saya ialah kita sedia maklum bahawa pembangunan tenaga

manusia adalah begitu penting sekali untuk menjayakan pembangunan masyarakat dan ekonomi sesebuah negara. Kita banyak melihat contoh-contoh di dunia ini sejauh mana tenaga manusia itu memainkan peranan dengan secara begitu penting sekali. Jadi, soalan saya ialah, kalau sekiranya penting, dan saya percaya Kerajaan tidak terdaya untuk membuat kesemuanya, apakah tindakan dan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa keupayaan itu dapat dipertingkatkan melalui saluran-saluran swasta terutama sekali dengan cara memberi insentif ataupun galakan-galakan kepada penubuhan institusi-institusi kemahiran melalui peranan sektor swasta seperti yang kita lihat di negara Jepun terutama sekali.

Yang kedua, sejauh manakah pihak Kementerian agak serius, dengan izin, menggalakkan kerjasama antara Kerajaan dan pihak swasta terutama sekali dalam soal membuka peluang seluas-luasnya melatih tenaga kerja kita dalam bentuk program berlatih sambil bekerja ataupun dalam istilah Inggerisnya yang kita biasa kenal "on the job training programme". Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dua soalan yang saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dua perkara yang saya anggap penting dalam soal pembangunan tenaga manusia untuk negara kita pada masa ini dan pada masa hadapan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Memang tidak dapat dinafikan bahawa peranan tenaga kerja dalam sesebuah negara adalah sangat penting dan Kerajaan kita memang memberi galakan kepada pihak swasta supaya memainkan peranan yang sama dalam memberi latihan kemahiran kepada, bukan sahaja pekerja-pekerja masing-masing tetapi juga pada rakyat negara pada keseluruhannya kerana Kerajaan

sendiri sudah tentulah tidak mampu hendak mengendalikan latihan ini 100%.

Sukalah saya menyatakan di sini, Kerajaan memberi galakan melalui berbagai-bagai cara umpamanya melalui galakan percukaian kerjasama, nasihat, bimbingan dan termasuklah juga membantu melatih tenaga-tenaga pengajar bagi syarikat-syarikat swasta itu sendiri, iaitu penyelia-penyelia mereka dilatih di pusat latihan lanjutan di Shah Alam dan apabila penyelia-penyelia yang dihantar oleh syarikat-syarikat ini kembali ke syarikat-syarikat masing-masing, mereka boleh pula mengajar pekerja-pekerja di syarikat atau di kilang-kilang masing-masing.

Dan satu lagi caranya ialah dengan memberi peluang syarikat-syarikat swasta ini atau pihak swasta menghantar pelatih-pelatih mereka belajar di institut-institut latihan kepunyaan Kerajaan terutama sekali yang dikendalikan oleh Kementerian Buruh sebagaimana yang saya sebutkan tadi pada masa ini ada lima dan insya Allah akan ditambah lima buah lagi menjelang tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah juga saya menyatakan di sini pada masa ini sambutan daripada pihak swasta sangatlah menggalakkan dan tidak dapat kita nafikan pihak swasta masing-masing memainkan peranan yang begitu ketara dan peranan yang begitu berkesan dan kita dapati peranan yang dimainkan oleh pihak swasta ini akan dapat dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Institut-institut Latihan Perindustrian yang dikendalikan oleh Kementerian Buruh memang mengadakan satu skim latihan khusus bagi memberi latihan kepada pekerja-pekerja swasta dan

mereka itu dianjurkan oleh syarikat-syarikat swasta dan dibiayai oleh syarikat-syarikat swasta yang berkenaan, cuma institut-institut latihan di bawah Kementerian Buruh memberikan kemudahan latihan di dalam jurusan-jurusan kemahiran tertentu.

Dan suka juga saya menyatakan di sini pada masa ini institut-institut latihan seumpama ini yang dikendalikan oleh pihak swasta sendiri pun ada berjalan di beberapa tempat dalam negara kita ini. Ini menggambarkan bahawa kerjasama daripada pihak swasta dengan bantuan dan bimbingan daripada pihak Kerajaan sangat menggalakkan.

KAMPUCHEA—RUNDINGAN DENGAN VIETNAM

4. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah pencapaian rundingan berperantaraan di kalangan Negara-negara anggota ASEAN dengan Vietnam supaya berundur dari Kampuchea, dan adakah penarikan Khmer Rouge pemimpin Pol Pot dari Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea akan membawa pencapaian politik yang berkesan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir); Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berserta negara-negara ASEAN yang lainnya telah mengemukakan kepada Vietnam cadangan rundingan perantaraan atau "proximity talks" dalam usaha untuk mencari penyelesaian dalam masalah Kampuchea.

Pertemuan yang diharapkan dari rundingan perantaraan itu menitikberatkan perkara-perkara

berikut yang merupakan aspek yang asas dalam rangka penyelesaian politik yang menyeluruh:

- (1) pengunduran tentera asing dari Kampuchea.
- (2) Suruhanjaya Pengelola dan Pengawas Bangsa-Bangsa Bersatu.
- (3) Perdamaian Nasional (National Reconciliation).
- (4) Pilihanraya di bawah kelolaan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malangnya, setakat ini reaksi dari pihak Vietnam terhadap cadangan rundingan perantara ini tidak begitu menggalakkan.

Mengenai persaraan Pol Pot pula, ini bolehlah dianggap sebagai suatu langkah positif dari pihak Khmer Rouge untuk menyingkirkan apa yang disebut oleh pihak Vietnam selama ini sebagai "penghalang" terhadap sebarang usaha untuk mencapai kedamaian di antara pihak-pihak yang bersengketa dalam masalah Kampuchea.

Persaraan Pol Pot ini juga membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin Kampuchea telah mula menunjukkan bahawa mereka boleh mengenyepikan kepentingan peribadi bagi memajukan kepentingan negara dan bangsa mereka.

Kita berharap pengunduran Pol Pot yang diikuti pula oleh perubahan dalam pucuk pimpinan Khmer Rouge akan mengubah sikap pergerakan tersebut menjadi lebih "moderate" atau sederhana dan dengan itu membawa kepada kerjasama dan persefahaman yang lebih baik di antara puak-puak dalam Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Tetapi pengunduran Pol Pot malangnya tidak mengubah sikap Vietnam yang sedikit pun tidak bertolak ansur.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaatar:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu baru-baru ini negeri China dengan secara berterus terang memberikan bantuan senjata kepada Putera Norodom Sihanouk. Jadi tidakkah sikap Putera Norodom Sihanouk itu yang mana mendapatkan bantuan senjata daripada negeri China itu juga boleh menjejaskan sebarang langkah penyelesaian di antara Vietnam di negara-negara anggota ASEAN kerana menurut pandangan kita pada masa sekarang iaitu Vietnam itu memang bermusuhan ketat dengan negeri China. Jadi dengan adanya bantuan secara berterus-terangan dari negeri China dan sokongan senjata itu, jadi sebarang rundingan ASEAN itu sudah tentu tidak akan membawa sebarang penyelesaian kepada masalah Kampuchea.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa soal Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk mendapatkan bantuan senjata dari Republik Rakyat China bukanlah satu perkara baru. Ianya satu keadaan yang telah pun wujud sejak mulanya lagi sengketa Kampuchea. Kita tidaklah boleh mempersoalkan tindakan Kerajaan Campuran itu meminta senjata dari mana-mana pihak, oleh sebab mereka itu adalah sebuah Kerajaan yang sedang berperang untuk membebaskan negara mereka sendiri dan juga untuk menubuhkan sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat Kampuchea.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Malaysia ingin mengadakan perhubungan secara diplomatik dengan Vietnam untuk merapatkan lagi perhubungan di antara Malaysia

dengan Vietnam memandangkan Malaysia sudah ada perhubungan seperti ini dengan Rusia dan China sekarang?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sudah pun ada perhubungan diplomatik dengan Vietnam dan kita juga mempunyai suatu kedutaan yang penuh di Hanoi dengan diketuai oleh seorang Duta Besar yang penuh.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan satu rundingan "proximity talks", saya ingin hendak tahu apakah konsep ini bersamaan dengan konsep "cocktail party" yang telah digubalkan oleh pihak Indonesia, jika tidak, apakah maknanya "cocktail party" ini dan apakah konsep ini disokong oleh Malaysia?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal perundingan secara menghadiri satu cocktail party adalah satu cadangan yang telah diutarakan oleh Putera Norodom Sihanouk. Ianya adalah satu manifestasi yang menunjukkan sikap-sikap dan juga feel manusia di mana tidak membenarkan mereka berunding.

Jadi kalaulah feel dan sikap itu datang dari pemimpin-pemimpin, maka - sudah tentu ianya banyak merugikan rakyat yang ramai dan juga negara.

Maka oleh sebab itulah Putera Norodom Sihanouk telah pun mencadangkan soal mengadakan "cocktail party" mungkin secara berseluruh tetapi ianya telah menjadi satu cadangan yang serius. Ianya satu jalan yang akan memberi peluang kepada puak-puak yang bersengketa itu untuk menghadiri satu perjumpaan dengan menggunakan helah bahawa

mereka menghadiri satu perjumpaan sosial di mana soal pengiktirafan sesuatu puak yang lain itu tak timbul.

Jadi kita memang menyokong dan bersetuju dengan apa juga cara yang dapat membawa semua puak-puak yang bersengketa di Kampuchea itu berunding dan menyelesaikan perkara tersebut dengan cara politik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut iaitu baru-baru ini Kerajaan Negeri China mengamalkan konsep dasar ekonomi terbuka dan banyak negara mengambil peluang untuk berniaga dengan negara tersebut. Baru-baru ini juga negeri China mengeluarkan satu cara untuk membayar dagangannya ialah secara "counter-trade" yang mana satu daripada item counter-trade itu dengan memberikan buruh-buruh sebagai bayaran. Ada ura-ura negara jiran yang ingin mengambil buruh-buruh daripada negeri China dan negara-negara jiran yang mempunyai ura-ura untuk mengambil buruh itu ialah negara yang ada bersabit, ada menjadi ahli dalam ASEAN. Jika ini berlaku apakah reaksi daripada Kerajaan kita?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu tidak sedikit pun berkait dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dato Mohd. Din. Saya boleh jawab, tetapi mungkin tak kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak usaha dijawab.

SISTEM SEKOLAH—KESELESAAN MURID—GURU

5. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sebarang rancangan

untuk dilaksanakan di peringkat nasional supaya keadaan sistem di sekolah di negara kita dapat dikuatkuasakan untuk mewujudkan suasana yang selesa untuk murid-murid dan guru-guru di semua sekolah yang terlibat.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang mempunyai berbagai rancangan untuk dilaksanakan supaya keselesaan keadaan dan suasana pelajaran dan proses pembelajaran di seluruh negara terjamin.

Dengan kata lain, Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha untuk mewujudkan keadaan yang selesa bagi murid-murid dan guru-guru di sekolah-sekolah di negara ini.

Berbagai program dan aktiviti yang dijalankan selama ini dan yang akan terus dijalankan di masa-masa yang akan datang, sama ada dari segi pembangunan, pengurusan ataupun perkhidmatan sokongan adalah bertujuan, antara lain, untuk mewujudkan keadaan tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya tafsirkan di sini, keselesaan bukan dari segi fizikal sahaja. Keselesaan dari segi menerima nilai-nilai, pengetahuan ilmu dan disiplin daripada proses persekolahan yang dibentuk di peringkat nasional. Di sini untuk pertanyaan, saya ambil contoh yang khusus bagaimanakah Kementerian Pelajaran memilih sesuatu buku untuk ditunjukkan kepada sekolah dan digunakan sebagai matapelajaran di satu peringkat di semua sekolah sebegitu rupa supaya kita dapat membentuk satu keadaan di mana murid tadi menerima nilai, menerima ilmu yang sesuai untuk pembangunan tenaga manusia kita dan juga masyarakat Malaysia pada masa ini dan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya kalau sekiranya ada sesuatu buku itu yang dipilih atas kriteria apakah pengarang itu dipilih dan atas sebab-sebab apakah sesuatu buku itu dipilih untuk dijadikan sebagai teks untuk sekolah-sekolah di peringkat tertentu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan jawapan ini saya suka merujuk kepada soalan, yang sebenarnya memerlukan penjelasan yang umum. Memang saya setuju kepada Ahli Yang Berhormat bahawa keselesaan bukan hanya ditujukan dari segi fizikal sahaja kerana keselesaan ini juga merangkumi seluruh keselesaan termasuklah fikiran, keselesaan otak, di samping keselesaan fizikal iaitu comfort. Jadi oleh kerana itu saya berpendapat bahawa memang seluruh ini termasuk dalam keselesaan yang kita perlukan.

Namun demikian dalam konteks apa yang ditujukan oleh penyوال terhadap Kementerian mengenai keselesaan nampaknya dan kita ambil kira bahawa tujuan soalan itu ialah menghendaki kita menghuraikan aktiviti-aktiviti ataupun program-program yang ada hubung kaitnya dengan keselesaan fizikal.

Namun demikian menjawab soalan yang kedua dari Ahli Yang Berhormat mengenai kriteria-kriteria dan sebagainya untuk memilih penulis-penulis yang akan menggunakan buku-buku ditulis untuk kegunaan di sekolah, ingin saya jelaskan bahawa kita mengambil kira banyak kriteria-kriteria termasuklah kesesuaian buku-buku yang ditulis itu ke arah pencapaian matlamat pelajaran dan proses pembelajaran di negara kita supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk mewujudkan, melahirkan pelajar-pelajar generasi muda yang bertanggungjawab - di masa akan datang sebagaimana yang kita harapkan akan dapat kita capai.

Dari segi menghuraikan satu persatu saya memohon maaf kepada Yang Berhormat kerana ini perlu kita beri jawapan yang lebih panjang daripada ini.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah Kerajaan kita ada dasar pelajaran yang wajib, dengan izin, compulsory education untuk sekolah rendah?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum, yang kita ada sekarang ialah universal education yang kita hendakkan ibu bapa kita menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana kalau kita adakan sistem compulsory education, kita terpaksa menyediakan infrastruktur yang begitu banyak termasuklah kepada anak-anak kita di luar bandar yang memang langsung tidak boleh ke sekolah termasuklah tribe-tribe, rumpun-rumpun ataupun golongan bangsa di pendalaman di Sarawak seperti Punan, Penan dan sebagainya yang terpaksa kita beri nasihat, galakan untuk pergi ke sekolah. Dan setakat ini kita tidak mampu untuk mengadakan compulsory education maka kita hanya menerima hakikat bahawa universal education yang kita adakan sekarang adalah memadai.

PENAGIH DADAH ORANG ASLI

6. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu adakah terdapat masyarakat Orang Asli yang terlibat dengan penagih dadah, jika ada sila nyatakan ramai bilangannya dan di negeri mana.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya terdapat seorang sahaja Orang Asli yang terlibat dengan penagihan dadah berasal dari daerah Rompin, Pahang.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab hanya seorang Orang Asli yang terlibat dalam penagihan dadah tetapi adakah bilangan Orang Asli yang menjadi pengedar dadah dan juga, Tuan Yang di-Pertua, adakah ceramah atau tatarakyat yang diadakan di kampung Orang-orang Asli supaya menjauhkan mereka daripada penglibatan dalam menagih dadah dan sebagainya?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak terdapat seorang pun Orang Asli yang terlibat ataupun disyaki terlibat sebagai pengedar dadah. Memanglah menjadi tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memberi sedikit sebanyak kursus-kursus sivik kepada perkampungan Orang-orang Asli yang terdapat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

SOGOSHOSHAS—PRESTASI PENCAPAIAN

7. Tuan Jaafar bin Harun (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini adalah terdapat apa-apa kesan daripada tertubuhnya beberapa buah Sogoshosha. Apakah perancangan bagi masa depan sistem perdagangan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya walaupun syarikat-syarikat tersebut

masih belum menunjukkan perkembangan atau kesan yang diharapkan tetapi prestasi beberapa buah syarikat sogoshosha sehingga kini adalah memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi yang berbeza dari satu sogoshosha dengan yang lain adalah semata-mata dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti had modal yang dilaburkan, mutu serta lingkungan barangan eksport yang tidak begitu luas, keupayaan pengeluaran yang terhad serta persaingan hebat di pasaran antarabangsa.

Sungguhpun demikian, Kerajaan akan terus menggalakkan penubuhan dan kegiatan sogoshosha sebagai usaha yang komplementari terhadap amalan perdagangan yang sedia ada. Selanjutnya Kerajaan akan sedia membantu mereka melalui kemudahan-kemudahan yang telah diadakan seperti perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia serta MEXPO. Sehingga kini Kerajaan tidak ada suatu perancangan yang khusus bagi menjayakan sogoshosha. Sebaliknya kejayaan syarikat-syarikat tersebut adalah terpujang kepada inisiatif dan daya usaha masing-masing.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan beberapa contoh yang dimaksudkan sogoshosha di negara kita ini pada hari ini?

Yang kedua, saya percaya pihak Kementerian banyak mendapat maklumat tentang apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Jepun bersama-sama dengan sogoshosha. Oleh yang demikian saya bertanya kalau sekiranya sekarang belum ada rancangan lagi, apakah boleh dipelajari oleh Kerajaan Malaysia dari segi memajukan sogoshosha pada masa hadapan?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada di Kementerian terdapat 8 buah syarikat yang telah pun diiktiraf ataupun disebut sebagai syarikat sogoshosha berdasarkan besarnya syarikat itu dan gabungan beberapa buah syarikat yang bertujuan untuk mengambil bahagian yang lebih aktif dalam bidang perdagangan dan juga pengeksporan barang-barang hasil buatan negara kita.

Saya bolehlah menyebutkan secara ringkas antara syarikat-syarikat itu ialah Syarikat PERNAS Trading yang sebenarnya ditaja dan dimiliki oleh Kerajaan sendiri. Yang kedua, Syarikat Sime Darby/PERNAS Trading Corporation dengan modalnya sebanyak \$5 juta. Yang ketiga, Syarikat PERDAMA Corporation yang merupakan gabungan 5 buah syarikat seperti Kim Chuan Seng Holding, KOBENA, Sabah Marketing Corporation, Sarawak SEDC dan juga MITSUI dengan modal sebanyak \$2 juta. Selain daripada itu Syarikat Malaysian International Trans National Trading Corporation ataupun MATRA merupakan gabungan 3 buah syarikat seperti FIMA, United Motor Works dan juga PAMCO Holdings dan modal yang dibenarkan sebanyak \$350 juta dengan modal berbayar sebanyak \$3 juta.

Keempatnya, syarikat The Malaysian Overseas Investment Corporation Sdn Bhd (MOIC) dengan modal yang berbayar sebanyak \$5 juta iaitu gabungan sebanyak 8 buah syarikat di antaranya ialah Guthrie, Talasco Holding, Multi-Purpose dan sebagainya. Satu lagi ialah Mulpha International Trading Corporation Bhd (MITC) dengan gabungan beberapa buah syarikat dan sebahagian besar saham dipegang oleh Multi-Purpose dengan modal dibayar sebanyak \$78 juta. Selain daripada itu, sebagaimana yang saya telah s butkan

tadi iatu Pernas Trading mempunyai modalnya sebanyak \$16 juta juga Guthrie Malaysia Trading Corporation Sdn Bhd modalnya sebanyak \$1 juta. Ini merupakan satu syarikat subsidiary kepada Kumpulan Guthrie dan ikutinya sebahagian besar adalah dimiliki oleh Permodalan Nasional Bhd. Ini merupakan beberapa buah syarikat yang telah pun disebutkan sebagai syarikat Sogososha. Kita memanglah mengambil pengalaman mengenai penubuhan dan galakan untuk menubuhkan Sogososha ini berdasarkan kepada pengalaman dan kejayaan yang telah pun ditunjukkan oleh syarikat-syarikat gergasi di Jepun dan pihak Kerajaan khasnya Kementerian saya sentiasa mendapatkan pandangan serta tunjuk ajar serta bantuan daripada beberapa badan dan pertubuhan Jepun tentang selok-belok perniagaan ini dan kita juga mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil daripada syarikat Sogososha Malaysia tadi dan mengemukakan pandangan-pandangan bagaimanakah cara sistem perdagangan ini dapat dimajukan dari semasa ke semasa.

Saya sukalah memaklumkan bahawa setakat ini walaupun terdapat 8 buah Sogososha tadi, di peringkat awalnya kebanyakannya mereka tidak berjaya untuk menembusi pasaran di peringkat antarabangsa kerana menghadapi persaingan, tetapi mulai daripada tahun 1984 beberapa buah syarikat seperti Mitco Corporation Sdn Bhd dan juga syarikat Matra telah pun menunjukkan pencapaian yang menggalakkan dengan keuntungan yang boleh dianggap besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 8.

BAYARAN TELEFON

8. Puan Nen Abidah binti Abdullah (*di bawah S.O. 23. (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa panggilan telefon keluar negeri sekarang sudah dikurangkan bayarannya sedangkan bayaran di dalam negeri dinaikkan kadar 10 sen seunit kepada 13 sen seunit, memandangkan perkhidmatan telefon bukan lagi keperluan mewah malah ia merupakan keperluan asas harian, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar panggilan telefon dari yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa kadar bayaran panggilan telefon keluar negeri telah dikurangkan manakala kadar bayaran telefon dalam negeri dinaikkan. Penyusunan semula kadar bayaran panggilan telefon ini dilaksanakan mulai daripada 16hb Julai, 1985.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan di sini bahawa berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh pihak Bank Dunia kepada Jabatan Perdana Menteri, adalah didapati kadar bayaran telefon dalam negeri kita terlalu rendah manakala bayaran untuk panggilan antarabangsa agak tinggi. Bagi mengimbangi keadaan ini, laporan berkenaan mengesyorkan supaya struktur kadar bayaran perkhidmatan telefon negara disusun semula setimpal dengan kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan telefon serta kepentingan perhubungan perdagangan dan pelaburan negara.

Selaras dengan-penyusunan semula kadar bayaran telefon dalam negeri yang dilaksanakan mulai 16hb Julai 1985, bayaran panggilan telefon dinaikkan daripada 10 sen kepada 13

sen seunit. Kenaikan ini dibuat dengan tujuan untuk menampung perbelanjaan dalam penyediaan rangkaian telekomunikasi di negara ini yang kian berkembang dengan pesatnya. Tambahan pula kadar bayaran 10 sen seunit itu telah diperkenalkan sejak 20 tahun dahulu (pada tahun 1965) dan jika dikira berdasarkan faktor inflasi, bayaran yang sepatutnya dikenakan ialah 23 sen.

Mulai dari tarikh yang sama juga bayaran panggilan telefon antarabangsa telah dikurangkan antara 10 sen hingga 55.5 peratus iaitu selaras dengan dasar negara untuk meningkatkan pelaburan dan mengeratkan lagi hubungan dengan negara luar.

Adalah ditegaskan bahawa kadar bayaran telefon ini bukanlah dikenakan dengan begitu sahaja tetapi ianya dilakukan berasaskan kepada keperluan negara dan juga perbandingan dengan negara-negara lain, terutamanya negara-negara jiran.

Sungguh pun Kerajaan telah menaikkan bayaran panggilan telefon dalam negeri daripada 10 sen kepada 13 seunit, kesannya kepada pengguna-pengguna rumah persendirian, khususnya mereka yang mempunyai penggunaan rendah, tidaklah begitu buruk. Ini adalah kerana Kerajaan masih mengekalkan pemberian 100 unit panggilan percuma sebulan kepada semua pelanggan.

Memandangkan kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah kadar bayaran panggilan telefon yang ada sekarang ini.

KAD PERAKAM WAKTU— DISIPLIN

9. Tuan Harun bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana keberkesanan disiplin dan mutu

kerja pegawai dan kakitangan Kerajaan semenjak sistem kad perakam waktu diperkenalkan. Adakah di antara mereka diambil tindakan disiplin dan sebagainya kerana gagal mematuhi peraturan kad perakam waktu, kalau ada nyatakan bilangan mereka.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, sejak pelaksanaan sistem punch card (Kad perakam waktu) di agensi-agensi Kerajaan, kesan yang dapat dilihat adalah dari segi menepati disiplin datang dan pulang mengikut waktu pejabat. Pada keseluruhannya kakitangan Kerajaan lebih bertanggungjawab dan menunjukkan kesedaran tentang kepentingan datang dan pulang mengikut waktu pejabat yang ditetapkan. Mereka datang lebih awal dan tidak meninggalkan pejabat sebelum waktunya. Jika mereka bekerja hingga larut petang, waktu itu akan juga dirakamkan dan boleh menjadi asas untuk pertimbangan Khidmat Cemerlang dan lain-lain.

Dari segi bekerkesanan mutu kerja, ini tidak dapat diukur melalui sistem perakam waktu sahaja. Mutu kerja dan hasilnya bergantung kepada banyak faktor-faktor lain seperti sikap amanah, kemahiran bekerja, pengawasan yang baik, motivasi dan lain-lain. Adalah tanggungjawab ketua-ketua pejabat dan institusi-institusi latihan untuk sentiasa mengukur, menilai dan memperbaiki mutu kerja. Jika tidak dilakukan, mereka sendiri akan dianggap kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu sistem kad perakam waktu menggunakan kad yang mempunyai tiga warna iaitu kuning, hijau dan merah. Pada permulaannya semua pegawai atau kakitangan akan diberi kad kuning. Jika ia dapat sebanyak tiga kali catatan merah iaitu

lambat sampai dan merakam waktu dalam sebulan tanpa memberi keterangan yang diterima oleh pegawai atasannya, kadnya akan ditukar kepada kad hijau. Jika seseorang pemegang kad hijau mendapat dua catatan merah lagi tanpa memberi keterangan-keterangan yang diterima oleh pegawai atasannya kadnya akan ditukar kepada kad merah. Jika dapat satu catatan merah di atas kad merahnya tanpa keterangan yang diterima oleh pegawai atasannya, tindakan tatatertib akan dijalankan. Perkhidmatan Awam sehingga ini kes-kes tindakan tatatertib yang telah diambil oleh agensi-agensi Kerajaan adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Jumlah Kes Tindakan Tata-tertib	Jumlah Kad merah yang dikeluarkan	Jumlah Kad merah yang telah dikeluarkan
1983	.. 387	4,706	754
1984	.. 112	4,048	795

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah orang yang dapat kad merah itu sentiasa merah, ertinya tidak ada kemaafan di sebalik perbuatannya ataupun boleh satu masa dijadikan kad kuning baik.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, apabila dia dapat kad merah seperti yang saya katakan tadi maka pegawai atau kakitangan itu akan dikenakan langkah tatatertib. Walau bagaimanapun, dalam menyiasat kesnya itu, kadangkala juga mengikut penerangan-penerangan yang dipertahankan oleh si pesalah itu maka jabatan-jabatan biasanya mengambil perhatian dan kemungkinan juga seorang pegawai itu menjadi pulih semula dan naik pangkat balik.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita biasanya mengukur sumbangan

seseorang berdasarkan kepada hasil kerjanya. Jadi saya percaya dengan adanya sistem kad ini serba sedikit dapat memastikan hasil kerja seseorang di Jabatan Kerajaan. Soalan saya ialah apakah langkah seterusnya untuk kita mengukur sumbangan seseorang itu berdasarkan kepada hasil kerjanya, kerana cara inilah kita dapat betul-betul memastikan setiap individu, dapat diukur dari segi hasil kerjanya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat sebenarnya lebih kurang tahu juga jawapannya. Bila berkhidmat di perkhidmatan awam, mahupun di peringkat Persekutuan ataupun di Negeri-negeri, seperti yang telah saya gambarkan di dalam jawapan saya tadi, banyak faktor yang diambil kira, bukan sahaja dia tepat jam 8.00 dia sampai di pejabat dan 4.30 dia balik dari pejabat, tetapi prestasi seseorang pegawai atau kakitangan itu kenalah diukur oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga jabatan-jabatan, agensi-agensi Kerajaan dari segi performance serta prestasi seseorang itu, bukan sahaja dalam sebulan tetapi setahun dan tiap-tiap pegawai Kerajaan memang mempunyai Record of Service, iaitu Rekod Perkhidmatan, sehinggalah dia bersara dan daripada Rekod Perkhidmatan dia itu dan Laporan-laporan Sulit daripada Ketua-ketua Jabatan atasan itu dan lain-lain lagi, kita dapatlah mengukur tetapi sukarlah bagi saya untuk menjawab dengan keseluruhannya soalan Ahli Yang Berhormat itu, memadailah kalau saya katakan banyak faktor yang diambil kira dalam mempertimbangkan ataupun memberi reward, dengan izin, kepada perkhidmatan tiap-tiap kakitangan Kerajaan.

PROTON SAGA—KEJAYAAN

10. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan bahawa kejayaan Proton Saga telah

menaikkan. nama Malaysia di mata dunia di dalam bidang perindustrian negara ini. Sehingga kini berapa buah negarakah yang telah memesan kereta nasional tersebut.

30. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menjadikan kereta Proton Saga sebagai kereta rasmi untuk kakitangan Kerajaan.

13-12-1985

5. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan semenjak pelancaran Proton Saga pada 9hb Julai, 1985 sama ada kereta ini telah dijual di pasaran ASEAN dan jika ya, berapa buah telah dijual dan bagaimanakah sambutanannya.

17-12-1985

25. Tuan Hassan bin Nam minta Perdana Menteri menyatakan mungkinkah akan terjejas negara perindustrian-perindustrian kereta dan kapal terbang jika sekiranya Afrika Selatan menghentikan eksport logamnya keluar, bagaimana pula Malaysia dengan perindustrian kereta Proton Saga dari negara mana kita dapat bahan logam berkenaan.

18-12-1985

30. Tuan Hassan bin Nam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kereta nasional Proton Saga sudah ada mempunyai alatganti (spare part) dijual di tiap-tiap wakil penjual alatganti kereta biasa; dan
- (b) adakah harga spare partnya lebih murah daripada kereta lain atau sama sahaja harganya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama dengan

soalan Senator Abdul Hamid bin Ibrahim pada hari ini; soalan Senator Nen Abidah binti Haji Abdullah pada 13hb Disember, 1985 dan soalan-soalan Senator Hassan bin Nam pada 17hb dan 18hb Disember, 1985, kerana semuanya ada kaitan dan hampir-hampir sama maksudnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Proton telah menerima banyak pertanyaan daripada luar negeri dan mereka yang berminat untuk mengimport kereta Proton Saga. Sehingga kini, pihak Proton belum dapat menimbang pertanyaan-pertanyaan ini secara muktamad kerana kajian teliti sedang dijalankan oleh Proton untuk menentukan dasar eksportnya bagi memastikan dasar tersebut dapat dibuat dengan jayanya.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat maklum, beberapa buah kereta Proton Saga telah pun dibawa masuk ke negara-negara asing, tetapi penjualan ini tidaklah dibuat secara terus oleh Proton, dalam etikata yang lain, diorder atau dilanggan oleh pihak masing-masing di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kereta Proton Saga yang dikeluarkan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) adalah terdiri dari jenis 1300 c.c. dan 1500 c.c. Kerajaan akan mengkaji sama ada Proton Saga akan digunakan sebagai kereta rasmi untuk kakitangannya. Walau bagaimanapun, 'sukalah saya memaklumkan bahawa mulai dari 15hb Oktober, 1985 ini, kontrak iaitu Perbendaharaan kita bagi bekalan dan pengiriman kereta Jabatan-jabatan adalah terdiri dari jenis Proton Saga.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Proton telah menerima banyak pertanyaan dari luar negeri, sekali lagi seperti yang saya katakan tadi, termasuk beberapa buah negara ASEAN yang berminat untuk mengimport kereta

Proton Saga. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN mempunyai masalah-masalah masing-masing, termasuklah keupayaan atau kemampuan membeli, iaitu purchasing power, kereta kenderaan. Misalnya, di kalangan rakyat-rakyat ASEAN ada yang lebih mampu membeli motosikal daripada motokar.

Untuk menjawab bahagian yang kedua soalan ini, buat masa ini Proton tidak ada mengimport logam dari Afrika Selatan.

Bekalan alatganti bagi kereta Proton Saga adalah mencukupi dan boleh didapati di seluruh negara dengan cepat. Walau bagaimanapun, alatganti tersebut tidaklah dijual oleh tiap-tiap wakil penjual alatganti kereta yang biasa sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd (EON) telah menyediakan sebanyak 14 pusat servis di bandar-bandar besar di seluruh Malaysia untuk memberi perkhidmatan selepas jualan dan juga penjualan alatganti-alatganti tulin kereta Proton Saga. EON juga selain daripada itu telah melantik sebanyak 48 wakil-wakil servis di seluruh Malaysia di pekan-pekan yang strategik untuk memberi perkhidmatan selepas jualan (After sales service) kepada pembeli-pembeli kereta Proton Saga. Kesemua 48 wakil sah servis ini juga menjual alatganti-alatganti tulin kereta Proton Saga.

Cawangan-cawangan ini di-kelolakan oleh pekerja-pekerja yang mahir dan berkelengkapan cukup untuk memberi perkhidmatan selepas jualan yang bermutu tinggi dan memuaskan kepada pemilik-pemilik Proton Saga. Pihak EON juga menasihatkan pemilik-pemilik Proton Saga supaya mereka pergi kepada wakil-wakil yang sah yang dilantik

oleh pihak EON dan sentiasa menggunakan alatganti-alatganti yang tulin. Dengan cara ini, pihak EON harap keselamatan dari segi perkhidmatan selepas jualan akan terjamin.

Adalah menjadi dasar EON untuk membekalkan alatganti tulin Proton Saga yang bermutu dengan harga yang setanding di pasaran.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:
Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya mengenai masa hadapan Proton Saga. Soal Proton Saga pada masa sekarang ini memang sudah banyak negara-negara pun tahu kerana negara kita pun sekarang memang sudah mengakui iaitu kereta Proton Saga ini sebagai "kereta nasional. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sampai berapa tahunkah model Proton Saga ini masih dikekalkan seperti yang ada sekarang? Adakah 5 tahun ataupun 3 tahun kita akan tukar modelnya dan adakah rancangan atau cadangan untuk mengeluarkan satu model jenis kecil sedikit, iaitu 1100 c.c. sepertimana yang terdapat kereta Daihatsu Charade dengan menggunakan kuasa LPG, yang terus dilengkapi dengan kuasa LPG—Proton istimewa maksud saya ini. Adakah cadangan EON pada masa akan datang ataupun kilang kita yang membuat Proton Saga ini dan juga adakah dalam masa yang akan datang kita akan mengeluarkan lori juga daripada jenis Proton Saga kerana jenis lori 3 tan ini adalah sangat laris boleh digunakan di negara ini, pasarannya memang baik. Jadi tidak adakah cadangan Kerajaan untuk meneruskan pengeluaran kereta ini, bukanlah kita hanya mengeluarkan kereta Proton Saga 1500 c.c., 1300 c.c., tetapi saya ingin bertanya dalam soal ini, adakah cadangan Kerajaan untuk menukar model yang ada sekarang dan akan membuat model yang baru 1100 c.c. dengan

menggunakan kuasa PLG dan juga mengeluarkan lori yang seberat 3 tan sahaja?

Datuk Dr James P. Ongkili: Agak panjang soalan Yang Berhormat itu. Tuan Yang di-Pertua, model yang ada sekarang iaitu 1300 c.c. dan 1500 c.c. seperti yang saya telah katakan, kalau tidak salah pada 5hb Disember lalu semasa menjawab soalan di sini, model ini akan digunakan selama beberapa tahun yang akan datang dan hanyalah apabila difikirkan pasaran memerlukan pemindahan yang ketara barulah dibuat. Kemungkinan walaupun ada perubahan-perubahan yang dibuat hanyalah apa yang dinamakan sebagai cosmetic changes iaitu kepada badan, tetapi alat-alat ganti yang pokok seperti di dalam enjin dan besi-besi di dalam kereta itu tidak akan diubahkan. Ini memanglah akan menyenangkan dan menguntungkan pembeli-pembeli kereta Proton Saga kerana seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum ada beberapa jenis motokar kenderaan yang terkenal di dunia yang mana alat-alat ganti atau parts iaitu serupa sahaja bertahun-tahun, jadi tidak payahlah membeli yang baru bila membeli kereta yang baru tetapi kereta lama pun serupa juga alat-alat ganti yang digunakan.

Mengenai dengan jenis kereta yang kecil sedikit, pihak Proton pada ketika ini belum bercadang untuk membuat yang kecil. Tetapi pada mula-mulanya apabila kereta nasional ini sedang dibincang dan dirundingkan dan sedang direka dan sebagainya, ada tujuan untuk mengeluarkan sejenis yang kecil sedikit iaitu 1,200 c.c. Selain daripada itu ada jua tujuan sahaja untuk mengeluarkan satu jenis yang dinamakan Station Wagon yang panjang sedikit di belakang itu.

Mengenai penggunaan LPG pula, memang menjadi dasar Kerajaan

untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha kereta di negara ini untuk membekal kemudahan LPG selain daripada petrol atau gasoline kepada jenis-jenis kereta yang dibuat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Proton Saga ini memang disediakan untuk menggunakan petrol dan juga LPG pada masa sekarang ini.

Mengenai dengan lori, pada ketika ini Proton Saga belum ada cadangan untuk mengeluarkan lori.

Tuan Mohd. Yusoff alias Yusof bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, Proton Saga sekarang ini dijual oleh EON dan saya dapati EON membuka cawangan-cawangan di merata-rata tempat di negara kita ini. Saya ingat pada suatu masa dahulu apabila Sejati ataupun UMW mengambil alih penjualan kereta Toyota banyak desakan yang dibuat oleh ejen-ejen penjualan kereta Toyota kerana UMW membuka cawangan di seluruh negara sehingga menyebabkan persaingan yang hebat di antara sub-ejen penjual dan penjual tunggal itu.

Saya nampak di dalam kes Proton Saga ini akan dilantik juga ejen-ejen ataupun wakil-wakil penjual lain daripada EON. Jadi masalah persaingan di antara ejen-ejen ini dengan EON akan timbul pada masa yang akan datang dan mungkin persaingan ini akan menyebabkan wakil-wakil penjual yang lain akan menjadi dalam keadaan yang lebih lemah dibandingkan dengan EON. Jadi, saya ingin tahu kenapakah dibenarkan EON membuka cawangan ini di seluruh negara dan kenapakah tidak diserahkan penjualan Proton Saga ini kepada wakil penjual dan menyerahkan penjualannya, spare partsnya kepada wakil-wakil penjual daripada kalangan lain daripada EQN?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Proton dan menubuhkan EON ialah untuk

mengedarkan Proton Saga dengan sempurna dan demikian juga tujuan mendirikan pusat-pusat servis yang 14 yang saya katakan tadi di bandar-bandar besar di seluruh Malaysia ialah untuk menyenangkan pengedaran kereta Proton Saga dan juga untuk menyenangkan pelanggan-pelanggan dan pembeli-pembeli untuk mendapatnya. Sebenarnya pada ketika ini EON tidak berhasrat untuk berkecimpung lebih jauh daripada itu. Jadi sesiapa sama ada satu syarikat swasta ataupun individu ataupun golongan koperasi dan sebagainya yang ingin membeli Proton Saga ini boleh mendapatnya daripada 14 pusat servis itu. Jadi itu memberi peluang kepada pihak-pihak swasta untuk melanggan dan berkecimpung di dalam perniagaan penjualan Proton Saga ini sebenarnya. Tidak ada tujuan yang lain-lain, malahan pihak EON sebenarnya sekarang sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru sedang menawarkan kepada pihak-pihak golongan-golongan bumiputera untuk berniaga daripada 14 pusat servis ini.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sudi menjawab soalan saya No. 30 hari ini. Cuma soalan saya ialah sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menjadikan kereta Proton Saga sebagai kereta rasmi untuk kakitangan Kerajaan.

Jawapan Yang Berhormat tadi iaitu Perbendaharaan telah pun membuat beberapa kontrak untuk menempah kereta-kereta Proton Saga. Bolehkah saya anggapkan bahawa Kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk menjadikan kereta ini sebagai kereta rasmi untuk kakitangan Kerajaan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kita habis-habiskanlah Proton Saga di sini (*Ketawa*).

Soalan itu telah pun ditanya bukan sahaja di Dewan Negara yang mulia ini tetapi juga di Dewan Rakyat dan jawapannya ialah dari segi arahan hitam putih memang belum ada arahan Kerajaan kepada Kementerian-kementerian, kepada agensi-agensi, kepada Jabatan-jabatan apatah lagi kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Tetapi digalakkan Kementerian-kementerian dan juga Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk menggunakan kemudahan yang telah ada ini, kemudahan kereta nasional yang telah kita jayakan ini di mana sahaja kereta ini sesuai dan boleh menampung dan boleh tahan mengangkut urusan urusan Kerajaan itu. Kerajaan menyokong dan telah menjayakan projek kereta nasional ini bukanlah semata-matanya untuk menampung keperluan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di negara ini.

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia nampak, kereta nasional ini adalah satu projek di golongan swasta dan diselenggarakan supaya negara kita melalui syarikat swasta ini walaupun ditaja oleh Kerajaan dapat berkecimpung dan membuktikan bahawa kita sekarang adalah satu negara yang berkeupayaan untuk masuk ke dalam bidang pembinaan kereta seperti yang telah dibuat oleh negara-negara yang maju.

Jadi saya mintalah supaya kita semua faham bahawa mendirikan Proton Saga atau kereta nasional ini bukanlah semata-mata untuk menampung keperluan Kerajaan sahaja tetapi untuk memperlihatkan kepada rakyat kita semua yang kita ini berkeupayaan untuk menjalankan dan menjayakan perusahaan otomobil di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 Hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

PADI DISIMPAN DI KOMPLEKS LPN

11. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah dan peratus hasil tuai padi yang musnah tiap-tiap musim di sawah-sawah serta di Kompleks LPN, dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelamatkan hasil padi daripada kerugian oleh petani-petani atau semasa menyimpan di Kompleks LPN, tiap-tiap musim menuai.

20-12-85

2. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh beliau bagi mempercepatkan pemerosesan padi ke beras bagi mengelakkan kerosakan padi kerana langkah-langkah yang dijalankan sekarang tidak mencukupi bagi mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Dalam menjawab soalan ini, saya memohon izin untuk menjawab bersekali soalan Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood yang dijadualkan pada 20-12-1985, yang pada pendapat saya adalah atas masalah yang serupa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya hanya dapat memberikan maklumat mengenai kedudukan di peringkat kompleks-kompleks LPN sahaja dan tidak di peringkat sawah kerana ianya di luar bidang kuasa LPN.

Padi yang rosak atau lebih tepat yang jatuh mutu di kompleks LPN pada satu-satu musim adalah pada kadar 8% hingga 12% dari jumlah

padi yang dibeli oleh LPN, atau di antara 22,000 hingga 63,000 tan metrik setahun.

Antara faktor yang menyebabkan kejatuhan mutu padi ialah padi yang sedia basah waktu dibeli. Padi ini tidak boleh disimpan lama. Di samping itu terdapat juga padi dari jenis mutu yang rendah yang dijual kepada LPN. LPN adalah berusaha untuk menyelamatkan padi ini bukan sahaja di peringkat kompleks malah di peringkat sawah lagi. Di peringkat kompleks, 108 buah peneduh-peneduh (gudang) telah dibina, tiap-tiap satu daripadanya dapat memuatkan 1,000 tan metrik padi. LPN telah mengadakan kemudahan-kemudahan pengendalian secara pukal bagi mempercepatkan proses pengeringan. Keupayaan pengeringan di kompleks LPN telah ditambah dengan mengadakan lebih banyak alat-alat "Moisture Extraction Unit" (MEU) dan "Flat Bed Dryer" (FBD) bagi mengendali padi yang banyak. Di peringkat sawah pula LPN sedang memperkenalkan sistem pengendalian secara pukal dari segi pengumpulan dan pengangkutan padi ke kompleks-kompleks LPN. Ini juga akan mempercepatkan proses pengendalian membolehkan padi yang basah dan bermutu rendah dikeringkan dengan segera. Kerjasama dari agensi-agensi lain yang berkaitan dengan penanaman padi adalah didapatkan dalam usaha ini.

Oleh kerana pembelian padi LPN telah bertambah dengan banyaknya di akhir-akhir irri, LPN sekarang sedang mengkaji kemungkinan mendirikan pusat-pusat kecil (regional depots) yang akan berfungsi sebagai pusat belian dan pengeringan padi sebelum padi itu dihantar ke kompleks-kompleks LPN.

Sebagai satu lagi usaha untuk mempercepatkan pemerosesan padi dan dengan itu mengurangkan padi

yang jatuh mutu, LPN juga ada menghantar sebahagian dari padi yang dibelinya ke kilang-kilang swasta untuk dikisar di kawasan rancangan upah kisarnya. Bagt tahun 1985 ini sehingga bulan September, sebanyak 138,542 tan metrik padi telah diupah kisar. Rancangan ini akan diperluaskan lagi dengan melibatkan lebih banyak pengilang-pengilang swasta.

RISDA—MINI ESTET

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberitahu Dewan ini apakah benar pihak RISDA menjual dan menswastakan semua mini estetnya. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan langkah seperti itu dilakukan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Sukacita saya menegaskan di sini bahawa adalah tidak benar sama sekali dakwaan yang menyatakan pihak RISDA menjual dan menswastakan semua mini estet yang telah dimajukan. Ingin juga saya menjelaskan bahawa mini estet yang dimajukan di bawah pengurusan RISDA adalah kepunyaan pekebun-pekebun kecil. Tugas RISDA cuma membangunkan mini estet dari segi pengurusan semata-mata, dengan kerjasama jawatankuasa mini estet yang terdiri daripada pekebun kecil itu sendiri.

INDUSTRI BARANG-BARANG MAINAN

13. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan bagaimanakah kemajuan Industri Barang-barang Mainan Malaysia yang dieksport keluar negeri; berapa banyakkah Industri-industri yang ada dalam negara ini dan jenis barang-barang yang digunakan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Industri barang-barang mainan yang dieksport pada amnya telah berkembang dengan pesat dalam jangkamasa 5 tahun kebelakangan ini. Nilai eksport telah bertambah sebanyak empat belas kali ganda di antara tahun 1980 hingga 1984 iaitu daripada 4.5 juta ringgit menjadi 65.4 juta ringgit. Walau bagaimanapun perkembangan industri ini di sepanjang lima bulan pertama tahun 1985 adalah tidak begitu menggalakkan. Nilai eksport di sepanjang lima bulan pertama ialah lebih kurang 17 juta ringgit sahaja.

Sebanyak sepuluh buah syarikat adalah terlibat dalam pasaran eksport barang-barang mainan. Pasaran utama untuk barang-barang mainan Malaysia ialah di negara Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Singapura, Jerman Barat dan Australia. Jenis barang-barang permainan yang dieksport adalah seperti anak patong, tekasuai jodoh (puzzle) jenis-jenis binatang, kenderaan dan "stuffed toys". Barang-barang mainan yang dieksport kebanyakannya diperbuat dari plastik, logam, getah dan kapas.

TRAGEDI SAMPAN KARAM DI PULAU BESAR

14. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimana keputusan siasatan berkenaan dengan tragedi sampan dari Umbai ke Pulau Besar di Melaka.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa iaitu Shahbandar Melaka dan Negeri Sembilan telah mendapati bahawa tragedi itu berlaku disebabkan oleh dua faktor seperti berikut:

- (i) Pengusaha bot telah mengambil penumpang yang berlebihan daripada jumlah yang dibenarkan.
- (ii) Keadaan cuaca ganjil (freak) di mana terdapat tiga ombak besar yang menyebabkan bot tenggelam.

Berhubung dengan kesalahan mengambil penumpang yang berlebihan, mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas jurumudi kerana melakukan kesalahan tersebut.

<i>Jenis Insituti</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Jumlah Muaian</i>
(i) Rumah Seri Kenangan (Rumah Orang Tua)	8 buah	2,380 orang
(ii) Desa' Binadiri (Pusat Pemulihan Pengemis)	1 buah	420 orang
(iii) Taman Sinar Harapan:		
— (Institusi Pemulihan Kanak-kanak Cacat Akal)	2 buah	480 orang
— (Institusi Jagaan Kanak-kanak Cacat Akal)	3 buah	310 orang
(iv) Pusat Pemuihan Cacat Anggota	1 buah	150 orang
(v) Bengkel Daya Kelang (Bengkel Terlindung Bagi Orang Cacat)	1 buah	50 orang

- (b) Adalah menjadi amalan Kementerian Kebajikan Masyarakat menyediakan kemudahan bimbingan agama Islam di kesemua institusinya. Guru Agama yang berkhidmat di institusi tersebut adalah terdiri daripada mereka yang berkeelayakan dan diperakukan oleh Jabatan Agama Islam di negeri yang berkenaan.

RUMAH ORANG TUA

15. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan pusat-pusat rumah orang tua dan miskin di seluruh negara dan bilangan pusat-pusat kanak-kanak cacat; dan
- (b) sama ada Kementerian menyediakan guru-guru Agama Islam bagi mendidik dan mengajar Orang-orang Islam di Pusat-pusat tersebut.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):

- (a) Bilangan Rumah Orang Tua (Rumah Seri Kenangan) dan institusi orang cacat yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat di seluruh negara adalah seperti berikut:

LEMBAGA PERUMAHAN

16. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri/Timbangan Perdana Menteri dan anggota-anggotanya terdiri daripada tiap-tiap

Menteri Besar atau Ketua Menteri memandangkan kepada masalah kordinasi yang melambatkan proses-proses industri perumahan dan perlunya keutamaan atau prioriti diberi kepada perindustrian ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian saya tidak bercadang untuk membuat kajiari mengenai penubuhan sebuah Lembaga Perumahan seperti yang dicadangkan itu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah sedia menubuhkan apa yang dipanggil sebagai Majlis Perumahan Negara, yang menjalankan tugas-tugas penyelarasan perancangan dan pelaksanaan perumahan awam kos rendah. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ahli-ahlinya terdiri daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Besar/Ketua Menteri yang menjadi Pengerusi Perumahan Negeri.

Di samping itu, terdapat juga beberapa forum atau Jawatankuasa yang telah sedia ujud di kedua-dua peringkat Kebangsaan dan Negeri yang menjalankan fungsi-fungsi penyelarasan dan pelaksanaan program perumahan bagi sektor awam dan swasta. Oleh yang demikian, penubuhan sebuah Lembaga Perumahan yang akan menjalankan fungsi-fungsi yang sama dengan Majlis Perumahan Negara dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah sedia wujud, sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dirasakan tidak perlu.

DASAR EKONOMI NASIONAL BARU

17. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama

ada Kerajaan akan menimbang untuk memperkenalkan suatu dasar baru bergelar Dasar Ekonomi Nasional Baru yang akan memberi peruntukan bagi kemajuan setiap rakyat Malaysia tidak mengira bangsa atau keturunan, mereka.

Datuk Dr James P. Ongkili: Sebagaimana yang telah ditegaskan setakat ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan khusus mengenai nama Dasar baru bagi menggantikan DEB selepas tahun 1990. Kerajaan berpendapat walau apa pun peringkat pencapaian DEB pada tahun 1990, taraf pencapaian keseimbangan ekonomi antara kaum-kaum utama di negara ini masih lagi belum memuaskan. Kemiskinan akan terus wujud sungguhpun banyak usaha-usaha telah dilaksanakan di bawah DEB. Dari itu beberapa unsur DEB, terutamanya yang bertujuan mengurangkan keadaan ketidakseimbangan antara kaum, perlu diteruskan demi kestabilan politik dan keadilan sosial negara kita selepas tahun 1990.

Saya juga ingin menegaskan lagi di Dewan yang mulia ini bahawa pelaksanaan DEB tidak harus dianggap sebagai satu dasar yang cuba membeza-bezakan kepentingan di kalangan warganegara kita. DEB mestilah dianggap sebagai satu dasar yang positif yang bertujuan memperbaiki taraf hidup golongan-golongan yang masih tertinggal dari segi pencapaian ekonomi dan agihan kekayaan negara. Dasar seperti ini akan membolehkan kita memastikan pencapaian perpaduan negara dengan sepenuhnya.

PEKEBUN KECIL KELAPA— NASIB

18. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah dan tindakan yang

telah atau sedang dibuat untuk membantu dan membela nasib pekebun-pekebun kecil kelapa memandangkan harga kelapa sangat merosot sekarang ini. Adakah kemerosotan harga kelapa sekarang ini disebabkan kemasukan kelapa kering dari luar negeri yang tidak terkawal.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Saya minta izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan pada 11-12-1985 dan 12-12-1985 dari Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood dan Tuan Harun bin Hassan kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah lebih kurang sama. Bagi mengawal kejatuhan harga kelapa, Kementerian Pertanian melalui agensi pemasarannya, FAMA, telah pun menjalankan operasi menyelamat di Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Terengganu dan Melaka, dengan memberi sokongan harga (purata) sebanyak 3 sen setiap biji kelapa. Harga-harga yang ditawarkan adalah di antara 18 sen sebiji hingga 11 sen sebiji bergantung pada grednya. Sehingga 30hb November, 1985, jumlah yang telah dibeli oleh FAMA adalah 20,509,409 biji kelapa dengan perbelanjaan sebanyak \$2,413,710.50. Kelapa yang dibeli telah disalurkan kepada pasar-pasar tani, kilang serbuk santan, kelapa parut kering dan hasil keluaran kelapa yang lain. Langkah-langkah juga diambil untuk mencari peluang pasaran di luar negeri.

Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta Kementerian Kewangan juga sedang mengkaji/cadangan mengadakan sekatan import kelapa kering sebagai langkah untuk memulihkan harga kelapa tempatan. Secara keseluruhannya, kemasukan kelapa kering dari luar negeri tidak menjejaskan harga kelapa sekarang. Kemerosotan harga kelapa adalah disebabkan oleh peningkatan

pengeluaran minyak kelapa sawit dan minyak bijian di samping pengeluaran minyak kelapa yang bertambah di Filipina. Bahan-bahan ini juga merupakan pengganti yang sesuai bagi minyak kelapa dalam pemerosesan barangan yang menggunakan minyak kelapa seperti sabun, minyak masak dan lain-lain lagi.

Langkah-langkah iain yang dijalankan bagi meringankan beban penanam kelapa adalah seperti projek-projek sosio-ekonomi mengeluarkan madu lebah.

Di samping itu, tanaman koko yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil kelapa telah pun mula memberikan hasil dan dengan ini menambahkan pendapatan mereka.

Ingin saya menjelaskan di sini bahawa kejatuhan harga kelapa bukanlah disebabkan oleh musim kelapa melawas akan tetapi dipengaruhi oleh keadaan pasaran antarabangsa untuk semua jenis minyak. Sekiranya kelapa melawas, masalah tidak akan timbul kerana harga kelapa akan meningkat disebabkan bekalan yang berkurangan di pasaran.

INSTITUSI PERTUBUHAN PELADANG

19. Tuan Abdul Ghani Othman minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada LPP telah berjaya atau tidak sebagai institusi ekonomi masyarakat tani di negara ini; adakah Menteri Pertanian maklum bahawa di peringkat pelaksanaan banyak lagi boleh diperbaiki dari segi komitmen, inisiatif, inovasi dan usaha di kalangan semua yang terlibat.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: LPP selaku agensi yang bertanggungjawab membangunkan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar melalui institusi pertubuhan peladang masih lagi perlu memperbaiki taraf pencapaiannya.

LPP berdepan dengan tugas yang mencabar dalam menggerakkan petani-petani menyertai institusi pertumbuhan peladang di samping usaha mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat tani bukanlah hanya dipikul oleh LPP semata-mata. Ia adalah menjadi tanggungjawab dan dayausaha yang menyeluruh dari berbagai agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan iuar bandar.

Memanglah disedari bahawa di peringkat pelaksanaan masih banyak lagi bidang yang boleh diperbaiki di kalangan semua yang terlibat. Berbagai langkah sedang diambil melalui program-program latihan yang tersusun ke arah meninggikan kecekapan pengurusan dan memahami sikap yang positif di kalangan pegawai-pegawai. Usaha-usaha ini sudah tentu akan mengambil sedikit masa.

Dalam usaha meninggikan pencapaian, LPP telah mengatur beberapa strategi bagi memperkukuhkan lagi pergerakan pertumbuhan peladang seperti berikut:

- (a) meningkatkan pengeluaran pertanian menerusi penyusunan semula sistem perladangan secara tersusun;
- (b) memperluaskan dan mempelbagaikan bidang perniagaan pertanian pertumbuhan peladang di semua peringkat.
- (c) memperluaskan kegiatan pemerosesan dan industri asastani;
- (d) mempergiatkan penyertaan pertumbuhan peladang dalam sektor korporate menerusi pelaburan;
- (e) meninggikan kualiti pengurusan pertumbuhan peladang melalui rancangan latihan;

(f) pertumbuhan dan pengembelian modal pertumbuhan peladang;

(g) menggiatkan penyertaan pertumbuhan peladang dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan serta meningkatkan kualiti penghidupan keluarganya.

UNIYERSITI ISLAM ANTARABANGSA—PEMBINAAN

20. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa Universiti Islam Antarabangsa akan didirikan di kawasan berhampiran dengan Bentong, Pahang. Jika benar, sejauh manakah perancangan pembinaannya yang telah dilaksanakan.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Memang benar Universiti Islam Antarabangsa akan didirikan di kawasan berhampiran dengan Bentong, Pahang. Kementerian Pelajaran, dengan persetujuan kerajaan Negeri Pahang, telah mengenalpasti sebidang tanah di sekitar Bukit Tinggi dan Janda Baik, meliputi Lembah Sungai Tok-tok, untuk dijadikan tapak kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa. Setakat ini kerja-kerja ukur sedang dijalankan di atas tapak berkenaan.

ORANG ASLI MEMELUK AGAMA ISLAM

21. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan Orang-orang Asli yang telah memeluk agama Islam dan keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada mereka.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Bilangan Orang-orang Asli yang telah memeluk Agama Islam sehingga kini seramai 7,110 orang-

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) berusaha menyusun semula masyarakat Orang Asli dan seterusnya meninggikan taraf hidup mereka. Pada prinsipnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada masyarakat Orang Asli tidak mengira agama. Kemudahan-kemudahan tersebut ialah kemudahan pelajaran, kesihatan, pembangunan ekonomi dan sosial termasuklah kemudahan beribadat kepada yang beragama Islam seperti-mengadakan surau, kelas-kelas bimbingan Fardhu Ain, Muqadam dan kursus-kursus mengenai Islam dari semasa ke semasa.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI BAHAMAS

22. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pada isu-isu yang dibangkitkan oleh Malaysia dalam persidangan Ketua-ketua Kerajaan negara-negara Komanwel di Nassau Bahamas telah mendapat perhatian atau sambutan dan sama ada cadangan-cadangan untuk merobohkan masalah apartheid yang menekan masyarakat kulit hitam di Afrika Selatan telah direstui dan diambil tindakan lanjut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 4hb Disember, 1985.

Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

BARANGAN MALAYSIA— PEMBELIAN

23. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan adakah menjadi hasrat Kerajaan untuk mewajibkan setiap Kementerian membeli barangan-barangan Malaysia untuk kegunaan Kementerian-kementerian masing-masing seperti perabot dan lain-lain.

Dato' Sabbaruddin Chik: Dasar Kerajaan untuk mewajibkan semua Kementerian dan Badan-badan Kerajaan membeli barang-barang yang diperkilangkan di dalam negeri telah pun berkuatkuasa semenjak tahun 1983 melalui satu Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

GURU TERLATIH DI PAHANG

24. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Pelajaran menyatakan pada masa sekarang adakah benar bilangan guru-guru sekolah dalam Negeri Pahang tidak mencukupi. Jika ia apakah tindakan Kementerian berkenaan untuk menambah guru-guru yang masih berkurangan itu.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa bilangan guru-guru terlatih di negeri Pahang adalah tidak mencukupi. Kekurangan guru terlatih, sebenarnya, terdapat juga di negeri-negeri lain. Sungguh pun demikian tidak pula bermakna sekolah-sekolah kekurangan guru, oleh kerana kekurangan guru terlatih ditampung oleh guru sandaran atas guru sementara.

Dalam perkara ini suka saya menyatakan bahawa bagi tahun 1986 Kementerian Pelajaran bercadang hendak menempatkan seramai 847 orang guru terlatih dari semua kategori ke negeri Pahang.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DAN PERINDUSTRIAN—
TANGGUNGJAWAB**

25. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang begitu banyak sama ada beliau akan menimbangankan untuk memecahkan Kementerian ini kepada dua Kementerian iaitu Kementerian Perdagangan dan Kementerian Perindustrian seperti yang terdapat di setengah negara lain.

Datuk Dr James P. Ongkili: Memang benar tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah banyak, Tetapi untuk masa ini tugas-tugas ini boleh dilaksanakan dengan baik tanpa ianya perlu dipecahkan kepada dua buah Kementerian sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu,

KEKURANGAN AIR

26. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah beliau bagi mengatasi masalah kekurangan air yang dihadapi oleh negara kita dan apakah usaha-usaha beliau bagi menolong (membantu) negeri-negeri yang menghadapi masalah ini.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tanggapan Ahli Yang Berhormat mengenai masalah kekurangan air yang dihadapi oleh negara kita sekarang adalah tidak tepat.

Sepenarnya, jumlah pengeluaran air di Semenanjung Malaysia pada keseluruhannya adalah mencukupi, iaitu 3,982 juta liter sehari berbanding

dengan permintaan berjumlah 3,250 juta liter sehari, yang mana menunjukkan lebih pengeluaran air daripada permintaan sebanyak 732 juta liter sehari. Di negeri Sabah dan Sarawak, pengeluaran air secara keseluruhannya adalah difahamkan juga mencukupi. Dalam pada itu, terdapat keadaan di mana kekurangan pengeluaran air masih berlaku di negeri-negeri tertentu seperti Selangor dan Kedah.

Di samping itu, terdapat juga kekurangan di negeri-negeri seperti Johor dan Perlis, yang mana mempunyai pengeluaran air yang mencukupi secara keseluruhannya, tetapi berlaku kekurangan di dalam kawasan-kawasan tertentu di negeri-negeri itu. Di antara sebab-sebab berlakunya kekurangan air dalam kawasan-kawasan itu adalah kerana masalah agihan air akibat daripada jauhnya jarak daripada tempat pengeluaran air ke tempat yang hendak dibekalkan, dan juga tekanan air yang rendah di setengah-setengah kawasan tinggi.

Bagi Negeri Selangor, kekurangan air yang dialami sekarang akan dapat diatasi secara keseluruhannya sesudah sahaja bekalan air skim-skim Sg. Semenyih, Sg. Rangkap, Tanjung Karang dan Sg. Batu siap dalam tahun 1986/1987, yang mana akan dapat menambahkan pengeluaran air sebanyak 1,535 juta liter sehari, dan ini dijangka akan, dapat menampung permintaan air di negeri itu hingga ke tahun 1986/1990.

Bagi Negeri Kedah pula projek-projek seperti Bekalan Air Ahning, Bekalan Air Kedah Tengah/Selatan, Bekalan Air Pulau Langkawi dan Bekalan Air Alor Setar Peringkat IV sedang dilaksanakan, dan apabila siap pada tahun 1986/1987 akan menambahkan pengeluaran air sebanyak 490 juta liter sehari, yang mana dijangka akan dapat mengatasi

kekurangan air di negeri Kedah secara keseluruhannya hingga ke tahun 1990. Bagi Negeri Johor pula, projek-projek yang sedang dilaksanakan sekarang seperti Bekalan Air Labis, Bekalan Air Kota Tinggi, Bekalan Air Johor Bahru Fasa IA, Bekalan Air Senai/Kulai, Bekalan Air Johor Barat Peringkat I (MACAP) dan peringkat II (Bekok/Semborong), yang mana akan menambahkan pengeluaran air sebanyak 278.58 juta liter sehari sesudah siap dilaksanakan pada tahun 1986/1987, akan mengatasi kekurangan pengeluaran air di dalam kawasan-kawasan di negeri itu pada keseluruhannya pada tahun 1987.

Bagi Negeri Perlis, kekurangan air dalam kawasan-kawasan tertentu di negeri itu yang dialami sekarang akan dapat diatasi apabila projek Bekalan Air Timah-Tasoh dijangka siap pada tahun 1989.

Di samping itu, negeri-negeri lain yang mana sekarang tidak mengalami kekurangan pengeluaran air secara keseluruhannya sedang dan akan juga melaksanakan projek-projek pengeluaran air di negeri-negeri masing-masing untuk memastikan kekurangan air tidak berlaku di masa-masa hadapan.

Kerajaan Persekutuan akan memberi segala bantuan yang perlu kepada Kerajaan-kerajaan negeri supaya memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan mengikut jadual-jadual yang dirancangan. Bantuan ini, di antara lain adalah berbentuk teknikal, dan juga koordinasi di antara pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, seperti memastikan geran-geran ataupun pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Pusat dan juga dari antarabangsa, seperti Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia, diperolehi mengikut yang telah dirancangan.

ROKOK KRETEK— PENYELUDUPAN

27. Tuan Nasir bin Haji Manap minta Menteri Kewangan menyatakan negara kita sedang menghadapi masalah penyeludupan rokok kretek dari negara jiran. Dengan itu menjejaskan perusahaan negara:

- (a) jelaskan jumlah rokok tersebut yang telah dirampas dalam tahun 1984 dan dari Januari 1985 hingga September 1985; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah itu.

Dato' Sabbaruddin Chik: Jumlah nilai rokok kretek yang telah diseludup adalah seperti berikut:

1984.. .. \$79,361.14

Jan-Mac 1985 .. \$ 7,133.78

Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja untuk mengatasi masalah ini ialah seperti berikut:

- (a) mengadakan rondaan di darat dan di laut
- (b) mengadakan sekatan jalan raya.
- (c) menjalankan serang hendap atau maklumat yang diterima
- (d) membuat serbuan di tempat-tempat tertentu
- (e) menjalankan operasi bersama dengan unit Pencegahan Penyeludupan.

FELDA—PENEROKA KAUM CINA

28. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada pihak Kementerian sentiasa menjalankan dakyah terhadap kaum Cina dan menggalakkan mereka

menyertai rancangan Tanah FELDA kerana setakat ini bilangan peneroka kaum Cina terlalu kecil.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Mungkin soalan ini menggunakan istilah "dakyah" dalam kontek penerangan. Kalau ini yang dimaksudkan, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan warganegara yang berkelayakan tidak mengira kaum, untuk menyertai rancangan FELDA. Majlis penerangan kepada calon-calon peneroka untuk menjelaskan faedah-faedah dan peraturan-peraturan menjadi peneroka rancangan FELDA diadakan dari masa ke semasa. Dalam tahun 1985 majlis penerangan telah diadakan untuk bakal-bakal calon peneroka di Temerloh, Pahang, Seremban, Negeri Sembilan, Alor Setar, Kedah dan Batu Pahat, Johor.

Bilangan peneroka yang terdiri daripada kaum Cina adalah seramai 1,286 pada akhir bulan September, 1985 ini. Dari kajian-kajian dan pemerhatian yang dibuat ke atas pemohon dan peneroka-peneroka di rancangan-rancangan FELDA, didapati penyertaan yang kurang ini adalah kerana mereka lebih tertarik dan ternampak peluang-peluang yang lebih baik untuk menerokai bidang-bidang lain misalnya berniaga atau berusaha sendiri di mana mereka merasa tidak terikat dengan peraturan-peraturan, suasana dan keadaan yang wujud di rancangan.

PERKHIDMATAN KERETAPI— KAJIAN

29. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan perkhidmatan keretapi dan nyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk mengadakan perkhidmatan keretapi yang lebih cekap dan baik iaitu untuk mengadakan sistem "Mini train

services" iaitu perkhidmatan keretapi pendek pada tiap-tiap jam dari tiap-tiap stesen dari Kuala Lumpur dan balik.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, KTM baru-baru ini telah merayakan ulangtahun ke-100, iaitu dalam bulan Julai tahun ini. Adalah diakui bahawa sistem yang wujud sekarang telah ketinggalan zaman dan memerlukan pembaharuan dalam semua aspek. Walaupun terpaksa mengalami keadaan yang serba kekurangan, saya berpuashati bahawa Pengurus Besar dan kakitangan KTM telah berusaha sedaya upaya untuk mengatasi rintangan-rintangan fizikal ini dan jua untuk memperbaiki lagi kecekapan keseluruhan perkhidmatan-perkhidmatan keretapi. Namun demikian, adalah menjadi objektif kita untuk mempunyai satu sistem keretapi yang serba moden apabila kita berkemampuan untuk berbuat demikian.

Cadangan untuk mengadakan sistem perkhidmatan "Mini teren" atau perkhidmatan keretapi pendek adalah sukar untuk dipertimbangkan dalam keadaan dan sistem yang wujud sekarang. Ini adalah kerana dengan mempunyai sistem satu landasan sahaja di mana bilangan perkhidmatan yang ada sekarang pun sudah sampai ke paras maksima kegunaannya. Perkhidmatan yang dimaksudkan itu hanya dapat diadakan jika KTM mempunyai landasan berkembar dua hala yang membolehkan beberapa perkhidmatan keretapi berjalan serentak.

(Soalan No. 30. Sila lihat Jawapan No. 10).

DASAR PANDANG KE TIMUR

31. Tuan Harun bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan apakah

kesan kepada kemajuan negara semenjak Dasar Pandang Ke Timur diperkenalkan di negara ini. Adakah Kerajaan menerima sebarang tekanan dari rakan-rakan di barat apabila dasar itu diperkenalkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Adalah terlalu awal untuk menyatakan kesan Dasar Pandang ke Timur kepada kemajuan negara kerana proses ini memerlukan masa yang panjang. Namun demikian, kita percaya bahawa etika-etika kerja yang baik yang dipelajari oleh para pekerja Malaysia daripada orang-orang Jepun dan Korea Selatan di bawah Dasar Pandang ke Timur boleh menyumbang ke arah kemajuan negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menerima sebarang tekanan daripada negara-negara barat di atas pelaksanaan dasar ini.

PROTON SAGA—PINJAMAN KERAJAAN

32. Puan Hajjah Azizah binti Md. Said minta Menteri Kewangan menyatakan adakah menjadi hasrat Kerajaan memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan membeli kereta Proton Saga melalui pinjaman Kerajaan selaras dengan kempen Kerajaan menggalakkan membeli barangan buatan Malaysia,

Dato' Sabbaruddin Chik: Kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman kenderaan kepada pegawai-pegawai tertentu. Kerajaan tidak mempunyai dasar bagi memastikan pegawai-pegawai berkenaan membeli Proton Saga. Walau bagaimanapun mereka digalakkan membeli Proton Saga, selaras dengan kempen membeli barang-barang buatan tempatan. Oleh kerana harga Proton Saga lebih murah dan prestasinya memuaskan, kakitangan Kerajaan sepatutnya membeli Proton Saga.

PIKET TUNTUTAN KESATUAN SEKERJA

33. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan piket yang dilancarkan oleh kakitangan Kerajaan pada 1-10-1985, dan 23-10-1985. Apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang menjalankan kegiatan memburukkan Kerajaan ekoran dari tuntutan Kesatuan Sekerja baru-baru ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Piket yang telah diadakan pada 1-10-1985 telah berlangsung di luar waktu pejabat dan hanya 7% daripada ahli-ahli Kesatuan yang layak telah mengambil bahagian. Oleh kerana ianya telah berjalan di luar waktu bekerja ianya tidak menjejaskan perjalanan jentera Kerajaan. Piket yang telah dijadualkan pada 23-10-1985 telah dibatalkan.

Kakitangan Kerajaan yang berpiket pada 1-10-1985 berbuat demikian di bawah peraturan-peraturan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang membolehkan ahli-ahli kesatuan sekerja berpiket secara aman. Memandangkan hakikat itu dan bahawa pihak pekerja dan Kerajaan telah mencapai persefahaman bagi penyelesaian tuntutan pelarasan gaji itu pada akhir bulan Oktober, 1985, maka soal mengambil tindakan lain tidak timbul lagi.

PROJEK PERUMAHAN SEDC

34. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah projek perumahan SEDC yang telah siap hampir bertahun-tahun masih belum selesai penjualannya kepada pemohon (pembeli); adakah kerana harganya yang tinggi atau kerana kurang mutunya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Bilangan rumah-rumah PKEN-PKEN yang masih belum dapat dijual pada 30 November, 1985 ialah 11,441, terdiri daripada rumah-rumah yang disiapkan pada tahun 1980 hinggalah 1985, seperti berikut:

<i>Tahun Siap</i>	<i>Bilangan Unit Yang Belum Terjual</i>
1980..	1
1981..	1
1982..	58
1983..	1,697
1984/85	9,684
JUMLAH	11,441

Kesemua rumah yang telah disiapkan dalam tahun 1970an dan awal 1980an telah pun habis dijual. Bagi rumah-rumah yang disiapkan dalam 1984/85 masih belum terjual, itu tidaklah dapat disifatkan sebagai luar biasa, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi, terutamanya dalam sektor hartanah. Saya percaya dengan tindakan-tindakan dan strategi pemasaran yang agresif, rumah-rumah tersebut akan dapat dikurangkan jumlahnya.

LPN—BERAS YANG DIRAMPAS

35. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sehingga kini berapa banyakkah beras yang dirampas oleh LPN yang didapati dari kemasukan beras secara haram.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Jumlah rampasan beras yang diperolehi oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa LPN dari tahun 1976 hingga Oktober 1985

ialah 3,762,607.9 kg. bernilai \$3,459,310.12. Mereka yang telah melakukan kesalahan-kesalahan yang berkaitan telah didakwa dan bagi tempoh yang sama jumlah denda yang telah dipungut adalah sebanyak \$1,985,891.

PADI JENIS IR 42

36. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa jenis padi IR 42 hancur berasnya apabila diproses untuk menjadi beras sebab alat jentera mesin kilang di Malaysia ini tidak sama seperti di Manila, Filipina yang dapat mengeluarkan hasil beras yang bermutu dari padi IR 42 itu; jika sedar, apakah Kementerian bercadang untuk menukarkan jentera kepada jenis yang sesuai dengan padi IR 42 demi untuk kebaikan Ekonomi petani di semua kilang LPN di negara ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Padi jenis IR 42 yang ditanam di Kedah dan Perlis, mempunyai sifat genetik yang menyebabkan berasnya mudah patah apabila diproses. Malahan setengah daripada padi jenis ini telah mempunyai keretakan pada biji berasnya sebelum memasuki peringkat pemerosean. Disebabkan sifat-sifat yang sedemikian, mutu penghasilan berasnya adalah sangat rendah berbanding dengan padi jenis lain disebabkan lebih banyak beras hancur yang dihasilkan.

Sistem dan kaedah pengilangan padi yang diamalkan di Filipina dan di negara kita adalah sama. Padi yang diproses menjadi beras akan melalui peringkat-peringkat memecah kulit padi, pengasingan kulit dan biji beras, memutih dan mengilatkan biji beras dan seterusnya pengasingan kepala beras dan biji beras.

Walau bagaimanapun persoalan mengenai peratusan beras hancur yang tinggi yang dihasilkan dari pengilangan padi jenis IR 42 tidak menjadi masalah bagi Filipina kerana negara tersebut tidak mempunyai sistem pengedaran beras seperti di negara kita. Negara itu hanya mengawal satu gred beras sahaja manakala beras lain dijual pada harga yang setaraf dengan mutunya.

Pihak Kerajaan adalah tidak menggalakkan petani menanam padi jenis IR 42, sebaliknya menggalakkan penanaman padi jenis MR 71 dan MR 77 yang tinggi mutu penghasilan berasnya. Dengan itu tidak timbul soal LPN menukar jentera di kilangnya untuk padi IR 42.

PARTI KOMUNIS MALAYSIA (MCP) GERAKAN DI SEMPADAN

37. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang keadaan Parti Komunis Malaysia (MCP) yang sedang bergerak di sempadan dengan Negeri Thai.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Buat masa ini dianggarkan seramai lebih 800 anggota Penganas Komunis dari Parti Komunis Malaysia (PKMAL) yang masih bergerak di kawasan Sempadan Malaysia/Thailand. Kegiatan-kegiatan penganas ini pada amnya tertumpu Jcepada kegiatan mengutip wang ataupun yuran cukai, bahan makanan serta menyebarkan risalah atau propoganda komunis,

Untuk makluman Yang Berhormat, ancaman-ancaman dari Penganas Komunis khususnya Parti Komunis Malaysia di kawasan sempadan telah berkurangan hasil dari gerakan-gerakan dan operasi-operasi yang dilancarkan oleh kedua-dua Pasukan Keselamatan Malaysia/Thailand.

Selain dari itu, pertelingkahan yang sedia ujud di antara PKM (Parti Komunis Malaya) dan PKMAL semenjak perpecahan di dalam PKN pada awal 1970an masih berpanjangan. Pertelingkahan untuk memperluaskan kawasan kekuasaan dan gerakan di antara PKM dan PKMAL di beberapa kawasan di Selatan Thailand, terutama sekali di YALA dan BETONG diikuti pula dengan gerakan-gerakan yang berterusan oleh Pasukan Keselamatan Thai telah melemahkan lagi keupayaan unit-unit Penganas Komunis tersebut.

Projek-projek berorientasikan keselamatan yang dilaksanakan di sepanjang sempadan oleh kedua-dua negara juga telah memberikan sumbangan yang besar ke arah metumpuhkan kegiatan-kegiatan Penganas Komunis. Satu usahasama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand untuk mengusir Penganas Komunis daripada pengkalan-pengkalan mereka di hutan dan memisahkan mereka daripada penduduk-penduduk tempatan bagi menyekat pengedaran bekalan logistik dan seterusnya untuk menghapuskan saki baki Penganas Komunis yang ada di bawah "General Border Agreement" masih terjalin.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", (9hb Disember, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang menyambung ucapannya.

3.41 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:
Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun bagi menyambung perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekatan yang telah pun memulakan bacaan kali yang keduanya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk dalam bahagian Kementerian Kesihatan. Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan ini adalah satu peruntukan yang besar, oleh kerana itu keperluan-keperluan di bawah Kementerian ini haruslah ditumpukan lebih banyak di hospital-hospital luar bandar kerana apa yang saya dapati hospital-hospital luar bandar ini terlalu kurang kemudahan-kemudahan pertolongan yang sepatutnya didapati oleh penduduk-penduduk luar bandar, terutama sekali kawasan-kawasan hospital yang dilengkongi oleh penduduk-penduduk seperti rancangan-rancangan tanah. Contoh yang saya beri ialah Hospital Daerah Tampin.

Hospital Daerah Tampin ini adalah satu hospital yang paling penting bagi penduduk-penduduk kawasan yang berdekatan kerana hospital ini menampung beberapa ramai penduduk bukan sahaja ketumbuhan-ketumbuhan pembangunan yang sedang pesat di sekeliling bandar ini, malahan dia melengkongi kawasan-kawasan FELDA daripada FELDA Paloh di Gemas, FELDA Bukit Rokan, FELDA Jelai, kemudian FELDA Bukit Jalor dan sebagainya. Selain daripada perkampungan-perkampungan yang sedia ada, yang menampung hinggakan masuk kawasan negeri Melaka, Alor Gajah kerana Hospital Daerah Tampin lebih hampir dan juga Rembau.

Jadi apakala dibuat perhitungan contoh ini, Hospital Tampin ini sepatutnya dapat perhatian pertama oleh pihak Kementerian ini dalam

menyelesaikan beberapa masalah, sebab jalan yang digunakan di antara Seremban ke Gemas ini adalah satu jalan yang selalu ditimpa tragedi-tragedi, pelanggaran-pelanggaran dan sebagainya, dan kita banyak dapati bahawa jaiian ini pun sekarang ini dalam proses pembesaran. Oleh kerana jalan ini dalam proses pembesaran, ini memberikan kemudahan kepada pemandu-pemandu, berlumba di jalan raya. Hasil daripada keadaan ini maka banyaklah kecelakaan jalan raya ini berlaku dan kadang-kadang kecelakaan itu berlaku pertolongan untuk hendak disampaikan ke hospital ini agak sukar. Oleh kerana itu saya rasa banyak lagi hospitai-hospital di kawasan luar bandar yang perlu diambil perhatian dan diutamakan untuk menolong penduduk-penduduk miskin di luar bandar ini supaya jangan mereka itu sampai berulang alik ke Hospital Besar umpamanya yang saya beri contoh tadi, Hospital Tampin terpaksa berulang ke Hospital Besar Melaka atau Hospital Besar Seremban yang menggunakan perbelanjaan yang besar.

Selain daripada itu saya suka juga menyentuh kecekapan kakitangan hospital ini haruslah diperhebatkan, kerana saya nampak banyak kecuaiian-kecuaiian dan kurang perhatian daripada kakitangan-kakitangan hospital ini. Saya rasa kakitangan-kakitangan hospital ini kurang sangat mendapat latihan moral ataupun membuat latihan ulangan-ulangan daripada pihak. Kementerian Kesihatan ini kerana saya rasa kecekapan menjalankan tugas-tugas ini harus dibuatkan kursus-kursus bagi menyedarkan kakitangan ini betapa pentingnya pertolongan-pertolongan yang mesti diberikan kepada manusia-manusia yang mendapat kemalangan ini sebab saya tengok ada banyak perkara-perkara yang kurang menyenangkan hati, yang saya rasa tak payah hendak sebut dalam Dewan

yang mulia ini. Tetapi haruslah kakitangan-kakitangan daripada peringkat rendah ini hinggalah ke atas supaya dapat diberikan kursus kesedaran supaya mereka itu dapat menanamkan perasaan kasih sayang dan perasaan ingin menolong dengan seberapa boleh kepada pesakit-pesakit sebagaimana yang ada pada hati para-para doktor kita yang pakar-pakar ini untuk menyelamatkan nyawa mereka yang mendapat kemalangan, diberikan pertolongan dengan begitu cepat dijalankan beberapa usaha mudah-mudahan dapat diselamatkan nyawa mereka yang malang ini. Tetapi pada kakitangan-kakitangan yang peringkat bawah ini kecekapan ini nampak kurang, jadi oleh kerana itu perhatian ini haruslah dibuat supaya mereka ini diberikan kursus-kursus tertentu sekurang-kurangnya kursus mengenal diri mereka dan mereka akan tahu apakah tanggungjawab mereka yang sebenarnya.

Selain daripada itu juga saya nampak ada cadangan supaya hospital-hospital ini dapat dibuatkan satu lawatan khusus yang dikelolakan oleh pihak Kementerian ini. Kepada pesakit-pesakit iaitulah orang-orang yang tenat ataupun mereka yang sakit ini sepatutnya ada badan-badan yang dapat menziarahi mereka, menengok mereka terutama yang saya tekankan di sini ialah mereka yang beragama Islam. Biasanya orang yang beragama Islam ini manakala dia dapat kesakitan yang agak berat, maka pertolongan-pertolongan itu perlu supaya kita ziarah dia dan kita ajarkan dia kalimah-kalimah seperti mereka itu mengingatkan Allah s.w.t. kerana kita nampak boleh jadi tidak ada usaha-usaha yang hendak pertolongan dari segi kebolehan manusia untuk dia hidup lagi, dengan sebab itu kita terpaksa beri pedoman-pedoman untuk mereka itu menenangkan jiwanya dan dapat mereka itu mengingatkan Tuhan sebelum mereka itu meninggalkan dunia yang fana ini.

Saya mencadangkan supaya dapat seorang pegawai agama diletakkan di Hospital-hospital Besar ini supaya mereka ini dapat diberitahu oleh pihak Hospital manakah pesakit-pesakit yang sepatutnya dilawat secara rohani dan mudah-mudahan dengan itu dapat meringankan keadaan mereka sebelum mereka menghembuskan nafas yang terakhir.

Saya rasa belumlah sampai ke peringkat Hospital Daerah, tetapi Hospital-hospital Besar ini haruslah diadakan paling kurang seorang pegawai agama. Pegawai yang saya maksud ialah pegawai agama yang memahami keadaan keperibadian pesakit dan orang-orang yang ada sifat-sifat penyayang. Kalau diadakan pegawai agama, tetapi tidak mempunyai tanggungjawab ini tidak perlu, yang kita hendak ini ialah pegawai agama yang betul-betul memahami tentang beberapa pentingnya kerohanian orang-orang yang sakit itu harus kita berikan pertolongan.

Saya ingin menyentuh Kementerian Dalam Negeri. Saya hanya hendak menyentuh Kementerian Dalam Negeri ini iaitu mengenai Perkhidmatan Polis. Saya nampak Perkhidmatan Polis ini ada kejanggalan sedikit dalam masalah, dengan izin, uniform atau masalah pakaian ini.

Saya hendak tekankan perkara ini di sini kerana penerapan Islam sekarang ini sedang diterapkan dalam Pentadbiran Kerajaan, maka saya hendak sentuh tentang pakaian Polis Wanita. Apa salahnya Polis Wanita ini tidak dapat disamakan bentuk pakaiannya dengan Polis Wanita Bahagian Trafik. Kita nampak Polis Wanita Bahagian Trafik ini pakaiannya cukup tertib dan baik dan sesuai untuk dipandang, tetapi manakala kita tengok pakaian Polis Wanita biasa ini tidak sesuai kerana dia masih lagi memakai baju gown

yang nampak lutut, jadi nampak dia sendiri pun canggung memakai pakaian itu. Oleh kerana keadaan macam itu dia terpaksa juga memakainya. Begitu juga Polis Wanita Band. Yang silelakinya bagus, macam saya pakai ini. Dia pakai sampin dengan cukup smart, cukup kacak, tetapi bagi wanitanya dia pakai skirt juga, tidak sebagaimana yang sepatutnya.

Dengan sebab itu saya suka mencadangkan supaya pakaian Polis Wanita ini diselaraskan sesuai dengan kehendak penerapan Islam, kerana wanita ini agak saya dia pun sejuk juga, tetapi oleh kerana dia sudah terpaksa pakai, kadang-kadang dia terpaksa round, dengan keadaan pakaian yang senteng menteng sebegitu dan begitu juga dengan Polis Band, kalau dipakaikan seluar yang sesuai dengannya sebagaimana yang dilakukan pada Polis Trafik Wanita ini, saya cukup bersetujulah dengan pakaian itu, nampaknya cukup sesuai tetapi dengan polis seumpama yang saya sebutkan tadi, kurang sesuai. Dengan sebab itu mintalah supaya ini dapat difikirkan sedikit.

Keduanya saya menyentuh masalah dadah. Nampaknya dadah ini semakin hari adalah keluar sedikit. Kita lihat dalam surat khabar pun tidak begitu lumrah sangat macam yang telah lalu. Tetapi ada perlahan sedikit dan bilangannya pun sudah kurang tetapi dalam pada itu kita jangan berfikir bahawa penagih-penagih ini sudah berkurangan dan pihak yang berkenaan sudah menganggap perkara ini ringan, tetapi kita takut dalam keadaan kita fikir tidak ada tetapi dia ada. Cuma yang saya hendak tekankan di sini bahawa semasa saya belum membuat lawatan ke Pusat SERENTI, saya memang tidak begitu berkenan memandang penghisap-penghisap dadah ini. Tetapi bila sudah pergi lawat, tengok, macam mana keadaan mereka ini, macam mana suasananya, maka kita keluar air mata mengengok.

Sebab yang pertama sekali, manakala dimasukkan dalam bilik kurungan selama dua minggu hendak menentukan dia ini benar-benar penagih ataupun tidak, kalau kita tengok di situ dia hilang perasaannya. Manakala kita datang, dia menjerit-jerit bertanya kita, "daripada mana datang". Itu yang kita tidak tahan, kerana dia duduk di bilik yang sempit itu, maka dia menjerit bertanya kita, "Pak cik ini siapa? Datang dari mana? Apa hal" Ketika itu kita jatuh perasaan kita, kerana kita memikirkan begitu malangnya nasib dia yang dia sudah pergi sampai kepada peringkat membahayakan diri mereka. Saya nampak masalahnya, iaitu mereka yang tinggal di Pusat SERENTI ini nampaknya dibahagikan kepada empat fasa.

Fasa pertama, dia pakai seluar pendek biru, pakai baju merah.

Fasa kedua, dia pakai T-shirt kuning dan pakai seluar biru.

Fasa Ketiga itu baju hijau, seluar biru.

Fasa keempat baju putih, seluar biru.

Semua pendek belaka.

Apa yang ditekan dalam masalah ini, bila tengok dia dengan pakaian singlet dia, dengan pakaian seluar pendeknya tadi, maka saya sudah berbincang dengan pegawai yang berkenaan di situ, mengatakan apalah salahnya budak-budak ini diberi seluar baik sedikit, panjang sedikit, kesian tengok mereka macam ini. Dia kata ini memang sudah diatur macam itu. lalah, betul telah diatur macam itu tetapi tidakkah kita hendak memikirkan keadaan mereka terutama sekali, saya mengambil perhatian iaitu tentang fasa empat yang bakal hendak dibebaskan. Mereka itu terpaksa tinggal di situ selama dua tahun di atas rekod-rekod mereka.

Kemudian yang hendak dibebaskan, yang pakai singlet putih, seluar pendek ini, sepatutnya ini, sepatutnya sudah sampai peringkat dia menukarkan pakaian seluar panjang. Ada pendapat mengatakan kalau diberi seluar panjang, takut dia koyakkan seluar itu, dia gantung diri. Ini rasa saya tidak betul, sebab kita sudah tengok mereka itu ada yang terlibat dalam bahagian kecekapan yang lain. Umpamanya dia boleh bermain muzik dan sebagainya. Dia pakai seluar panjang dengan pakaian yang baik, tetapi kita tidak tengok hari ini dia bunuh diri.

Dengan sebab itu saya suka mencadangkan supaya pakaian mereka di Pusat SERENTI ini dapat difikirkan, diagakkan sesuai untuk mereka itu. Kesian kita tengok keadaan dia macam itu yang dia sudah insaf, dia sudah mula patuh, sudah mula mahu mengikut walaupun ada yang kita bebaskan itu dia balik menagih, itu peratusnya terlalu kecil.

Satu lagi yang saya nampak dalam Pusat SERENTI ini dalam usaha-usaha yang dibuat, latihan-latihan yang diberi semuanya kita agak boleh menarik perhatian dan patut dipuji. Cuma malangnya satu sahaja, yakni di Pusat SERENTI ini, hanya yang saya tengok di Tampin ada 500 lebih yang ditempatkan di situ dikawal oleh dua orang guru agama. Saya tengok guru agama yang dua orang itu tidak boleh memberi secara menyeluruh kesemuanya. Sebab itu pentingnya anak-anak yang telah terlibat dalam Pusat SERENTI ini ataupun orang-orang dewasa yang sudah terlibat di dalam Pusat SERENTI ini, kita tidak boleh hendak hujah dia supaya dia berhenti menghisap dadah begitu sahaja, malahan mestilah rohaninya itu kita bela.

Sebab saya interview seorang daripada penagih dadah itu, saya bertanya berapa lama kamu menagih

dadah? Dia kata, "empat tahun", sehingga sampai peringkat injection sendiri saya tengok di tangannya. Kemudian bila dia sudah cerita, akhirnya bila saya hendak keluar itu saya kata dengan dia, "kamu, tentang sembahyang itu jangan tinggal." Bila saya sebut sembahyang, dia balik bercakap. Dia kata, "betul pak chik, saya dahulu kerana saya tidak sedar, tidak ingatkan agama, tidak ingatkan apa. Bila saya sudah sembahyang di Pusat SERENTI ini, barulah saya tahu yang saya ini siapa yang sebenarnya". Katanya, "saya buat empat tahun menghisap dadah itu, memang saya tiada panduan apa-apa. Didikan rohani saya kurang". Kalau sudah nampak cara itu .seorang yang kita interview sudah boleh mendapat kesedaran, maka jurulatih-jurulatih atau penyelia-penyelia agama ini harus ditambah, tidak boleh dua orang dalam satu Pusat SERENTI.

Begitu juga tentang pakaian mereka itu mengikuti kelas-kelas agama, saya dapat tahu ada kalanya dia pakai seluar kontong itu juga dan dengan baju singlet itu. Rasa saya ini tidak begitu sesuai. Dengan sebab itu kita mintalah pihak-pihak yang bertanggungjawab ini memikirkan balik tentang keadaan mereka yang malang yang telah terceburlah ke dalam penagihan dadah ini.

Kemudian saya masuk dalam bahagian Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan ini yang melibatkan sebaran am. Saya suka menarik perhatian tentang program-program yang disusun dalam TV ini nampaknya ada perubahan-perubahan yang mengembirakan hati penonton-penonton dan orang ramai, terutama sekali mereka yang tidak suka hendak menengok perkara-perkara yang tidak sepatutnya ditayang di TV, nampaknya sudah beransur berkurangan. Maka saya ucapkan tahniah terutama sekali yang saya ucapkan tahniah kerana sudah dapat

menyusun program Bimbingan Agama itu betul tepat masanya. Begitu juga susunan mukaddam yang dibuat selepas Warta Berita pukul 6.00 petang itu adalah waktu yang agak saya sesuai. Kita mintalah ada suara-suara supaya Bimbingan Agama yang 10 minit itu ditambah lagi sekurang-kurangnya ditambah 5 minit untuk dipertingkatkan. Saya dapati banyak peminat-peminat yang mengikuti Bimbingan Agama ini memberi tahu, apa salahnya ditambah kepada 15 minit, yang ada ini kalau tidak salah saya 10 minit. Dengan sebab itu minta tolong tambah. Kita yang diminta bercakap ini, kita katalah minta tambah 15 minit, saya pun bersetuju ditambah kepada 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian masalah Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan yang akhir-akhir ini kita nampak tidak begitu berfungsi sangat. Apa sebab pun tidak tahu dan banyak yang saya tengok kerana mereka ini tidak cukup bekalan dan sebagainya.

Dahulu kita ingat Jabatan Penerangan ini berjalan waktu malam, dia pergi satu kampung ke satu kampung tayang filem, kemudian dia sampaikan sebaran-sebaran yang patut diketahui oleh orang ramai, masa itu televisyen tak ada, jadi apa gambar dibawa dalam kampung pun orang akan keluar beramai-ramai dengan anak-anaknya sekali duduk tengah padang itu tengok filem yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan. Kemudian pegawai itu tengah-tengah sedap, dia berhenti, dia pun cakap, ini ada hendak sampaikan maklumat-maklumat Kerajaan, dia sampaikan satu, dua, tiga. Sekarang ini benda itu sudah tak ada, jadi kita tak nampak di mana dia duduk. Cuma yang ada kita nampak kalau kegiatan-kegiatan sivik itu ada, adalah dia. Jadi saya minta yang ini pun tolong pastikan balik supaya dia sesuai.

Begitu juga tentang penglibatan-penglibatan percetakan-percetakan yang dibuat oleh Jabatan Penerangan.

Baru-baru ini berlaku dalam Majlis Perarakan Maulud Nabi di Seremban, ditulis di belakangnya itu, iaitu tema tahun ini "Amanah". Amanah yang diejanya ini pun tak betul. Dieja "Nabi" itu pun tak bertitik, tulisan jawi. "Salallahu alaihiwa salam" itu lagi salah, "sim-lam-alif-min" ditulisnya. Jadi sehinggakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pun menegur apafasal jadi macam ini. Kita siasat-siasat, rupanya orang di Pejabat Penerangan itu menulis dengan tak merujuk kepada Jabatan Agama. Ini satu keadaan yang mendukacitakan. Benda ini nampak kecil, tetapi bila diketengahkan dia sudah jadi besar. Jadi haraplah Jabatan Penerangan, benda-benda yang macam ini tolonglah betulkan dan tolong rujukkan, buatlah secara ikhlas supaya jangan cemar. Kalau itu sudah cemar, ejaan "ummah" pun "alif-wau-min-min-ha"—ummah, tak ada jumpa di tulisan jawi yang macam itu. Ini akibat yang saya tekankan dahulu supaya Kementerian Pelajaran tulisan jawi ini jangan main-main, supaya kita cadangkan tulisan jawi ini hendaklah diperkuatkan, ini dia akibatnya. Hati orang itu hendak menulis jawi, tetapi tak tahu hendak mengeja. Dengan sebab itu, kita minta kalau tak pandai tulisan jawi ini, tak tahu, tak ada kebolehan, kita serahlah kepada orang yang berkebolehan dan orang yang berpatutan.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh Kementerian Pertanian. Manakala dibaca tentang Estimates ataupun Belanjawan ini kita nampak, kata dia, 19% daripada peruntukari Pembangunan ialah untuk sektor pertanian, terima kasih banyak. Ini nampaknya usaha untuk membangunkan pertanian ini begitu ghairah dan kita nampak pun Menteri Pertanian bercakap di Johor semalam pun semua masalah kesedaran dan hendak membangunkan balik tentang keadaan-keadaan ketinggalan-ketinggalan yang berlaku, tetapi

dalam pada itu kita jangan lupa bahawa dalam kita mewujudkan rakyat luar bandar ini supaya dia mengusahakan tanah-tanahnya, jangan sampai hasil-hasil yang kita dapati nanti tidak dapat hendak dipasarkan. Hendak makan sendiri tak habis, terpaksa hendak dipasarkan. Hendak dipasarkan itu tak ada pemasaran. Oleh sebab itu, Jabatan-jabatan yang terlibat dalam pemasaran barang-barang tani penduduk-penduduk luar bandar ini, khususnya bumiputera hendaklah dijalankan dan dikaji sebenar-benarnya di manakah barang-barang ini akan dipasarkan dan apakah tanaman-tanaman yang boleh dilakukan dalam kawasan itu supaya tanaman-tanaman yang dipasarkan itu dapat disogokkan kepada penduduk-penduduk kawasan di situ misalnya.

Selain daripada itu, saya tertarik hati dalam masalah orang luar bandar ini manakala kita kaji bukan dia tak mahu hendak mengusahakan tanah terbiar, tetapi yang jadi masalah besarnya iaitu usaha hendak mengerjakan tanah terbiar ini terpaksa mengorbankan wang yang banyak, iaitu terpaksa hendak dipagar, lepas itu hendak dibeli alat dan sebagainya, kemudian boleh kata Kerajaan akan memberikan subsidi untuk bajak tanah percuma, tetapi hendak kawal tanaman-tanaman itu tak boleh. Sebabnya ialah tidak ada satu Akta Kawalan bagi binatang-binatang ternakan ini. Nampaknya mereka yang berminat untuk hendak menternak kambing, lembu, kerbau dan sebagainya ini tidak ada satu panduan yang ada pada mereka, hanya mereka itu pakai jaga macam itu, lepas macam itu, dia makanlah apa yang dia hendak makan, maka tak dapat hendak dikawal, habis barang-barang, harta-harta orang tani di mamah, dimakan oleh binatang-binatang yang bebas tadi.

Jadi saya ingin mencadangkan dengan apa cara, Kementerian

manapun saya tak tahu yang hendak diberikan satu tanggungjawab supaya binatang-binatang ternakan yang ada sekarang ini di luar-luar bandar misalnya supaya dapat diberi kawalan supaya membolehkan kawasan-kawasan pertanian itu dapat ditanam di mana sahaja kawasannya dengan tidak memikirkan pagar dan alat-alat yang boleh mengawal binatang, sebab binatang dalam kawasan itu tak ada, kalau adapun terkawal, tidak boleh lepas, hanya yang lepas satu, satu, itu kecuali. Ini yang saya nampak dalam penyelidikan kita ada orang yang mahu usahakan tanaman, tetapi dia patah hati manakala tanamannya ini dirosakkan oleh binatang-binatang yang kumpulan lembu-lembu iri sampai 30, 40 ekor sekali datang, tak boleh tahan. Jadi tak ada kawalan, Akta ini tak ada. Dengan sebab ini kalau dapat difikirkan yang ini, bolehlah.

Dalam soal-jawab hari itu saya sudah dedahkan, tetapi yang dijawab oleh pihak Menteri yang berkenaan, dia kata tak ada kuasa hendak tangkap, yang boleh tangkap itu hanya Majlis Daerah, itu kalau dia pergi dalam bandar. Ini dia dalam kampung, macam mana kita hendak kawal. Orang-orang ini jadi masalah. Lembu-lembu, kerbau-kerbau, kambing-kambing itulah yang disembelih, itu yang diberi kita makan dengan dia memakan hak-hak orang yang tidak halal, dari segi syarak memang salah benar-benar. Itulah binatang yang dibuat korban, itulah binatang yang dibuat kekah, kita makan sama-sama, satu hari dahulu pernah kita pukul binatang itu, pernah kita maki tuannya, kemudian itu kita sogokkan buat kenduri, buat nikah kahwin kononnya membeli lembu, membeli kerbau, tetapi yang makan itu ialah kita, sudah pernah kita sumpahkan binatang itu sebab dia sudah mengamuk dalam kawasan tanaman kita. Jadi untuk hendak kawal supaya rohani ini baik, binatang yang dibela

ini sudah terkawal, pokok-pokok yang ditanam itu terjaga dan kita tak dapat dosa, maka saya rasa Akta Kawalan binatang ini harus dibuat supaya jangan dia terbiar, jangan dia bebas, jangan dia boleh merosakkan hak orang lain.

Akhirnya saya hendak menyentuh Kementerian Kerjaraya. Kementerian Kerjaraya ini yang saya hendak sentuh tentang bekalan air. Banyak masalah bekalan air ini nampaknya sekarang timbul agaknya kerana pembangunan begitu ghairah, jadi banyaklah masalahnya. Tetapi dalam masalah orang luar bandar yang menjadi masalah sekarang ialah bayaran bil air. Bayaran bil air ini nampaknya dua bulan sekali. Dalam keadaan dua bulan sekali ini manakala diteliti bayaran itu mereka ini terlibat dalam bayaran lebih, maknanya bayaran pertama itu rendah tetapi bayaran kedua itu tinggi kerana banyak menggunakan air sebab masuk dua bulan. Kalau bulan itu sahaja dia tak terlibat dalam bayaran lebih tadi, oleh kerana itu banyak melibatkan kesusahan kepada orang kampung sampai dua bulan terpaksa bayar \$60 untuk bil air tersebut. Keadaan yang macam ini minta dipertimbangkan dan dibuatlah apa cara supaya bil air ini dapat disampaikan tiap-tiap bulan, sebagaimana sebelum komputer dahulu. Kalau ini boleh diamalkan, rasa saya sungutan orang kampung akan kurang.

Begitu juga saya hendak menyentuh sedikit Lebuhraya Senawang-Ayer Keroh. Ini sudah saya bangkitkan kepada Menteri berkenaan iaitu saya ditemui oleh wakil-wakil penduduk kawasan kampung ini dengan satu salinan sural yang dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri oleh penduduk-penduduk kampung ini tentang masalah jambatan yang dibina di pertengahan perjalanan yang diduduki kiri-kanan oleh sawah.

Dalam pelan induknya jalan itu ditambah, kemudian baru dibuat jambatan. Di kiri-kanan ditambah dengan tanah, lepas itu baru dibuat jambatan, akibatnya larian air tak begitu sempurna dan telah pun mengakibatkan kerosakan dan banjir kilat dalam beberapa kampung di kawasan itu.

Kedudukan tempat ini telah pun dilawat oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan supaya tempat itu dapat dikaji balik semula sebab pengkajian pertama itu mungkin tidak memikirkan tentang larian air ini tidak merosakkan penduduk-penduduk kampung, tetapi manakala dibuatkan projek ini pihak pemaju telah pun memberitahu penduduk-penduduk kampung kalau tak mahu menerima pelan induk yang seperti itu hendaklah dimajukan kepada Menteri berkenaan, tetapi rayuan-rayuan ini telah pun dimajukan, setakat ini belum dapat lagi apa-apa perubahan. Oleh sebab itu, saya merayulah supaya dapat dipertimbangkan iaitu jambatan ini dipanjangkan dijadikan viaduct supaya larian air ini dapat dibuat dan tidaklah karam kampung-kampung yang di kiri-kanan itu oleh air-air yang datang, jadi banyak kerosakan-kerosakan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah sebanyak itu saya bercakap dalam masalah-masalah bersama-sama dengan kawan-kawan membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan jumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Ada dua orang di sini, rupanya Yang Berhormat Tuan Tiong yang dahulu berdiri. Jadi, terpaksa saya memberi dia.

4.12 *ptg.*

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 yang dibentangkan baru-baru ini.

Akta ini bertujuan memberi kuasa berkanun menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana diketahui, kedudukan ekonomi antarabangsa telah kembali menjadi lembab pada tahun ini setelah pulih sedikit pada tahun 1984. Keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan itu walaupun telah menjejaskan prestasi ekonomi negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain, kita masih merasa bangga kerana prestasi ekonomi kita masih lebih tinggi. Walaupun begitu, memandangkan kemelesetan ekonomi mungkin berpanjangan sehingga tahun 1986, Kerajaan kita harus berhati-hati, terus berusaha menggalakkan pertumbuhan ekonotni negara dan memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin, Menteri Kewangan, ketika membentangkan Rang Undang-undang itu di Dewan Rakyat pada 25hb Oktober telah menerangkan iaitu strategi Belanjawan, 1986 adalah bertujuan untuk memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan Belanjawan negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam dan

mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta. Pada pendapat saya strategi ini adalah sesuai dan tetap tetapi kejayaannya atau kadar pencapaiannya bergantung kepada teknik-teknik atau tindakan-tindakan yang konkrit yang akan diambil itu.

Maka di bidang perbelanjaan mengurus, Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata bahawa Kerajaan akan terus mengawal dengan ketat perbelanjaan mengurus, akan meneruskan pembekuan pengisian jawatan-jawatan kosong serta mengurangkan bilangan anggota Perkhidmatan Awam. Tindakan-tindakan itu diambil bertujuan menjimatkan perbelanjaan berkenaan bagi mengadakan lebih banyak projek pembangunan untuk dinikmati oleh semua rakyat kita. Saya mengalu-alukan ketetapan Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu iaitu pegawai-pegawai Persekutuan yang ditransfer ke Sabah dan Sarawak dan menjawat di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri-negeri itu dapat elaun kawasan dan subsidi lainnya, tetapi pegawai-pegawai yang berasal dari negeri-negeri itu tidak diberi elaun atau subsidi yang sama. Jika mereka ditransfer menjawat di Semenanjung, bagi pegawai-pegawai yang berasal dari Sarawak atau Sabah, ketetapan semacam ini kurang adil.

Memandangkan kemelesetan ekonomi akan berpanjangan dan Kerajaan berhasrat menjimatkan perbelanjaan yang tidak perlu, maka saya cadangkan agar Kerajaan Persekutuan menimbangkan semula dasar penempatan pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak supaya boleh menempatkan pegawai-pegawai tempatan yang berkelayakan itu sebagai gantinya di perkhidmatan Jabatan-jabatan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan strategi Belanjawan 1986 adalah sesuai dan tepat, tetapi taktik-taktik atau tindakan-tindakan yang berpatutan itu harus diambil untuk kejayaan atau pencapaian matlamat kita itu.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Kerajaan akan terus memberi keutamaan bagi mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dan juga sebanyak \$2,861 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk yang berbilang kaum di luar bandar di negeri Sarawak, saya harap tidak akan ketinggalan. Mereka juga akan menikmati dari usaha-usaha Kerajaan ini. Maka saya menyeru agar Kerajaan dapat memberi peruntukan wang lebih kepada negeri Sarawak untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di Dewan yang mulia ini mengenai matlamat strategi kedua iaitu bertujuan untuk mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta. Daripada Budget Speech Menteri Kewangan kita dapat tahu demi menggalakkan kegiatan sektor swasta dalam berbagai bidang aktiviti ekonomi, Kerajaan bercadang memberi bermacam-galakan.

Di sektor pertanian umpamanya, adalah dicadangkan diberi galakan antara perintis serta elaun eksport lainnya seperti galakan untuk sektor perubatan, galakan industri pelancoggan dan sebagainya. Langkah-langkah ini adalah baik dan tepat, semua pihak di kalangan swasta saya kira memberi sambutan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat untuk menggalakkan pelaburan dan permodenan di katangan swasta, suasana yang sihat dan baik harus dipupuk.

Selain daripada langkah-langkah tersebut di atas, Kerajaan harus mempelawa semua pihak orang-orang asing dan warganegara Malaysia, tak kira apa keturunannya mengambil bahagian dalam kegiatan ekonomi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita dan juga Kerajaan dapat mengkaji semula dasar-dasar atau prosedur-prosedur yang boleh menghalang penyertaan mereka secara aktif dalam kegiatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini untuk menseimbangkan pembayaran dan pendapatan perdagangan antarabangsa negara kita, kita harus selain mengekalkan pasaran kita yang sedia ada, mencari dan memasuki pasaran yang baru untuk menggalakkan dan menambahkan eksport kita, baik eksport keluaran perkilangan kita mahu pun eksport bahan-bahan mentah asli negara kita. Tetapi dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan ini, pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian yang merupakan rakan perdagangan utama Malaysia telah pun kembali menjadi lembab kerana itu prestasi ekonomi negara kita telah dan akan terus terjejas.

Berikutan perubahan yang berlaku di China akhir-akhir ini, beribu usahawan-usahawan dan pedagang asing bergopoh-gapah pergi ke negeri itu berusaha mengadakan perhubungan perdagangan. Pada masa sekarang terbukanya pasaran China yang besar itu adalah berfaedah bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Jika negeri kita dapat mengadakan perhubungan

perdagangan terus dengannya maka itu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke China akhir-akhir ini adalah tepat pada waktunya. Kita tahu lawatan beliau ini telah pun berhasil meningkatkan kerjasama ekonomi dua hala dengan mempersetujui mengadakan perdagangan terus antara rakyat kedua-dua negeri. Supaya perdagangan terus dapat dijalankan dengan lancar, saya bercadang dan menyeru agar Kerajaan kita dapat melonggarkan sekatan-sekatan dan membenarkan rakyat atau pedagang-pedagang, usahawan-usahawan kedua-dua negeri datang kembali antara kedua-dua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soat dan batas kawasan-kawasan pilihanraya. Saya dapat tahu telah dicadangkan bahawa Sarawak akan ditambahkan lagi tiga kawasan pilihanraya Parlimen dan lapan kawasan pilihanraya Council Negeri. Tetapi saya hendak mengemukakan cadangan saya di Dewan yang mulia ini. Itu perbatasan atau demarcation kawasan-kawasan pilihanraya harus berasas pada keluasan geography sifat atau bentuk alam serta kepadatan penduduk. Negeri Sarawak adalah satu negeri terbesar di Malaysia. Keluasannya lebih kurang sama besar dengan Semenanjung. Selain daripada itu keadaan sifat atau bentuk alam negeri Sarawak yang berbukit-bukit di mana perhubungan antara tempat dan tempat lain baik dengan darat mahu pun air sangat susah kerana keadaan jalan raya masih jauh ketinggalan berbanding dengan Semenanjung Malaysia, maka patutlah kawasan-kawasan pendalaman di negeri Sarawak dibahagi lagi supaya wakil-wakil dari kawasan-kawasan itu mudah menjaga kesejahteraan rakyat di kawasannya. Dengan alasan yang sama kawasan bandar Sibul, Miri, Kuching di mana kepadatan penduduk sangat tinggi juga harus dibahagikan lagi supaya penduduk di situ dapat

memilih wakil yang lebih dan wakil-wakil yang terpilih itu dapat memelihara kebajikan mereka lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa orang-orang keturunan Cina di negara ini adalah warganegara Malaysia. Mereka adalah rakyat Malaysia tidak lebih atau kurang daripada rakyat Malaysia lain tegas beliau dalam satu sidang akhbar sekembali beliau dari China setelah melakukan lawatan rasmi 9 hari.

Sebenarnya kami warganegara Malaysia keturunan Cina sentiasa mengikut ajaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita harus berasa bangga sebagai rakyat Malaysia. Kami lahir di sini, bermastautin sampai mati di sini. Kami warganegara Malaysia keturunan Cina sentiasa menganggap Malaysia sebagai tanahair kita yang maha besar itu. Maka kesetiaan kami warganegara keturunan Cina kepada negara kita Malaysia, taatsetia yang tidak berbelah kepada tanahair kita Malaysia adakah sama dengan warganegara keturunan Melayu, India, Iban dan lain-lain, tidak boleh disangkal oleh sesiapa pun. Saya berharap semua warganegara Malaysia jangan lagi dibahagikan kepada beberapa kategori—bumiputera dan bukan bumiputera atau orang-orang asli dan pendatang. Kita semua biar keturunan apa pun adalah merupakan adik-beradik sekeluarga di atas tanah kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berkaitan dengan Kementerian Pelajaran yang mana peruntukan yang dimasukkan ialah sebanyak \$1,257 juta bagi tahun 1986. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam soal ini ialah daripada perkara-perkara yang sentiasa berlaku di negeri Sarawak.

Rasa tidak puas hati daripada rakyat kita di negeri ini yang menuduh Kerajaan kita supaya memberi perhatian yang lebih kepada kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan mengambil tindakan yang konkrit dan sesuai bagi menolong mengatasinya. Walaupun Kerajaan pernah berulang kali memberi jaminan dan iaitu tetap memperlakukan secara adil terhadap Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di negara kita terutama dalam peruntukan perbelanjaan Pelajaran tetapi saya berpendapat jikalau Kerajaan dapat mengambil tindakan penyelesaian sepertimana akan saya sebut nanti, ianya akan lebih meyakinkan dan hapuskan kesangsian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di negeri Sarawak kebanyakan bangunannya dibina 20 tahun yang lalu, sudah lama dan buruk. Ada yang perlu dipelihara dan pemeliharaan, ada yang perlu diganti dengan bilik darjah yang baru dengan segera. Walaupun Kerajaan diwajibkan memberi subsidi 50% bagi kos pembinaan bilik darjah yang baru tetapi kerana kemerosotan ekonomi, Kerajaan telah pun mengurangkan kadar subsidi hingga 1/3 malahan 1/5 dari kos pembinaan seluruhnya dan bakinya harus dipungut dari ahli-ahli masyarakat yang berbudi. Maka itu saya berpendapat dan meminta Kerajaan kita memberi perhatian yang lebih kepada perkara ini dan memperuntukkan wang yang lebih untuk pembaikan dan pemeliharaan bilik darjah yang sedia ada mahupun untuk pembinaan bilik darjah yang baru bagi menampung murid-murid yang jumlahnya mungkin bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru tadi bercadang agar Kementerian Pelajaran akan memberi peruntukan wang untuk pembinaan bilik darjah

baru sekolah bagi menampung murid-murid tetapi kesalnya saya dapat tahu iaitu ada 4 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di kawasan Bahagian 3 negeri Sarawak yang mana darjah yang baru tidak akan dibenarkan buka tahun hadapan kerana jumlah pengambilan murid Darjah Satu bagi tahun itu berkurangan berbanding dengan jumlah pengambilan awal tahun ini.

Selain daripada itu, satu lagi alasan yang diberikan ialah kekurangan wang yang diperuntukkan bagi tahun hadapan akibat kemerosotan ekonomi. Tetapi pada hemat saya dari ini kurang menyakinkan. Jikalau Darjah Satu di sekolah-sekolah ini tidak dibenar buka tahun hadapan, jadi budak-budak kecil itu akan terpaksa pergi ke sekolah yang jauh letaknya dari tempat kediaman mereka dan dengan demikian ia akan menambahkan beban kewangan ibu bapa mereka masing-masing yang sedang mengalami kesulitan menyertai kehidupan keluarga mereka akibat kemerosotan ekonomi dunia. Dalam keadaan sekarang tidak patutlah menyusahkan ibu bapa mereka lagi.

Kerajaan kita harus bersimpati dan memberikan pertolongan kepada rakyat kita yang miskin yang tinggal di luar bandar atau desa-desa kerana pembasmian kemiskinan adalah salah satu dari dua matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita.

Lagi bilik-bilik darjah yang sedia itu tidak digunakan sepenuhnya, ia akan bermakna kos kejatuhan nilai dari bangunan itu yang terbuang sia-sia sahaja dan dari segi urusan kewangan itu adalah merupakan satu pembaziran juga.

Tambahan setahun darjah satu baru tidak dibuka, murid-murid yang sudah cukup umur dari keluarga miskin akan terpaksa menanggungkan pelajarannya sehingga tahun kemudian. Maka kejadian itu akan membangkitkan

perasangka di kalangan masyarakat Cina bahawa Kerajaan akan menutup sekolah rendah jenis kebangsaan dengan sengaja mengambil tindakan itu terus-menerus nanti, walaupun Kerajaan telah kerap kali memberi jaminan secara lisan iaitu sekolah rendah jenis kebangsaan Cina akan berkekalan tetapi tindakan Kerajaan tersebut berlainan.

Maka demi memastikan kejujuran Kerajaan kita dan menghapuskan kesangsian masyarakat Cina, saya mencadangkan Kerajaan kita, terutama Kementerian Pelajaran akan menyelidiki hal ini dan mengambil tindakan yang segera supaya keempat-empat sekolah itu yang terletak di tempat terpencil dalam kawasan desa yang luas, boleh terus dibuka darjah satu untuk menampung murid-murid yang cukup umur yang tinggal di sekitarnya tahun depan.

Untuk makluman Kementerian Pelajaran, Persatuan-persatuan Cina Bahagian Ketiga Sarawak akhir-akhir ini telah pun menghantarkan satu memorandum kepada Jabatan Pelajaran, Bahagian Ketiga, Sarawak, mencadangkan bahawa keempat-empat sekolah rendah itu ialah:

Sekolah Rendah Yong Cheng;

Sekolah Rendah Do Nang;

Sekolah Rendah Haidi; dan

Sekolah Rendah Keng Nang;

dapat terus buka darjah satu tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang berkaitan dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina di negeri Sarawak khususnya, di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina terdapat di dalam jadual waktu KBSR bahawa tempoh masa yang diperuntukkan untuk pengajaran Bahasa Malaysia sangat berkurangan' dibandingkan dengan tempoh masa

yang digunakan untuk pengajaran subjek yang sama di sekolah-sekolah rendah kebangsaan, maka kita khuatir iaitu jika keadaan seperti ini berterusan, sampai Darjah 5 atau 6, akan terwujud satu keadaan baru yang tidak diingini iaitu mutu Bahasa Malaysia di sekolah itu akan rendah dan murid-murid tentulah lemah di bidang Bahasa Malaysia. Jadi apabila mereka melanjutkan pelajaran di sekolah menengah nanti, mereka akan dapati bahawa agak sukar bagi mereka bersaing dengan murid-murid yang datang dari sekolah rendah kebangsaan oleh kerana penguasaan Bahasa Malaysia.

Memandangkan keadaan ini Persatuan-persatuan Cina Bahagian Ketiga, Sarawak dalam memorandum bercadang agar Jabatan Pelajaran dapat dikaji semula dan menambah beberapa tempoh masa yang berpatutan seminggu bagi pengajaran Bahasa Malaysia.

Di samping itu, saya berharap juga bahawa Kementerian Pelajaran sambil memerhati pencapaian tidak seimbang di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di bidang membaca, menulis dan mengira itu juga memberi perhatian kepada peningkatan mutu bahasa Malaysia di sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini hendak menarik perhatian Kementerian Pelajaran kepada perkara guru-guru sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Seperti mana diketahui guru sekolah rendah itu telah dan akan juga bersara berturut-turut, maka guru-guru yang berkecukupan makin hari makin berkurangan kerana sekatan-sekatan yang telah dikenakan pada pengambilan murid-murid di bidang latihan perguruan. Memandangkan perkara kekurangan guru-guru sekolah rendah jenis kebangsaan Cina makin serius, maka saya menyeru dan berharap Kementerian Pelajaran

membuka semula kursus-kursus bahasa Cina di maktab-maktab perguruan di Sarawak untuk melatih guru-guru bagi sekolah rendah itu dan tidak perlu disyaratkan lagi bahawa yang menerima latihan kursus itu mesti mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan kredit dalam Bahasa Malaysia.

Guru-guru yang dimasukkan itu bukanlah mengajar bahawa Malaysia tetapi subjek-subjek bahasa Cina sahaja di sekolah-sekolah jenis kebangsaan itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu di bawah program pelajaran menengah sebanyak \$284 juta diperuntukkan bagi menyediakan sebanyak 2,700 bilik darjah, makmal dan peralatan lain. Saya pun mengalu-alukan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin, pada 25hb Oktober, di Dewan Rakyat. Kata beliau:

"Kita juga seharusnya bersedia membahagikan sumber yang ada dengan lebih adil untuk memastikan keseragaman dalam taraf dan mutu pelajaran di seluruh negara."

Memandangkan negeri Sarawak masih ketinggalan di banyak bidang dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung dan juga faham akan betapa pentingnya pelajaran, pengetahuan dan persediaan tenaga kerja yang berpengetahuan tinggi bagi pembangunan dan kemajuan ekonomi negara serta pencapaian peningkatan kehidupan rakyat, maka diharaplah Kementerian Pelajaran tidak akan lupa menambah peruntukan wang untuk menyediakan kemudahan di peringkat pelajaran menengah dengan membina lebih banyak sekolah menengah di Sarawak, khususnya di Bahagian Ketiga di masa depan yang singkat, bagaimanapun murid-murid yang makin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sukacita mengetahui iaitu Kerajaan telah menjadikan dasarnya mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri bagi menyelamatkan pertukaran wang asing dan juga peruntukan sebanyak \$260 juta untuk menambahkan lagi kemudahan pelajaran di peringkat univerti bagi menampung pertambahan pelajaran. Saya berasa kesal ialah belum ada rancangan menubuhkan satu universiti baru di Sarawak, hanya diperuntukkan bagi menubuhkan sebuah kampus cawangan baru Universiti Sains Malaysia di Ipoh, di samping menambah kemudahan di Kampus Sementara Universiti Utara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan kesal saya, ya, saya merasa kesal kerana rakyat Negeri Sarawak telah lama menunggu-nunggu ditubuhkan sebuah universiti penuh yang baru di Sarawak, untuk menampung pelajar-pelajar Negeri Sarawak kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Kami terdapat di tahun-tahun lepas kebanyakan pelajar kelulusan STPM tidak berjaya mendapat peluang memasuki atau melanjutkan pelajaran di universiti-universiti yang sedia ada di Semenanjung. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dalam jawapan mulut beliau bagi pertanyaan di Dewan Rakyat tempoh hari, di antara 40,892 penuntut yang sedang belajar di tujuh buah universiti yang sedia ada dalam Malaysia, hanya 1,008 penuntut yang datang dari Sarawak. Ini bererti jumlah penuntut dari Negeri Sarawak hanya 2½ % dari jumlah penduduk seluruhnya.

Jikalau dibandingkan dengan jumlah penduduk Sarawak, jumlah pengambilan penuntut dari Negeri Sarawak amat kecil dan harus ditambah. Oleh itu hanya setengah-setengah dari mereka terpaksa

mengusahakan dengan segala daya upaya dan berjaya melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri. Kebanyakannya telah berhenti pelajaran mereka pada tingkat itu sahaja. Walau pun demikian perubahan baharu yang berlaku di luar negeri iaitu kenaikan tanggungan pelajaran universiti telah menyusahkan ibu bapa-ibu bapa yang anak-anak mereka sedang menuntut di universiti-universiti luar negeri dengan menambahkan beban kewangan mereka masing-masing dan juga akan menghindarkan mereka dari menghantar anak-anak ke universiti-universiti luar negeri di masa hadapan.

Apa lagi terhadapnya pengambilan penuntut-penuntut oleh universiti-universiti itu memandangkan kejadian-kejadian tersebut di atas itu, maka diharap Kementerian Pelajaran menimbang semula penubuhan sebuah universiti penuh di Negeri Sarawak pada masa singkat, apabila keadaan kewangan negara kita bertambah baik dan semasa projek itu belum dapat dilaksanakan membatalkan kuota pengambilan yang telah berlaku sejak tahun 1975 dan menyediakan lebih banyak peluang untuk penduduk-penduduk dari Negeri Sarawak melanjutkan pelajaran tinggi di universiti-universiti kita di Semenanjung. Dengan begitulah saya yakin Kerajaan boleh berjaya mencapai matlamat dasar Kerajaan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri dan menyelamatkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu dari Belanjawan tahun 1986 Negeri Sarawak iaitu setengah peruntukan wang adalah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menampung keperluan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan serta kemudahan-kemudahan awam. Pembinaan jalan-jalan raya, jabatan atau pelabuhan, persediaan kemudahan perhubungan

telefon dan teleks, serta bekalan elektrik dan air amatlah penting bagi perkembangan dan kemajuan perindustrian di Negeri Sarawak yang mana masih ketinggalan dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Menggalakkan kemajuan perindustrian ringan secara pembuatan serta perindustrian berasaskan kepada keluaran pertanian dan kayu balak, pembinaan infrastruktur antara faktor-faktor lain harus disediakan.

Oleh yang demikian saya berharap satu perancangan Kerajaan Persekutuan dapat memberi peruntukan wang yang lebih di masa depan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Langkah-langkah ini bukan hanya boleh menolong meninggikan taraf kehidupan rakyat Negeri Sarawak bahkan menambah pendapatan negara serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diketahui kebanyakan bahagian jalan raya di Negeri Sarawak masih belum sampai mutu jalan utama, masih berbatu kelikir permukaannya. Kerana keadaan jalan-jalan yang masih ketinggalan itu pengangkutan barang-barang atau keluaran tempatan dari setempat ke setempat

mahal, maka Kerajaan Persekutuan ini diminta memberi peruntukan wang yang lebih untuk memperbaiki pengangkutan dan perhubungan di Negeri Sarawak, terutama bagi membina dan memperbaiki jalan-jalan di kawasan luar bandar selain daripada menyempurnakan jalan utama dan jalan Pan-Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kecewa kerana setelah mengkaji Belanjawan tahun 1986, saya dapati bahawa projek-projek pembinaan lapangan terbang baru Bintulu dan Sibu yang rakyat Sarawak telah menanti-nantikan terjelmanya itu, lagi

tidak dimasuki di dalam Budget tahun 1986 walaupun rancangan terakhir lapangan terbang baru Sibul telah disempurnakan pada Ogos 1982. Dan pengkajian pelan induk dalam rancangan awal bagi lapangan terbang baru Bintulu juga telah siap. Saya dapat tahu iaitu projek-projek tersebut akan ditangguhkan kerana financial constraint, tetapi saya harap projek-projek itu akan dilaksanakan secepat mungkin sekiranya keadaan kewangan Kerajaan bertambah baik di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kemudahan-kemudahan awam yang mana sebanyak \$996 juta disediakan bagi menambah bekalan elektrik dan air. Di Negeri Sarawak bayaran bagi bekalan elektrik lebih mahal daripada di Semenanjung. Di dalam suatu negara yang sama rakyatnya tidak patut membayar tanggungan yang berlainan. Saya harap apabila Perbadanan Bekalan Sarawak diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan pada 1hb Januari nanti, bayaran tanggungan bagi bekalan elektrik itu di Negeri Sarawak akan diberi pertimbangan semula dan diselaraskan dengan tanggungannya di Semenanjung.

Bersangkutan dengan ini, saya di sini tidak dapat tidak menyentuh sedikit sebanyak mengenai projek Hydro Elektrik Bakun. Saya dapat tahu Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji laporan-laporan tentang projek ini. Projek ini adalah satu projek yang terbesar di Asia Tenggara yang akan menelan perbelanjaan yang sangat besar bagi pembinaannya. Mengenai projek itu ada orang yang membantah, ada orang menyokong. Yang membantah telah pun memberi banyak dalih dan alasan. Bagi pendapat saya bekalan elektrik yang cukup itu adalah sangat perlu bagi kemajuan perindustrian, memandangkan bahawa bekalan elektrik sekarang tidak akan cukup

memenuhi keperluan dan tuntutan kemajuan perindustrian di negara kita pada awal tahun 2000, adalah tepat pada waktunya Kerajaan mengambil tindakan terlebih dahulu sekarang. Selain dari itu pembinaan projek lain di kawasan pedalaman, Bahagian Ketujuh Sarawak akan membawa kepada satu perubahan kehidupan kepada rakyat Sarawak terutamanya suku bangsa-bangsa minoriti seperti Kayan, Kenyah, Punan dan lain-lain. Mereka akan beransur-ansur meninggalkan kehidupan primitif menyertai aliran pokok perkembangan dan kemajuan ekonomi negara, menikmati pencapaian kemajuan ekonominya bersama-sama suku bangsa lain. Itu akan jadi satu kemajuan bagi masyarakat mereka, tetapi kesannya terhadap benda-benda hidup dan cara penghidupannya serta keadaan sekitar alam perlu dikaji juga. Itu harus terserah kepada pakar-pakar yang berkenaan untuk mengkajinya.

Saya bukan pakar dalam aspek ini, maka saya tidak dapat memberi pendapat tentang itu. Sekiranya Kerajaan telah mengkaji laporan projek itu dan melaksanakannya, ganjaran yang dibayar kepada penduduk-penduduk di kawasan itu haruslah berpatutan. Dan juga diharap bahawa apabila projek itu telah disempurnakan dan mula membekalkan elektrik, beberapa ratus dari pendapatan yang dipungut dari pengguna-pengguna nanti dapat diperuntukkan untuk Kerajaan Negeri Sarawak menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi faedah rakyat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu juga tiap-tiap tahun Kerajaan Negeri Sarawak memperolehi peruntukan wang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam di bawah program elektrifikasi luar bandar dan bekalan air luar bandar. Saya juga percaya tahun hadapan pun tidak ada pengecualian, mesti ada

peruntukan yang disediakan untuk tujuan itu. Tetapi saya hanya harap Kerajaan Persekutuan dapat berusaha supaya rakyat negeri Sarawak, terutama yang tinggal di luar bandar boleh menikmati kemudahan-kemudahan itu sepertimana di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga di Dewan yang mulia ini bidang kesihatan yang mana peruntukan sebanyak \$161 juta akan disediakan untuk membina pusat kesihatan, klinik desa dan hospital baharu. Peruntukan ini sangat penting bagi kesejahteraan rakyat kita. Dari itu, kita tahu Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kesihatan rakyat kita. Rakyat sihat negara kuat. Kerana inilah Kerajaan menyediakan peruntukan setiap tahun untuk memberi perkhidmatan perubatan dengan membina lebih banyak pusat kesihatan, klinik desa dan hospital baharu, setelah membaiki dan menambahkan kemudahan di hospital yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak membangkitkan soal hospital baharu yang telah lama dicadangkan akan dibina di Sibu, Bahagian Ketiga, di negeri Sarawak. Jumlah penduduk di Bahagian Ketiga, Sarawak bertambah tiap-tiap tahun walaupun akhir-akhir ini kemudahan di Hospital Lau King Haw Sibu telah ditambahkan tetapi ada kalanya ternampak juga masih tersesak perkhidmatan perubatan, masih kurang mencukupi. Sekiranya projek pembinaan hospital baharu belum dapat dilaksanakan tahun depan, saya berharap Kerajaan boleh menyediakan peruntukan khususnya untuk memperbaiki dan menambahkan kemudahan bagi memberi perkhidmatan perubatan dan rawatan kepada pesakit-pesakit yang harus dirawat di hospital serta pesakit-pesakit luar.

Inilah harapan saya dan saya sekali lagi menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nasir bin Manap.

4.54 ptg.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya sama-sama dengan rakan-rakan membahaskan akta yang dinamakan Akta Perbekalan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 di Dewan Rakyat yang lalu, di antaranya telah menyatakan dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar, kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air perlu diperluas dan dipertingkatkan. Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi tujuan tersebut dalam tahun 1986 sebanyak \$431 juta disediakan untuk pembinaan jalan raya.

Dalam menjelaskan peruntukan jalan raya ini, saya suka menarik perhatian berhubung dengan jalan raya-jalan raya yang perlu diperuntukkan dalam sesuatu peringkat. Apa yang kita ketahui jalan raya-jalan raya ini terbahagi kepada beberapa bahagian, satu di antaranya jalan-jalan Persekutuan, jalan Negeri dan lagi dinamakan jalan Majlis Perbandaran dan jalan-jalan Mukim. Dalam menentukan kedudukan jalan-jalan ini, saya merasai dalam masalah jalan-jalan Mukim ini kadang-kadang berlaku kekecohan di antara pihak yang berhak mengusahakan atau memperbaiki jalan-jalan Mukim yang saya jelaskan tadi. Dan perlu dapat ditegaskan, jalan-jalan Mukim ini adakah pihak Majlis Perbandaran memperbaikinya atau diserahkan

kepada Majlis-majlis Daerah. Jadi, dalam penentuan jalan-jalan Mukim ini, kita mengharapkan kepada Kerajaan dapat menentukan siapakah atau pihak manakah yang ada memperbaiki dari semasa ke semasa sama ada pihak Majlis Perbandaran atau Majlis-majlis Daerah kerana kita tidak mahu mungkin berlaku di masa-masa yang lalu, apa yang saya fahami, kadang-kadang apabila jalan-jalan Mukim ini telah rosak dan pihak orang ramai berkehendakkan pembaikan jalan-jalan Mukim kadang-kadang diperkatakan pihak Majlis Perbandaran yang bertanggungjawab untuk memperbaikinya dan kadang-kadang diperkatakan Majlis Daerah. Jadi, di sini dapat pihak Kerajaan menentukan pihak mana yang betul-betul untuk menjalankan membaiki atau membina dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah diluluskan peruntukannya berjumlah \$43 juta lebih, maka saya suka mengambil perhatian berhubung dengan pembinaan rumah-rumah kos rendah. Jadi, walaupun telah diperkatakan di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ini, maka saya cuma menarik perhatian dan saya sedar dan mengetahui dalam masalah peruntukan rumah-rumah kos rendah ini yang diperuntukkan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, maka harganya adalah lebih kurang \$25,000. Dan dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah ini biasanya dikelolakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Negeri akan menentukan tempat-tempat yang sesuai di manakah patut dtdirikan rumah-rumah yang diperlukan ini da termasuk juga pemilihan-pemilihan kepada penghuni-penghuni diusahakan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita memang sedar untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah

ini adalah kita menentukan kepada orang-orang ramai yang berpendapatan rendah tertakluk kepada jumlah pendapatan yang ditentukan kepada mereka dan kepada mereka yang benar-benar tidak mempunyai rumah untuk kediaman tertentu. Dan dalam masalah ini ramai kita sedar rakyat yang berpendapatan kecil ataupun rendah memang memerlukan rumah untuk tujuan kediaman mereka bagi anak-anak mereka. Yang saya perhatian dari semasa ke semasa Kerajaan apabila membina rumah-rumah murah kadang-kadang dalam 100 unit ataupun 80 unit maka satu edaran ataupun pemberitahuan kepada orang ramai sesiapa yang berkehendakkan rumah murah bolehlah mendapatkan borang-borang di tempat-tempat yang tertentu ataupun di pejabat-pejabat yang ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Saya merasai apabila orang ramai berkehendakkan borang, kadang-kadang mereka telah datang dari awal pagi untuk mendapatkan borang tetapi kita belum pasti lagi sama ada akan mendapat rumah ataupun tidak. Walau macam manapun, kita sedar minat mereka untuk mendapatkan rumah sangat diperlukan. Kadang-kadang kita rasai juga dalam pembinaan rumah 100 unit ataupun 80 unit, yang datang memohon untuk mendapatkan borang kadang-kadang sampai 2,000-3,000 orang.

Jadi ini saya merasai satu kaedah yang agak perlu diperbaiki dari semasa ke semasa supaya Kerajaan dapat menentukan bagaimanakah caranya untuk memberikan kesesuaian kepada rakyat yang benar-benar untuk mendapatkan rumah. Jadi dalam kaedah ini maka saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan dan selaras dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri mestilah diarahkan untuk mengkaji dari semasa ke semasa berapa ramai rakyat yang memerlukan

rumah serta di tempat-tempat yang sesuai. Apabila rekod-rekod didapati daripada orang ramai yang berkehendakkan rumah-rumah yang tertentu, maka dari segi rekod-rekod yang diterima itu maka Kerajaan dapatlah menentukan di sesuatu kawasan yang tertentu, maka keperluan rumah-rumah awam akan dapat ditentukan berapa banyak yang diperlukan.

Apabila Kerajaan membuat satu cara mendaftarkan pemohon-pemohon hendak mendapatkan rumah, maka Kerajaan boleh menentukan cara macam mana untuk mendirikan rumah-rumah itu. Dan daripada permohonan ini maka kita boleh merasakan ataupun kita boleh menentukan pemohon yang demikian kita boleh kata permohonan rumah terbuka kepada orang ramai yang hendak mendapatkan rumah dan dalam borang itu harus dapat diketengahkan di tempat-tempat yang sesuai ataupun di tempat-tempat mana pihak penghuni-penghuni yang hendak memerlukan rumah tadi. Apabila Kerajaan dapat memastikan keramaian pemohon-pemohon yang berkehendakkan rumah dan di tempat-tempat yang sesuai, maka barulah Kerajaan membina rumah-rumah yang diperlukan oleh orang ramai pada sesuatu tempat yang difikirkan perlu dan sesuai.

Selain daripada itu, saya merasai untuk mengelakkan supaya orang ramai tidak begitu susah sangat mendapatkan rumah, barangkali ada pemaju-pemaju perumahan membuat rumah-rumah di dalam sesuatu kawasan, maka eloklah Kerajaan dapat menentukan kawasan-kawasan perumahan yang tertentu agak keluasannya lebih daripada 20 ekar, maka Kerajaan boleh mengarahkan kepada pemaju-pemaju perumahan itu agak sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah rumah yang akan dibina maka diperlukan untuk

mendirikan rumah-rumah murah untuk orang-orang awam yang berpendapatan rendah.

Jadi saya merasai cara yang demikian ada dua bentuknya: satu, Kerajaan mengusahakan benar-benar untuk mendirikan rumah awam yang murah, dan satu lagi dengan kehendak daripada Kerajaan mengarahkan pihak-pihak yang tertentu supaya pembinaan rumah-rumah dapat dipastikan sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah rumah yang dibina dalam sesuatu kawasan diberikan kepada rumah awam. Dan apabila kaedah ini dijalankan, saya merasai apabila Kerajaan mendirikan rumah-rumah murah tidaklah terdapat ada setengah-setengah rumah murah yang didirikan oleh Kerajaan, orang ramai tidak memerlukan rumah-rumah itu dan rumah-rumah itu akan terbengkalai dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik perhatian dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah memperuntukkan peruntukannya lebih daripada \$223 juta dan kita merasai peruntukan ini akan banyak memberi manfaat kepada orang-orang luar bandar. Saya merasai peranan utamanya dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, yang pertama sekali mereka akan mengusahakan untuk pendidikan masyarakat. Selain daripada mereka menjalankan usaha-usaha pendidikan masyarakat dan pembangunan keluarga serta mereka mengadakan pusat-pusat latihan dan memberikan pelajaran-pelajaran yang sesuai sama ada orang-orang yang dewasa yang terdiri daripada wanita ataupun lelaki yang memberikan pelajaran bagi jahitan, masakan, keagamaan dan sebagainya.

Dalam masa-masa yang tertentu saya dapati ada di antara pegawai-pegawai yang berkenaan yang telah

berhenti daripada jawatan itu, misalannya, sesuatu jawatan yang penting di dalam Kemajuan Masyarakat. Jawatan-jawatan ini saya merasai seperti jawatan Pembantu Kemajuan Masyarakat. Walau macam mana pun, saya sedar Kerajaan dalam keadaan kemelesetan tetapi ada benda-benda yang perlu kita boleh laksanakan dan ada benda-benda yang agak tidak begitu perlu kita boleh tangguhkan di masa akan datang.

Yang saya memikirkan apabila jawatan-jawatan yang tertentu sebagai Pembantu Kemajuan Masyarakat dan sebagainya oleh sebab jawatan ini sangat penting kepada orang ramai dan mereka biasanya akan memberikan maklumat-maklumat kepada orang ramai daripada pihak Kerajaan dan kita merasai daripada adanya jawatan yang saya jelaskan tadi sebagai Pembantu Kemajuan Masyarakat, mereka bolehlah kita anggap sebagai suatu hubungan di antara Kerajaan dengan masyarakat dan kekesanannya perhubungan di antara Kerajaan dengan masyarakat sangat baik. Dengan sebab itu sebarang jawatan seperti jawatan yang saya jelaskan tadi, kalau ada kekosongan sama ada mereka berhenti disebabkan sesuatu ataupun mereka telah sampai masanya untuk bersara, maka jawatan-jawatan yang saya jelaskan tadi dapat dipenuhi dengan keadaan yang begitu cepat.

Begitu juga dalam masalah jawatan-jawatan yang penting ini sebagai satu jawatan di dalam Kementerian Penerangan. Dalam Kementerian Penerangan juga ada kaitannya dengan orang ramai yang bekerja memberi perhubungan kepada orang ramai yang satu di antaranya jawatan yang penting di dalam Kementerian Penerangan di negeri-negeri iaitu sebagai Pegawai Penerangan Khas. Pegawai Penerangan Khas ini biasanya mereka akan pergi ke kampung-kampung atau kepada orang ramai memberikan maklumat-maklumat

kepada orang ramai untuk memastikan perjalanan Kerajaan dari semasa ke semasa. Biasanya jawatan yang saya jelaskan tadi ditempatkan di daerah-daerah yang dibahagikan di dalam sesebuah negeri.

Apa yang kita perhatikan kemungkinan terdapat pegawai-pegawai yang saya jelaskan tadi telah berhenti daripada jawatannya, berkemungkinan apa yang dijelaskan tadi telah cukup umurnya, dan mungkin mendapat kerja yang lain yang lebih baik daripada jawatan yang dipegang dahulu. Maka tugas-tugas mereka sudah tidak lagi orang lain yang menganggotainya dan hasrat Kerajaan untuk mendampingi rakyat sebagai dapat pengetahuan daripada Jabatan Penerangan, maka saya merasai kalau ada jawatan-jawatan yang kosong disebabkan dengan sesuatu sebab yang saya jelaskan tadi, maka perlu pihak Jabatan Penerangan mengisikan dalam tempoh masa yang agak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik perhatian berhubung dengan Rukun Tetangga. Rukun Tetangga ini pada kebiasaannya ataupun tujuan utamanya ditubuhkan Rukun Tetangga ini pada hemat saya satu di antaranya adalah untuk mempereratkan orang ramai yang tinggal dalam sesuatu kawasan untuk dapat persefahaman, kerjasama di antara seorang dengan orang lain khususnya di dalam sesuatu kawasan yang tertentu.

Selain daripada itu agak dengan tertubuhnya Rukun Tetangga ini mereka dapat membanteras penjahat-penjahat ataupun penjenayah-penjenayah ataupun orang-orang yang dianggap melakukan kesalahan. Selain daripada itu tujuan utamanya membantu kepada pihak Polis sekiranya kalau mereka tidak berkeupayaan untuk menjalankan sesuatu tindakan dan sebagainya

mereka bolehlah melaporkan kepada pihak Polis. Kerja-kerja yang biasa dilakukan sebagaimana yang disusun dari masa ke semasa pada waktu malam hari mengikut jadual yang disusun oleh sesama mereka, mereka meronda pada waktu-waktu malam yang digilirkan dari masa ke semasa bagi penduduk-penduduk yang tinggal di dalam satu-satu tempat yang ditentukan.

Kemudian kalau misalnya di dalam sesuatu kawasan itu berlaku sesuatu perkara maka mereka bolehlah berunding bersama dengan penduduk-penduduk ataupun ahli-ahli rondaan pada malam itu bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Selain daripada itu barangkali ini kita selalu dengar dan ketahui dalam sesuatu kampung atau tempat itu apabila seseorang ditugaskan bertugas pada waktu malam hari ada di antara mereka yang tidak mahu keluar bersama-sama dengan rakan-rakan mereka dan mereka boleh mengatakan mereka tidak mahu keluar, apa hendak jadi pun tidak apa. Kemudian kalau agak mereka yang tidak begitu keras sangat mereka akan cari orang lain untuk ganti menjalankan tugas pada waktu malam.

Kalau cara macam ini, kalau kita diamkan kaedah yang dilaksanakan oleh ahli-ahli Rukun Tetangga tujuan utama Kerajaan supaya mempereratkan antara orang ramai dalam satu kawasan atau supaya mencari jalan untuk membanteras penjahat-penjahat dan sebagainya tentu tujuan ini tidak berhasil.

Maka dari segi keadaan ataupun cara yang berlaku sedemikian, saya mencadangkan pihak Kerajaan perlu mengambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya membaiki keadaan-keadaan yang tidak begitu sesuai berlaku pada setengah-setengah Rukun Tetangga supaya tidak timbul

di antara mereka dengan mereka bersalah faham. Kalau kita tidak dapat mengambil tindakan yang wajar dan sesuai kepada mereka yang agak engkar, maka kita harus kaji kedudukan Rukun Tetangga ini sama ada perlu kita teruskan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka mengambil perhatian berhubung dengan pasukan RELA. Pasukan RELA ini adalah ditubuhkan bagi menjaga keselamatan dalam kampung dan mereka setengah-setengahnya diberikan senjata-patah. Jadi dalam sesebuah kampung itu ditugaskan beberapa unit dan satu-satu unit ada beberapa orang bagi satu pasukan RELA. Apa yang kita fahamkan dengan tujuan utamanya menubuhkan pasukan RELA ini dalam sesebuah kampung ataupun dalam sesuatu tempat adalah untuk menjaga keselamatan orang ramai dalam kampung yang mereka diam.

Selain daripada itu tujuan utamanya RELA ini ialah sebagai mata atau telinga kepada Kerajaan. Sekiranya kalau ada masalah-masalah yang dipandang atau yang didengarnya tidak sesuai dan agak boleh merosakkan keharmonian di dalam sesebuah kampung bagi masyarakat di tempat itu misalnya kalau mereka dapati ada beberapa orang yang datang ke tempat itu dan syak sama ada mereka ini datang daripada mana-mana, kalau mereka tidak dapat mengatasi dengan sepenuhnya maka ahli-ahli RELA ini memberitahu kepada pihak Polis supaya pihak Polis mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Jadi, apa yang saya jelaskan tadi pasukan RELA ini adalah sebagai mata ataupun telinga Kerajaan bagi kepentingan dan keamanan di dalam sesuatu kawasan yang tertentu.

Merujuk kepada pemberian senjata ini kita selalu mendengar ada setengah-setengah ahli-ahli RELA

yang senjata-senjata mereka dapat dirampas ataupun diambil secara paksa oleh orang-orang yang jahat atau orang-orang yang kita merasai untuk menceroboh kepada ahli-ahli RELA yang berkenaan. Kadang-kadang kita dapati ada di antara ahli-ahli RELA ini yang dapat senjata daripada Kerajaan mereka telah menyalahgunakan senjata yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka sebagaimana matlamat yang utama senjata diberikan kepada ahli-ahli RELA itu. Memandangkan banyak masalah-masalah yang berlaku seperti kecurian ataupun pengambilan secara paksa senapang-senapang patah yang diberikan oleh Kerajaan ataupun penggunaan senapang-senapang ataupun senjata yang diberikan oleh Kerajaan dengan cara tidak betul maka saya suka menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan sewajarnya pasukan RELA yang khususnya kita beri senjatapi-senjatapi dapat kita memberikan latihan yang sewajarnya terutama sekali dalam masalah cara menggunakan senjatapi ataupun cara-cara mana kita hendak menyimpan supaya senjata yang diberikan kepada mereka itu terselamat. Dan pemberian senjatapi-senjatapi ini perlu dikaji dari masa ke semasa ataupun bagi mengelakkan supaya tidak berlaku sebagaimana yang saya jelaskan tadi berkemungkinan Kerajaan boleh menentukan senjatapi-senjatapi yang diberikan kepada ahli-ahli RELA yang tertentu tadi apabila tidak diperlukan maka senjata-senjata itu bolehlah disimpan di Balai Polis. Dan apakala masa-masa yang tertentu maka kita boleh benarkan ahli-ahli RELA ini menggunakan atau membawa senjatapi-senjatapi yang diberikan kepada mereka.

Tuan . Yang di-Pertua, selain daripada yang saya jelaskan saya suka menyentuh berhubung dengan biasiswa yang biasanya dikeluarkan oleh JPA ataupun lain-lain Jabatan

ataupun daripada Kerajaan Negeri. Pada kebiasaannya pengeluaran biasiswa ini memang dirasakan begitu baik kerana memberi bantuan yang sesuai kepada siswa-siswa atau siswazah-siswazah bagi mendapatkan pelajaran yang tinggi dari masa ke semasa. Dan hakikat yang sebenar sekali pengeluaran wang ini tidak akan kita ambil kembali, cuma kita merasakan pemberian ini adalah sebagai pemberian percuma sahaja. Tujuan utamanya adalah untuk memberi kepada pelajar-pelajar-ataupun siswa-stswa yang agak miskin.

Biasiswa-biasiswa ini pada kebiasaannya, kita memberi kepada pelajar-pelajar ataupun siswazah-siswazah yang belajar di uniyersiti ataupun pelajar-pelajar yang belajar di maktab-maktab ataupun di lain-lain maktab di dalam negara kita. Dan kita merasai oleh sebab negara kita di waktu ini sedang menempuh kedudukan kewangan yang tidak begitu stabil dan biasiswa yang kita amalkan sekarang ini, saya memikirkan perlu dikaji dari sekarang supaya peruntukan biasiswa ini tidak akan menyusahkan kepada negara kita. Dengan ini saya mencadangkan pemberian biasiswa ini boleh dibagi kepada pelajar-pelajar sama ada yang menuntut di universiti ataupun di maktab-maktab berasaskan kepada dua cara.

Yang pertama, kita boleh memberikan biasiswa ini bertajuk kepada pinjaman biasiswa, dan pinjaman ini dicadangkan supaya mereka akan membayar kembali apabila mereka telah tamat pengajiannya 50% daripada biasiswa yang diberikan kepada mereka sehingga mereka tamat pengajian. Dan selain daripada itu kita boleh memberikan pinjaman yang tertentu, yang perlu dibayar untuk pelajar-pelajar ataupun siswa tadi apabila mereka telah tamat pengajian mereka.

Saya memikirkan dalam keadaan ini ada beberapa perkara selain daripada kemerosotan kewangan negara, satu lagi saya ketahui juga bukan semuanya siswa-siswa ataupun siswazah-siswazah yang pelajar di universiti ataupun di maktab-maktab, institusi dan sebagainya mendapatkan biasiswa, kerana baru-baru ini setelah ditugaskan untuk menemuduga kepada pelajar-pelajar yang belajar di universiti ataupun di maktab-maktab, penemuduga ini cuma diarahkan oleh Kerajaan Negeri bagi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang belajar di universiti sama ada dalam negeri ataupun luar negeri.

Saya merasa sebahagian di antaranya ada yang belum menerima lagi bantuan atau biasiswa dan sebahagian besar yang belajar di maktab-maktab seperti ITM dan sebagainya tidak menerima sebarang biasiswa. Jadi dari segi kaedah ini kita boleh mengkaji apakah dasar ini sesuai supaya pelajar-pelajar yang benar-benar miskin, yang agak miskin kita boleh memberikan sepenuhnya pinjaman biasiswa kepada mereka dan mereka bolehlah membayar kembali agak 50% daripada biasiswa yang

kita agak terdiri daripada orang-orang yang bergaji lebih ataupun pendapatan tinggi, walaupun kita merasa ibu bapa mereka tinggi pendapatannya, tetapi bagaimana keadaan ibu bapa menanggung anak bukan seorang, ini kita boleh memberikan sebagai pinjaman kepada mereka apabila mereka tamat nanti, mereka boleh membayar balik kepada Kerajaan. Dengan cara ini pinjaman-pinjaman ataupun biasiswa pinjaman yang kita laksanakan dari semasa ke semasa dapat kemungkinan kita memberikan bayaran ini kepada keseluruhan pelajar-pelajar yang belajar di universiti ataupun di maktab-maktab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja ucapan saya di

dalam Dewan ini. Akhirnya, saya menyokong dengan sepenuhnya Akta yang dinamakan Akta Perbekalan 1986. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Kamaruzaman bin Ahmad.

5.25 *ptg.*

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986 ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia yang telah dapat menyediakan satu Belanjawan yang strategi, dinamis dan praktikal.

Saya percaya bahawa strategi-strategi yang dirancangkan itu akan dapat sedikit sebanyak memulihkan keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini. Dengan adanya strategi-strategi ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara di tahap yang membanggakan. Kita semua faham bahawa pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1984 ialah sebanyak 7.6%, pada tahun 1985 ini ianya akan mencapai ke tahap 5.2% dan insya Allah jika kita semua bekerja keras dan gigih serta dengan adanya strategi-strategi yang dirancangkan dengan begitu rapi, saya berpendapat tahap 5% hingga ke 6% pertumbuhan ekonomi kita ini akan dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dalam masalah pembangunan sahaja, tidak termasuk masalah pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin menyentuh beberapa Kementerian serta agensi-agensi

Kerajaan yang ada kaitannya dengan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat khususnya di luar-luar bandar yang miskin, yang mana nasib mereka memerlukan pembelaan yang sewajarnya.

Saya tidak berniat untuk hendak bercakap sesuatu kaum sahaja di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap adalah semua kaum, peruntukan pembangunan bagi tahun hadapan tahun 1986 kalau ditengok di dalam buku ini ialah sebanyak \$8,850 juta dan dari jumlah ini sebanyak \$4,791 juta ataupun 54% adalah diperuntukkan bagi sektor ekonomi dan sebanyak \$2,635 juta ataupun 30% adalah dikhaskan untuk sektor sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Kerajaan perlulah menambahkan lagi peruntukan pembangunan projek-projek pembangunan infrastruktur di luar-luar bandar, seperti menyediakan jalanraya, jalan-jalan tar di kampung-kampung yang mana peruntukan yang telah disediakan pada masa ini, saya berpendapat tidaklah mencukupi. Jalan-jalan yang dapat membawa serta mengeluarkan hasil-hasil para petani ini perlu diberikan perhatian yang berat. Dengan adanya sistem perhubungan dan pengangkutan yang agak baik ianya akan dapat menolong petani-petani mengeluarkan hasil-hasil tani mereka dengan cepat dan dapat pula dipasarkan kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu keperluan-keperluan asas yang lain seperti bekalan api elektrik dan air ke kawasan-kawasan yang terpencil juga perlu dititikberatkan agar mereka dapat mencapai hasil daripada perjuangan politik mereka selama ini. Bekalan api elektrik dan air ke kawasan-kawasan pedalaman juga akan dapat meninggikan lagi tahap

kesihatan mereka dan dengan demikian rakyat akan dapat melipatgandakan lagi daya pengeluaran ataupun, dengan izin, productivity negara dalam sektor pertanian.

Dalam siaran akhbar baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap pada 3hb Disember, 1985 Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Perdana Menteri telah menyarankan bahawa pembinaan jalan-jalan akan ditumpukan bagi tahun hadapan 1986 iaitu bagi menolong-mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang ada sekarang ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini Kementerian-kementerian serta agensi-agensi yang terlibat hendaklah membuat kajian semula serta menambahkan lagi peruntukan-p runtukan mereka bagi maksud pembinaan jalan-jalan bagi Kajian Separuh Penggal untuk Rancangan Malaysia Yang Kelima. Semoga dengan adanya Kajian Semula Separuh Penggal itu dapatlah kita mengatur strategi-strategi yang lebih baik dan yang lebih berkesan dan praktikal bagi menjayakan saranan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai peruntukan pertanian pula, saya masih kurang puas hati walaupun sebanyak \$1,668 juta ataupun 19% dari keseluruhan peruntukan pembangunan telah diperuntukkan untuk sektor pertanian, pada hemat saya dalam keadaan ekonomi yang sedang meleset sekarang ini, kaum tani adalah golongan rakyat yang sungguh-sungguh menderita, tidak kira apa kaum. Harga barangan pertanian seperti kelapa sawit, getah, kelapa, koko dan lain-lainnya amat rendah dan kadang kala kelapa misalnya, di daerah Sabak Bernam, Kuala Langat, Kuala Selangor, Bagan

Datok hanya tinggal 5 sen sebiji, tinggi-tinggi 10 sen sebiji sedangkan harga kelapa di Kuala Lumpur ini tidak jatuh, 50 sen, 60 sen sebiji.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita sebagai orang politik berasa bingung kerana tidak mengetahui di manakah salahnya sistem pemasaran kita ini. Apakah yang kita ketahui bahawa petani-petani yang sentiasa menerima akibatnya dan menanggung segala kerugian dan beban yang berat ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan meneliti serta mengkaji semula sistem pemasaran yang sedia ada. Jika sistem yang sedia ada ini tidak elok maka hendaklah diperelokkan, jika tidak betul maka hendaklah diperbetulkan. Selain daripada itu petani-petani juga mestilah menubuhkan persatuan ataupun pada pendapat saya koperasi-koperasi agar segala harga hasil pertanian mereka itu dapat menjamin harga yang lebih baik dan tidak dipermainkan oleh orang-orang tengah. Jika sekiranya agensi-agensi yang ada sekarang ini memadai seperti LPP, KPD—KPD ini huruf potong, Koperasi Pembangunan Daerah—hendaklah disusun semula agar ianya tidak seperti perpatih Melayu, "Mati segan hidup tak mahu".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan lagi di Dewan ini bahawa segala agensi-agensi yang berkaitan dengan pertanian hendaklah digerakan bersama-sama dengan petani-petani jika Kerajaan benar-benar mahukan kejayaan serta pengeluaran pertanian yang lebih baik di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, selain daripada melipat gandakan lagi produktiviti pertanian, saya juga ingin mengesyorkan supaya bidang ternakan seperti kerbau, lembu dan kambing tidak dilupakan. Oleh itu

rancangan pawah seperti yang ada sekarang ini hendaklah diperhebatkan lagi.

Saya amat tertarik hati dengan satu siaran akhbar tempatan baru-baru ini yang mengatakan bahawa ternakan kambing amatlah viable, dengan izin, di ladang-ladang. Pada saya inilah satu rahmat yang telah diberikan oleh Tuhan kepada kita iaitu satu arena baru yang telah dapat dikesan bagi meninggikan lagi hasil ladang-ladang yang berkenaan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang berkaitan perlulah sensitif kepada idea-idea baru yang seperti ini. Dengan adanya galakan serta tunjuk ajar daripada agensi-agensi Kerajaan serta membuat dasar bagi rancangan ternakan kambing ini secara besar-besaran, nescaya hasil negara dapat bertambah dan ianya akan mengurangkan lagi import daging ke negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini agar Menteri Pertanian yang berkenaan mengambil tindakan segera bagi melaksanakan rancangan yang saya fikirkan ini adalah satu rancangan yang baik.

Perkara yang ketiga, saya menyentuh sedikit berkenaan dengan fasal industri pelancongan iaitu di bawah Kementerian Perdagangan. Saya juga ingin menyentuh mengenai industri pelancongan yang mana di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Kerajaan kita sedang giat serta menggalakkan bidang industri pelancongan ini. Pada pendapat saya sememang sudah tepat dan telah sampai masanya kita berusaha serta memperbaiki bidang pelancongan kita ini. Walau bagaimanapun perkara-perkara asas seperti yang ada sekarang ini, umpamanya keadaan rumah-rumah

rehat, rest houses, dengan izin, hendaklah diperbaiki dan diubahsuai. Begitu juga dengan keadaan sekelilingnya seperti hiasan-hiasan pokok-pokok bunga dan keadaan tandas yang bocor yang melimpah, bau busuk dan sebagainya, ini hendaklah diperbaiki.

Dalam perkara ini saya ingin memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan. Baru-baru ini saya pergi ke Negeri Sembilan singgah sekejap melihat keadaan rumah-rumah rehat. Dua tiga buah rumah rehat saya telah pergi dengan sendirinya melihat keadaannya, maka saya berpendapat adalah amat menarik sekali. Ini saya tidak berniat hendak mengampu Menteri Besar Negeri Sembilan, tetapi perkara ini perkara kebetulan, memang benar, yang mana jika kita dapat mencontohi, begitu juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain, sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sembilan bukan sahaja sekeliling rumah-rumah rehat tetapi rekabentuk rumah rehat itu juga diubahsuai. Tempat-tempat rekreasi di dalam negara kita ini hendaklah diperbaiki dan saya rasa dengan ramainya pelancong-pelancong luar negeri itu nanti ianya akan dapat mengurangkan aliran keluar tukaran asing dan dengan tidak secara langsung ianya akan dapat menambahkan lagi pendapatan yang tidak ketara.

Perkara keempat, saya menyentuh sedikit Kementerian Pelajaran. Ini sudah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya yang terdahulu daripada saya. Di dalam bidang pelajaran pula Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1,257 juta pada tahun hadapan dan selain daripada peruntukan yang sebanyak itu, sebanyak \$174 juta adalah diperuntukkan juga di bawah program pelajaran rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan program pelajaran rendah ini, inginalah saya menyentuh di atas perkara yang paling popular sekarang ini ialah program KBSR, Kurikulum Baru Sekolah Rendah ataupun Kaedah 3M. Pada masa ini kaum guru telah dibebankan dengan berbagai-bagai bebanan dengan segala aktiviti-aktiviti sekolah yang mana mereka telah mengorbankan masa dan tenaga tetapi baru-baru ini kita selalu mendengar sungutan dan rungutan daripada guru-guru KBSR ini iaitu di sekolah-sekolah rendah di luar-luar bandar seperti di kawasan pendalaman, saya ulang balik, kawasan Sabak Bernam, Sungai Besar, Kuala Langat dan sebagainya, guru-guru KBSR ini telah dibebankan dengan menyediakan persediaan seperti menyediakan lukisan-lukisan, poster-poster, carta-carta dan lain-lain lagi. Sebab itulah niereka merungut. Sebenarnya mereka tidak merungut fasal membuat kerja-kerja yang tersebut, yang mereka sungutkan ialah semua barang-barang tersebut seperti manila kad dan sebagainya kena beli dengan wang mereka sendiri.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan dapat memberikan peruntukan bagi maksud yang tersebut. Jika sekiranya perkara ini tidak dapat dibuat kerana kekurangan peruntukan ataupun kekurangan kewangan, maka saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya PIBG-PIBG di sekolah-sekolah hendaklah disusun semula dan diberi nafas baru. Dengan pengkajian dan penyusunan semula ini mungkin PIBG akan lebih aktif dan bersemangat. Ini bermakna terutama sekali dalam membantu dan mengatasi masalah-masalah yang dialami oleh sekolah-sekolah rendah yang berkenaan. Dengan cara demikian, saya berpendapat tidaklah lagi akan timbul masalah-masalah seperti saya katakan. Begitu juga perkara-perkara

yang dirungut oleh guru-guru itu, saya rasa dapat diatasi oleh PIBG-PIBG yang berkenaan.

Mengenai tambahan bilik-bilik darjah pula, saya amat menyokong, sebagaimana yang telah disebut di dalam buku ini, bahawa bilik-bilik darjah sekolah beratus-ratus buah akan ditambah dan ditokok-tambak, ini tidak kira di Semenanjung, termasuk Sabah dan Sarawak. Mengenai tambahan bilik-bilik darjah ini patut kita mengucap terima kasih kepada pihak yang berkenaan. Yang Berhormat Menteri Kewangan, mereka tahu ini adalah perkara wajib, perkara ini patut diberi peruntukan yang begitu banyak, tidak kira apa juga kaum, maka Kerajaan saya rasa mustahak memikirkan perkara ini. Di sini telah disebut, diharap Ahli-ahli Yang Berhormat eloklah baca buku ini sebelum membuat ucapan di Dewan ini apakah yang patut disebut dan apakah pula yang tidak patut disebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menetapkan murid-murid di bilik-bilik darjah yang sempurna, kita mestilah juga menjaga kesihatan mereka supaya apa yang mereka pelajari ini akan dapat diterima dengan baik oleh murid-murid yang tersebut. Mengenai kesihatan kanak-kanak sekolah ini, teringatlah saya dalam projek-projek Kerajaan yang dinamakan Amalan Nilai Pemakanan, kalau saya tak silap. Salah satu skim rancangan ini ialah untuk memberikan makanan tambahan kepada murid-murid sekolah, terutama sekali kepada mereka yang berkeadaan, dhaif, miskin dan terdapat di sekolah-sekolah di luar bandar. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bahawa rancangan makanan tambahan ini atau lebih dikenali dengan "makanan panas", ini ialah untuk menyediakan makanan/minuman kepada kanak-kanak miskin di luar-luar bandar yang mana mereka

pergi ke sekolah tanpa sarapan/minuman pagi disebabkan kemiskinan ibu-bapa mereka itu. Apa yang patut disarankan di sini ialah bahawa Kerajaan hendaklah mengkaji semula serta menyusun strategi baru untuk melaksanakan program ini agar ianya akan lebih berkesan dan efektif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kanak-kanak sekolah ini mendapat makanan yang sempurna, maka kemudahan untuk riadah ataupun bersenam dan bermain perlulah disediakan. Saya berpendapat bahawa asas kepada semua aktiviti ini ialah mengadakan sebuah padang di tiap-tiap sekolah berkenaan. Pada masa ini kita terdapat tidak semua sekolah yang ada mempunyai padang permainan, kadangkala ada padang tetapi padang itu botak. "Botak" di sini bermaksud padang itu tidak tumbuh rumput—itu dia maksud "botak" di sini—dan ada juga terdapat air di atas padang itu kadang-kadang sampai setakat lutut. Inilah sebabnya saya katakan perkara yang seumpama ini patut dititikberatkan, diberi kemudahan di mana tiap-tiap sekolah hendaklah diadakan padang. Itulah sebabnya kadangkala kita dapati anak-anak kita di luar-luar bandar tidak lulus di dalam peperiksaan dan bukan disebabkan mereka itu tidak rajin; mereka itu rajin tetapi disebabkan ada perkara-perkara yang menyebabkan mereka itu tidak mendapat kelulusan yang begitu baik.

Tetapi perkara-perkara seperti mengadakan tempat riadah ini bolehlah dibereskan oleh PIBG umpamanya. PIBG yang saya katakan tadi hendaklah diberikan nafas baru untuk mereka sama-sama berusaha dengan Lembaga Pengurus Sekolah cara mana untuk hendak menambah dan menokok apakala perkara-perkara yang sedikit-sedikit yang tak dapat diberi oleh Kerajaan, maka ini adalah tanggungjawab PIBG dan juga Lembaga Pengurus Sekolah. Ini patut

ditekankan. Oleh itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, sepertimana yang telah saya tekankan di atas ini tadi, supaya peranan PIBG itu perlu diperluaskan lagi demi untuk memperbaiki keadaan di sekeliling sekolah-sekolah rendah agar anak-anak kita dapat belajar dengan baik serta mempunyai kesihatan dan kecerdasan otak yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya suka menyentuh di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya juga ingin menyentuh mengenai bidang perumahan dan juga program-program yang akan dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya menyokong penuh di atas langkah-langkah yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Perdana Menteri untuk mengadakan rancangan segera jangka pendek untuk membina 80,000 buah rumah kos rendah berharga \$25,000 ke bawah dan \$50,000 ke bawah. Dalam hubungan ini, yang perlu ditekankan ialah pelaksanaannya arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya ditubuhkan Bilik Gerakan di peringkat Kebangsaan dan Negeri dan jika perlu, juga di peringkat-peringkat Daerah bagi mengawasi pelaksanaannya, adalah sangat wajar dan mustahak sekali. Adalah diharapkan Yang Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dapat memainkan peranan yang aktif menggerakkan di peringkat Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rumah-rumah dibina dalam bentuk rumah harga sederhana dan harga murah, tetapi apa yang dipentingkan ialah bebanan hutang dan pembayaran ansuran bulanan yang ditanggung oleh pembeli yang berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini, adalah disyorkan

supaya Bank Negara merangka satu dasar dan strategi baru yang merupakan satu kaedah pengurangan faedah pinjaman bagi golongan yang berkenaan agar bebanan kewangan mereka dapat dikurangkan sedikit. Di samping itu, pembinaan rumah-rumah berkenaan hendaklah juga direkabentukkan beridentitikan kebudayaan Malaysia. Ini juga perlu. Terdapat rumah-rumah murah yang dibuat di seluruh tanahair kita ini hanya bentuk-bentuk lama juga, bentuk yang mempunyai "bambung rencong", kata orang Perak. Itulah bentuk yang kita dapat. Ini patut diubahsuai, perlu diubahsuai. Faktor-faktor keselesaan ruang lokasi juga patut diberikan keutamaan yang lengkap dan hendaklah diambil perhatian berat di dalam melaksanakan program-program yang berkenaan. Dengan adanya insentif-insentif serta kemudahan-kemudahan inilah Kerajaan akan dapat menarik ramai lagi para pembeli yang dahagakan tempat kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa Kerajaan sedang giat dengan pelaksanaan program-program perumahan yang raksasa ini, kita mestilah jangan lupa pula kepada projek-projek perumahan swasta yang terbengkalai dan tidak dapat disiapkan. Saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah dengan sedaya upayanya menyelamatkan projek-projek yang tersebut. Saya diberitahu oleh beberapa orang pengadu-pengadu bahawa walaupun Kerajaan telah memulihkan beberapa projek tersebut, tetapi ianya masih belum boleh dianggap mencapai kejayaan. Saya ingin merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat memberikan perhatian berat di dalam masalah yang saya katakan ini,

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya bercakap sedikit mengenai masalah bomba di bawah Kementerian yang sama. Kita lihat

terutamanya balai-balai bomba yang terdapat di pendalaman, di luar-luar bandar, patut tak boleh digunakan lagi; tembok di sana, bocor di sini, kopak di sana sini dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga kereta-kereta bomba, kita nampak berkilat warna merah; dari jauh mencerlang merah, tetapt apakala dia berjalan merayap, tak laju. Apakala kebakaran berlaku, rumah sudah habis disapu oleh api disebabkan kereta-kereta bomba ini tidak berupaya hendak lari laju. Barangkali ini bukan salah kereta itu, Tuan Yang di-Pertua, dan saya tak tahu siapa yang salah. Keadaan ini selalu terdapat di luar-luar bandar.

Kita panggil kereta bomba, "rumah ini terbakar, rumah nombor 22, rumah Encik Bakar, misalannya, sudah terbakar." Datanglah kereta bomba menderu, bunyinya bising; "klung kling", "klung kling", "klung kling", tetapi sampainya lambat. Maka rumah Encik Bakar ini tadi sudah habis terbakar, hangus dijilat api. Itulah sebabnya saya berpendapat supaya Kementerian yang berkenaan mengambil berat dalam masalah kereta bomba ini.

Begitu juga jika boleh beri kereta yang baik, yang dapat memadamkan api dengan segera. Kita tahu di Kuala Lumpur ini rumah-rumah tinggi, pencakar langit dan kereta kita barangkali tak begitu banyak yang baik. Ini juga patut disediakan, jangan rumah sudah terbakar baru kita hendak tempah kereta bomba. Baru kita sebok-sebok melawat ke luar negeri menengok macam mana kereta potongan yang baik misalnya. Tadi telah disebutkan Proton Saga. Syarikat berkenaan tidakkah boleh buat macam kereta bomba? Macam mana cara hendak buat, itu terpulang. Saya tahu bercakap dalam Dewan ini sahaja. Cara hendak buat maka terpulang kepada pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu, terdapat seperti yang saya katakan tadi rumah-rumah pegawai-pegawai bomba yang di pendalaman iaitu di luar bandar. Kalau kita tengok kita kasihan dan sedih. Mereka bekerja bertungkus-lumus siang malam. Kadangkala baru hendak makan nasi pada pukul 8.00, ada telefon mengatakan rumah itu terbakar. Maka mereka pun pergi, tinggal nasi, tinggal isteri, tinggal anak; itu sudah tentulah—nasi pun tinggal kerana menjalankan kewajipan hendak padamkan api, hendak memelihara harta orang ramai. Maka kenapa kita tidak membela nasib mereka? Rumah-rumahnya terbiar begitu sahaja. Maka inilah, saya menyeru Menteri yang berkenaan, saya tidak tahu siapa, supaya dapat memandang berat dalam masalah-masalah ini.

Saya bersimpati sangat dengan mereka ini. Mereka ini mempunyai gaji yang tidak begitu banyak, murah sekali, tetapi kediamannya juga patut kita berikan perhatian, kalau tidak lebih baik, sederhana pun jadilah. Saya tidak hendak mengampu Pengarah Bomba, saya pun tak kenal, tetapi kewajipan saya bercakap keseluruhannya. Saya tidak bercakap dalam masalah satu-satu kaum, satu-satu Kementerian saya hendak sentuh semua kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka menyentuh tentang peruntukan bomba juga. Jabatan Bomba kita dapati peruntukannya terlalu sedikit. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang Kelima ini patut peruntukan ini dikaji semula. Kalau boleh di tambah hendaklah ditambah

Perkara yang keenam, saya suka menyentuh Kementerian Kesihatan. Berhubung dengan perkhidmatan kesihatan, adalah disyorkan lebih banyak lagi klinik-klinik dibina terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar hendaklah diperhatikan

bahawa kebanyakan klinik-klinik tidak dikendalikan dengan sepenuh masa oleh doktor-doktor yang berkenaan. Maka dengan demikian, adalah perlu diambil lebih banyak lagi doktor-doktor supaya setiap klinik yang memberikan rawatan mempunyai resident doctor. Ini perlu.

Perkhidmatan bidan-bidan di luar bandar juga adalah perlu diambil perhatian. Bidan-bidan yang hendak ditugaskan di luar bandar adalah perlu diberikan latihan yang iengkap, yang meliputi pelajaran mengenai adat resam dan tatasusila orang-orang Melayu kampung agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling di mana mereka bertugas. Kadangkala mereka ini, bukannya sombong, hendak dikatakan sombong pun tidak juga sombong—ini telah pun dibangkitkan oleh rakan saya yang terdahulu dari saya, macam kebongkak-bongkakan. Sombong tak sombong, macam kemegah-megahan. Jadi, orang-orang kampung marah kalau sudah kaum sejenis mereka membuat seperti itu, mereka tak hendak pergi ke klinik bidan, mereka suka lagi menggunakan bidan-bidan kampung disebabkan bidan-bidan klinik yang berkenaan sombong, saya berharap mereka patut dikursuskan lagi mengenai dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, kerana boleh jadi mereka tidak tahu hendak menyesuaikan diri dengan orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada adat resam dan tatasusila orang-orang Melayu, Kerajaan juga perlu menerapkan nilai-nilai Islam kepada kakitangan-kakitangan yang beragama Islam. Penerapan nilai-nilai Islam ini adalah sangat penting. Penerapan ini juga penting tetapi sudah diterapkan hendaklah dilaksanakan, dibuat, jangan diterapkan sahaja kerana kalau tak dibuat, tak boleh jadi. Oleh itu, perlu penerapan nilai-nilai Islam ini kepada kakitangan yang beragama Islam.

Begitu juga apabila kakitangan-kakitangan yang serupa yang hendak ditukarkan ke Sabah dan ke Sarawak, misalnya, mereka juga perlu didedahkan kepada adat-istiadat serta pantang-larang orang-orang tempatan. Dengan mengetahui selok-belok dari keadaan masyarakat setempat ini akan membolehkan mereka segera menyesuaikan diri dan dengan itu dapat memberikan khidmat yang lebih baik dan lebih sempurna lagi kepada masyarakat setempat. Maka inilah harapan kita kepada bidan-bidan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan serta rayuan-rayuan yang telah saya buat ini, saya rasa dapat dijalankan dengan sempurna maka tidaklah ada lagi rungutan, sungutan, daripada orang-orang kampung.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor ini patut diatasi dengan seberapa segera. Di mana dapat doktor, itu saya tak tahu; itu terpulang kepada Menteri yang berkenaan.

Misalnya di kawasan luar bandar, walaupun hospitalnya besar dan pesakitnya banyak, doktor cuma ada dua orang, pun tidak duduk di situ dan berulang-alik ke tempat lain. Apakala ada kecemasan, hendak cari doktor pun susah hendak jumpa. Kadangkala kita fikir seorang pesakit boleh hidup lagi tetapi dengan sebab doktor lambat datang, dia pun terus mati. Ini sudah kehendak Tuhan, tetapi ikhtiar itu masih ada. Kita tak boleh serah bulat-bulat, Tuan Yang di-Pertua, kepada Allah s.w.t. tanpa ikhtiar. Itu sebabnya doktor-doktor di luar bandar ini perlu ditokok dan ditambah. Ini juga hendak diberi kursus supaya ia tahu menyesuaikan diri dengan rakyat di kampung-kampung. Kadangkala kita jumpa doktor pun susah. Ini bukan saya hendak jumpa, orang lain jumpa doktor. Dia tanya: "Apa sakit?". Mana dia tahu apa dia sakit? Kalau dia tahu, dia sakit, dia boleh

makan ubat sendiri. Dia datang jumpa doktor hendak tahu apa dia sakit. Dia tak tahu apa dia sakit. Dengan keadaan begitu hamba Allah ini terus meloncong dan terus balik. Ini kadangkala terdapat di luar-luar bandar. Apa salahnya ditanya sebagai seorang doktor: "Pak cik, sakit apa? Makcik apa sakit?" Setengahnya itu pula tak pegang tubuh badan pesakit. Dia ambil pen, jolok-jolok; dia tak pegang. Barangkali kalau dia sentuh badan pesakit itu haram pada dia. Itu saya tidak tahu, tetapi ini memang ada kejadian. Kalau hendak bukti, saya boleh buktikan. Memang dijolok-jolok. Kadang-kadang pesakit kita ini orang kampung, kalau dia sakit, apakala dibuat oleh doktor begitu, bertambah lagi sakitnya, tetapi kalau ada doktor yang baik, dipegang, ditanya, "Encik Bakar misalnya, apa sakit, apa sebab Encik Bakar gemuk dan sebagainya?"

Jadi ini rasa saya menyedapkan hati Encik Bakar, misalnya. Tetapi ini dia kasar dan bertanya, "Apa sebab awak gemuk? Kenapa makan kuat?" Siapa tak hendak makan kuat, Tuan Yang di-Pertua? Makan, mestilah banyak dan kuat, tetapi doktor perlu bagi tahu macam mana cara jangan gemuk, misalnya. Begitulah keadaan doktor-doktor kita di luar-luar bandar. Tetapi ini bukan untuk semua, banyak yang baik. Kalau ada 20-30 orang, ada seorang yang berkelakuan yang semacam ini. Jadi, itu sebabnya apakala kita dapat peluang bercakap, kita cakaplah tetapi bukan untuk semua. Saya takut, bila saya balik nanti entah apa hal, masuk ke Hospital Tanjong Karang—barangkali ada pula yang dengar saya berkata Dato Kamaruzaman bantai doktor—saya" tak dapat layanan pula daripada doktor. Nasihat ini untuk semua supaya jangan biarkan perkara ini berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya bercadang hendak bercakap panjang, kerana orang sebelah saya ini

tercuit-cuit, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya hendak sangat Yang Berhormat ini bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila bercakap, Yang Berhormat.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Nampaknya hendak sangat Yang Berhormat bercakap, jadi saya berilah peluang ini untuk Yang Berhormat. Itu pun tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat ini dapat. Kalau kena orang-orang lain, saya rasa lepaslah peluang Yang Berhormat pada petang ini. Jadi, saya pendekkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang 1986 ini dengan sokongan yang penuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:

6.01 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama rakan saya yang lain di dalam Dewan yang mulia ini bagi turut serta dalam menyokong pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Di samping menyokong pembentangan tersebut yang mana saya rasakan adalah adil dan saksama, saya ingin menyentuh beberapa Kementerian di sini yang saya rasakan perlu dipermantapkan bagi menambahkan keberkesannya dalam memberi perkhidmatannya kepada rakyat. Saya ingin mulakan dengan menyentuh beberapa perkara berhubung dengan peruntukan dan peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Banyak perkara yang sudah disebutkan dan saya harap ini satu daripada tambahan untuk memperkuat hujah-hujah yang dikemukakan oleh saudara-saudara saya tadi.

Mengikuti Belanjawan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan \$600 juta untuk Skim Pinjaman Perumahan bagi Kakitangan Kerajaan. Ia juga akan menyediakan \$300 juta bagi pembinaan 41,000 unit rumah murah. Banyak langkah lagi Kerajaan akan menyediakan untuk menggalakkan pembinaan rumah kos rendah. Contohnya penurunan umur daripada 30 tahun ke 25 tahun bagi melayakkan kakitangan Kerajaan dari kategori D mendapat pinjaman.

Selain dari itu, jangka masa bayaran semula pinjaman akan dipanjangkan dari 25 tahun ke 30 tahun bagi kategori tersebut. Ini tentunya meringankan tanggungan bayaran semula bagi para pekerja kategori D yang berjumlah kira-kira 400,000 orang. Tambahan dari . itu, Bank Negara akan menyediakan \$500 juta untuk, dengan izin, End-Financing, ke atas pembelian rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam. Adalah dianggarkan menjelang akhir 1986, sebanyak 68,000 unit rumah kos rendah akan dibina.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengalukan langkah Kerajaan ini yang bertujuan menyediakan peluang-peluang memiliki rumah dan memperbaiki keadaan perumahan untuk sebahagian daripada golongan miskin atau yang tidak mampu membeli rumah, di samping membuat industri binaan sebagai komponen utama untuk menggerakkan perlumbuan ekonomi. Bagaimanapun, langkah-langkah Kerajaan ini tidak memberi makna jika Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta pihak swasta tidak menyediakan strategi-strategi yang sewajarnya. Strategi yang telah dan sedang dijalankan ketika ini adalah tidak menggalakkan sepertimana yang diharapkan. Ternyata banyak lagi kelemahan yang telah dikenatpasti dan perlu diperbaiki. Contohnya ramai pembeli rumah kos rendah bersungut

rekabentuk rumah tersebut tidak menarik dan mutu bahan binaan yang jauh lebih rendah dari standard diperancangkan. Galakan memajukan rumah pangsa pasang siap 5 tingkat mengikut sistem yang diimport sejak 3 tahun yang lalu adalah jauh dari memuaskan. Di Malaysia, hujan yang kerap dan selalunya lebat membuat bahagian-bahagian sambungan di rumah-rumah kediaman pasang siap mudah bocor.

Satu lagi aspek yang menjadi masalah dalam pelaksanaan program perumahan kos rendah ialah masalah tafsiran yang berbeza di peringkat negeri, daerah dan Kerajaan Tempatan mengenai garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, terutamanya oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di samping itu borang-borang permohonan rumah kos rendah tidak seragam, mahupun di sektor awam atau sektor swasta. Adakalanya borang tersebut bukan dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga surat perjanjian yang menggunakan, dengan izin, jargon bahasa perundangan yang sukar difaham oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan masalah-masalah ini, adalah wajar Kerajaan membentuk satu Dasar Perumahan Kebangsaan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima 1986 hingga 1990. Dasar ini hendaklah yang menyeluruh, bersepadu dan komprehensif. Dalam konteks dasar ini, strategi-strategi baru boleh dibentuk untuk membanteras kelemahan-kelemahan dalam industri perumahan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di hujung tahun ini, berakhirlah Rancangan Malaysia Keempat. Satu dari ketetapanannya ialah sasaran penggunaan 923,300 unit rumah tidak akan tercapai. Di hujung tahun ini juga sektor swasta dijangka akan berjaya membina 251,470 unit

rumah atau 27.2% dari sasaran yang dijangka pada mulanya. Sementara sektor awam dijangka hanya berjaya membina 269,160 unit rumah atau 29.1% dari sasaran negara. Kegagalan pencapaian ini mencerminkan kegagalan program perumahan Kerajaan yang dianggap sebagai sebahagian dari strategi Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dan seterusnya mencapai perpaduan nasional. Oleh itu pembentukan dasar perumahan kebangsaan semakin perlu supaya strategi yang menyeluruh, bersepadu dan komprehensif dapat diwujudkan segera. Strategi-strategi itu perlu mengambii kira faktor pertumbuhan penduduk. Dengan sasaran baru penduduk seramai 70 juta menjelang tahun 2001, permintaan yang bertambah ini tentunya melebihi permintaan yang lalu mengikut kadar pertumbuhan biasa.

Kedua, strata umur penduduk. Semenanjung Malaysia mempunyai penduduk yang muda. Mengikut Banci Penduduk tahun 1980, 38.6% dari jumlah penduduk di sini adalah terdiri dari golongan di bawah umur 14 tahun. Mengikut Laporan 1980, 29.4% dari golongan umur 15 hingga 29 tahun, 26.2% dari golongan umur 30 hingga 59 tahun dan hanya 5.8% dari golongan umur lebih 60-tahun. Oleh itu permintaan terhadap perumahan akan terus bertambah apabila penduduk muda ini mendirikan rumahtangga. Bagaimanapun keupayaan mereka mengumpul wang adalah berkurangan kerana ramai yang baru bekerja. Dalam jangka pendek permintaan mereka adalah berat pada rumah kos rendah dan sederhana,

Ketiga, tahap pendapatan oleh ahli-ahli keluarga mempunyai kesan besar ke atas susunan permintaan dan bekalan perumahan kerana faktor penentunya adalah terhadap jenis dan saiz kediaman yang diminta. Malahan

masalah serius untuk memenuhi keperluan perumahan di Malaysia ialah kemampuan bakal pembeli. Bayangkan sahaja terdapat lebih 75.9% dari jumlah keluarga di Semenanjung Malaysia yang mempunyai pendapatan kurang dari \$800 sebulan. Sudah tentu permintaan paling tinggi adalah terhadap jenis kos rendah dan sederhana.

Keempat, aliran ke arah perbandaran telah mengakibatkan banyak kawasan perumahan muncul seperti cendawan tumbuh. Aliran ini akan terus meningkat memandangkan penghijrahan desa ke bandar akan terus meningkat. Lagipun proses perbandaran akan terus maju dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk meningkatkan masyarakat bumiputera di bandar-bandar.

Adalah dianggarkan ketika ini terdapat 44% atau 5.8 juta penduduk di Semenanjung Malaysia menetap di kawasan bandar. Menjelang 1990 dianggarkan hampir 50% dari jumlah penduduk akan menetap di kawasan-kawasan bandar. Oleh itu, tidak hairanlah masalah perumahan di negara ini lebih runcing di kawasan-kawasan bandar. Contohnya, di Wilayah Persekutuan dianggarkan 31% penduduknya yang memiliki rumah tetap. Sebilangan besar tinggal di rumah-rumah setinggan dan rumah-rumah yang terletak di kawasan tanah Simpanan Melayu dan kampung-kampung baru yang sesak, terbiar dan tidak mempunyai kelengkapan serta kemudahan asas yang secukupnya yang sesuai dengan kehidupan di bandar.

Kelima, mutu alam sekitar juga perlu diambil kira. Untuk melahirkan kawasan perumahan yang bersih dan penduduk yang sihat, kemudahan-kemudahan seperti kawasan-kawasan rekreasi, sekolah, ruang terbuka dan taman hendaklah diwujudkan.

Keenam, Undang-undang yang lebih tegas dan penguatkuasaan sepenuhnya adalah perlu untuk melindungi para pembeli rumah dan juga yang berkaitan dengan pengguna bahan-bahan tempatan supaya perancangan yang melambangkan identiti kebangsaan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pembinaan rumah kos rendah tidaklah boleh dilihat sebagai memenuhi keperluan membina rumah semata-mata. Industri binaan adalah penting kerana ia menyediakan pekerjaan kepada tidak kurang 380,000 orang secara terus, ia juga menyediakan pekerjaan kepada tidak kurang dari 100 industri lain seperti industri simen, papan, cat dan besi waja. Oleh itu, dengan memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah yang dilengkapkan dengan kemudahan infrastruktur dan secara tidak langsung menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah, kegiatan ekonomi dapat dipertingkatkan.

Dalam konteks ini, dasar perumahan kebangsaan perlu mengambil kira keupayaan potensi golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan, sesak dan terbiar di kampung-kampung Melayu, Tanah Simpanan Melayu dan kampung-kampung baru di pinggir dan di sekitar kawasan bandar memiliki rumah.

Memandangkan negara sedang giat meneruskan proses pembandaran dan perindustrian yang pesat, maka sudah sampailah masanya masalah perumahan untuk golongan berpendapatan rendah diberikan perhatian utama, walaupun berkali-kali dalam ucapan di mana-mana pun pemimpin kita berkata mereka mengutamakan rumah golongan berpendapatan rendah, tetapi belum cukup, masih lagi tertinggal di belakang selepas dibandingkan apa statistik kita yang ada hari ini.

Ini selaras dengan Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi dan menyediakan perumahan untuk semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Perusahaan Awam pula, saya rasa kita semua sudah sedia maklum, hampir di setiap negara di dunia, Kerajaan terlibat dalam satu bentuk kegiatan ekonomi melalui perusahaan awam. Kegiatan ini adalah lebih luas di Malaysia di mana agensi-agensi Kerajaan digunakan bukan sahaja untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti tenaga elektrik, air dan jalan raya tetapi juga memajukan ekonomi melalui penyertaan terus dalam kegiatan-kegiatan perindustrian dan perniagaan.

Melalui rancangan-rancangan Malaysia dan pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, perusahaan awam mendapat tempat yang unik. Ini dilakukan oleh Kerajaan dalam usaha gigihnya untuk menyusun semula masyarakat, terutama dari segi ekonomi dan sosial. Tujuannya adalah untuk mencapai keseimbangan kaum dalam susunan pelajaran dan pemilikan harta. Malangnya, peranan yang semakin berkuasa dan berpengaruh oleh agensi-agensi perusahaan awam Kerajaan melalui struktur pentadbirannya dalam kemajuan ekonomi serta perusahaan sosial telah menimbulkan banyak masalah dari penyelesaiannya.

Agensi-agensi Kerajaan ataupun anak-anak syarikatnya lebih berminat membentuk dan meneruskan otonomi dan kebebasan kekuasaan mereka dari melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Berikutan dari itu tidak hairan kebanyakan golongan tertentu selalu melemparkan tuduhan rasuah, pilih kasih, kurang inisiatif dan sombong apabila berurusan dengan para pelanggan dan ke atas agensi-agensi Kerajaan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga sedia maklum

bahawa agensi-agensi utama perusahaan awam seperti Perbadanan Nasional (PERNAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), mempunyai objektif-objektif politik dan ekonomi iaitu membuka peluang-peluang yang lebih besar bagi penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor perdagangan. Oleh itu, agensi-agensi perusahaan awam adalah komponen penting dalam perancangan ekonomi dan sosial negara. Bolehlah dianggap hanya pada kejayaan mereka masa depan penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara terjamin.

Tetapi apa yang telah berlaku adalah mengecewakan. Dari 900 syarikat yang telah ditubuhkan oleh agensi-agensi Kerajaan sebagai syarikat amanah untuk bumiputera 600 syarikat mengalami kerugian. Apa yang kita diberi tahu ialah pengurusan melabur secara perdagangan di syarikat-syarikat ini seolah-olah berdasarkan kepentingan diri bukan sebagai syarikat yang dimiliki oleh kaum bumiputera.

Pertumbuhan harta syarikat, peningkatan untung serta mengurangkan kos pengeluaran dengan berkesan bukan menjadi prinsip utama dalam pengurusan syarikat-syarikat tersebut. Apa yang penting kepada ketua-ketua pengurus syarikat tersebut ialah kenaikan pangkat dan gaji serta mencari untung dari kedudukan mereka.

Sementara itu terdapat anak-anak syarikat agensi Kerajaan menjadi gergasi di dalam sesuatu kegiatan ekonomi dan membolot semua petuang kerja termasuk yang seharusnya dijalankan oleh usahawan-usahawan bumiputera. Masalah ini amat ketara sekali dalam industri binaan. Terdapat beberapa projek besar pembangunan awam yang

dibolot oleh anak-anak syarikat agensi Kerajaan ataupun melalui usaha sama dengan kontraktor-kontraktor asing.

Tuan Yang di-Pertua, jika penubuhan anak-anak syarikat agensi-agensi Kerajaan ini untuk bersaing dengan para pengusaha dan peniaga bumiputera, sampai bila pun matlamat untuk mencapai 30% penyertaan bumiputera dalam segi kegiatan ekonomi negara ini di bawah Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai. Malahan, di waktu ini sekali pun pencapaian golongan pengusaha dan peniaga bumiputera serta equity masyarakat bumiputera dalam korporat masih belum memuaskan. Sedangkan kaum bumiputera hanya ada 5 tahun sahaja lagi untuk meneruskan matlamat Dasar Ekonomi Baru ini tercapai atau tidak.

Jika keadaan ekonomi negara sekarang ini malap, begitu juga tahap pencapaian golongan pengusaha dan peniaga bumiputera. Contohnya ahli-ahli profesional bumiputera seperti arkitek, akauntan, jurutera, doktor, pakar haiwan dan juru ukur masih kecil jika dibandingkan dengan kaum lain. Mengikut Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, hanya terdapat 18.9% ahli profesional Melayu pada akhir tahun 1983. Hakmilik bumiputera dalam sektor korporat juga masih rendah. Sehingga bulan Jun 1985, hakmilik bumiputera dalam sektor ini ialah 19.5% berbanding dengan 55.2% hakmilik kaum lain dan 25% hakmilik pelabur luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kerajaan mengkaji semula fungsi dan tanggungjawab semua agensi-agensi Kerajaan dalam perusahaan awam dalam kegiatan ekonomi negara hendaklah dalam industri-industri yang strategik sahaja. Sementara itu anak-anak syarikat agensi Kerajaan hendaklah diswastakan dengan erti kata yang sebenarnya. Ini boleh dilakukan

dengan menjual sahamnya kepada syarikat-syarikat bumiputera, seperti syarikat gabungan-gabungan yang ditubuhkan oleh bumiputera.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya, hidup mati kaum bumiputera di masa ini dan hadapan terletak di tangan mereka sendiri termasuk para pemimpin yang diamanahkan tanggungjawab tersebut dan para pegawai untuk melaksanakannya. Kerajaan boleh meneruskan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru ke suatu masa yang lebih jauh serta menukar namanya, tetapi ini semua tidak akan mempunyai erti jika tiada, dengan izin, commitment, dan kejujuran dalam pelaksanaannya. Saya tidak mengatakan bahawa pandangan atau cadangan saya sebentar tadi adalah yang terbaik dan mungkin Kementerian berkenaan mempunyai rancangan yang lebih baik memajukan bumiputera tetapi yang saya inginkan ialah suatu kajian dan tindakan diambil segera bagi menjayakan cita-cita Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya beralih pula ke Kementerian Pelajaran yang mana saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan peruntukan dan tanggungjawab Kementerian Pelajaran. Dalam Belanjawan tersebut sebanyak \$260 juta diperuntukkan bagi pelajaran tinggi sebagai usaha menambahkan lagi kemudahan pelajaran di peringkat universiti. Tujuan utama ialah untuk menampung pertambahan pelajar selaras dengan dasar Kerajaan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar kita ke luar negeri supaya pertukaran wang asing dapat diselamatkan. Sehubungan itu sebuah kampus cawangan baru Universiti Sains Malaysia akan ditubuhkan di Ipoh yang dijangka dapat menampung 1,500 pelajar. Saya mengalu-alukan langkah ini. Tetapi struktur dan falsafah sistem kita mewujudkan

institusi-institusi pengajian tinggi adalah seperti kehilangan punca. Kebanyakan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini menghadapi masalah-masalah kewangan dan penurunan nilai serta prestasi graduan dan pensyarahnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita semua tahu masyarakat mengharapkan institusi-institusi pelajaran tinggi melakukan berbagai peranan. Dari segi tradisi, institusi-institusi pelajaran tinggi adalah pusat-pusat pengajian; mengumpul dan menyebarkan pengetahuan kepada semua pelajar. Universiti-universiti diharapkan melibat diri dengan penyelidikan dan lain-lain aktiviti kreatif yang boleh memajukan pengetahuan dan meningkatkan kemajuan intelektual, kebudayaan, sosial dan teknikal. Tambahan dari itu masyarakat juga berharap pusat-pusat pengajian tinggi menyediakan latihan vokasional atau profesional. Masyarakat memerlukan lebih ramai lagi golongan doktor, jurutera dan pengurus. Keperluan ini bertambah penting lagi memandangkan para pekerja teknikal di negara ini adalah rendah sedangkan ia giat menceburi perindustrian berat.

Contohnya mengikut Bancian Penduduk 1980 jumlah jurutera dan juruteknik yang terlibat dalam sektor pembuatan adalah 12,000 orang yang hanya mewakili 2.4% pada tahun 1970, 5.5% di United Kingdom pada tahun 1971 dan 6.5% di Germany pada tahun 1970 dari jumlah pekerja di negara-negara tersebut.

Malangnya sistem pelajaran kita pada hari ini hanya tertumpu kepada pencapaian akademik. Akibatnya, banyak pusat-pusat pengajian tinggi di sini kurang mampu melahirkan para pekerja yang bercita-cita tinggi, pintar dan jujur dalam tugas mereka. Sikap pelajar yang tidak ubah seperti tempayan menerima air di langit tetapi tidak pandai mencari sendiri, perlu

diubah. Jika tidak apabila mereka keluar dari kampus kelak, mereka hanya tahu menunggu arahan dari atas tanpa mengambil inisiatif dalam memerlihatkan daya kreatif dalam melaksanakan tugas.

Institusi pengajian tinggi ini juga hanya mendorong para pelajar menunjukkan kepintarannya melepaskan diri dalam tanggungjawab yang lebih apabila mereka meningkat dalam jawatan di dunia pelajaran. Seharusnya mereka perlu mempertingkatkan kebijaksanaan bertindak. Pusat-pusat pengajian tinggi sepatutnya berfungsi sebagai teras untuk mahasiswa mengenali bakat dan kekurangan dirinya. Oleh itu, seseorang mahasiswa seharusnya dilatih dengan sikap dan hati yang sentiasa berfikir sejauh mana ilmu yang ada dalamnya telah membantu melaksanakan tugas seharian.

Saya berkata ini melalui pengalaman kerana saya mempunyai tidak kurang daripada 35 profesional bekerja di bawah saya yang mana faham benar sikap-sikap mereka. Adalah suatu kenyataan sekarang bahawa sistem pelajaran kita belum berada di tahap yang mantap. Ia mencerminkan sistem pelajaran yang dilaksanakan selama ini belum mempunyai matlamat dan falsafah penyelidikan yang memuaskan.

Mungkin selama ini matlamat dan falsafah pendidikan didorong oleh pencapaian kemajuan fizikal dan kebendaan. Oleh itu, tidak hairan ramai para graduan hanya mengharapkan pengajian tinggi boleh memperbaiki kedudukan mereka dalam sesuatu pertubuhan dan mendapat gaji lebih. Bukan memperbaiki mutu sumber tenaga mereka dan memberi sumbangan kepada masyarakat di samping mengecap keuntungan dari pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di awal tadi saya menyatakan universiti-universiti berperanan melibatkan diri dengan penyelidikan dan lain-lain aktiviti kreatif yang boleh memajukan pengetahuan dan meningkatkan kemajuan intelektual, kebudayaan, sosial dan teknikal. Untuk mencapai objektif ini, Kementerian Pelajaran perlu meningkatkan peruntukan bagi penyelidikan R & D, (research and development) yang mana cukup mustahak. Pihak pentadbir pusat-pusat pengajian tinggi juga hendaklah sedar mengenai peranan penyelidikan untuk meningkatkan kemajuan masyarakat. Malangnya, peranan universiti-universiti ini telah diketepikan oleh agensi-agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengendalikan penyelidikan dalam berbagai bidang ilmiah.

Oleh itu tidak hairan bidang-bidang yang memerlukan penyelidikan sains seperti yang berkaitan dengan getah, kelapa sawit, petroleum, kesihatan dan perikanan telah ada agensi-agensi Kerajaan yang menyelidik segala permasalahan yang bersangkutan dengannya.

Dalam bidang sains sosial pula, Kerajaan mendorong penubuhan institusi pengajian strategik dan antarbangsa Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Institut Tadbiran Awam dan lain-lain. Pertubuhan-pertubuhan ini digalakkan menganjurkan penyelidikan ke atas masalah-masalah praktik yang dihadapi oleh Kerajaan. Nampaknya penyelidikan-penyelidikan penting bagi kehidupan sosial, ekonomi, industri dan kesihatan negara tidak lagi menjadi peranan universiti. Yang tinggal bagi universiti cuma untuk mengeluarkan tenaga kerja dan golongan intelektual bagi masa hadapan. Tugas yang satu itu pun saya ragukan kerana untuk mengeluarkan tenaga kerja dan golongan intelektual yang bermutu memerlukan pensyarah

yang baik. Sedangkan Pensyarah yang baik bergantung kepada keupayaannya mengajar dengan berkesan dan sentiasa menjalankan penyelidikan, continuity dalam research. Tanpa sumbangan mereka yang menyeluruh terhadap masyarakat, para Pensyarah tidak mendapat nilai yang tinggi. Mertabat mereka dipandang rendah berbanding dengan golongan pentadbir, pengurus, ahli perniagaan dan politik. Malahan di universiti sendiri, para pentadbir lebih penting daripada ahli akademik. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada kedudukan gaji dan layanan yang lebih diutamakan kepada golongan pentadbir dari para akademik. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang hari esok, hari Rabu, 11hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.